

**KONSEPTUAL - KATA KUNCI TERHADAP KONSEP KEMISKINAN
DAN PERJUANGAN DALAM CERPEN TERPILIH NORSIAH ABDUL
GAPAR**

AHARUL HAKIMIN BIN HAJI METUSSIN

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2018**

**KONSEPTUAL - KATA KUNCI TERHADAP
KONSEP KEMISKINAN DAN PERJUANGAN
DALAM CERPEN TERPILIH NORSIAH ABDUL GAPAR**

AHARUL HAKIMIN BIN HAJI METUSSIN

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: AHARUL HAKIMIN BIN HAJI METUSSIN

No. Matrik: JGA120024

Nama Ijazah: SARJANA PENGAJIAN MELAYU

Tajuk Disertasi:

**KONSEPTUAL - KATA KUNCI TERHADAP KONSEP KEMISKINAN DAN
PERJUANGAN DALAM CERPEN TERPILIH NORSIAH ABDUL GAPAR.**

Bidang Penyelidikan: TEORI KESUSASTERAAN MELAYU.

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti konseptual Norsiah Abdul Gapar yang terdapat dalam tiga puluh dua cerpen yang diterbitkan sepanjang 1984 sehingga 2012. Semua cerpen ini merupakan cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam antologi cerpen *Hidup Ibarat Sungai* (1987), antologi cerpen *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei* (1984), antologi cerpen *Awan Putih Berarak Damai* (1988), *Kumpulan cerpen Tsunami Di Hatinya* (2009) dan lima buah cerpen dalam majalah *Bahana* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei sepanjang tahun 2010 sehingga 2012. Teori Konseptual – Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan telah diaplikasikan dalam kajian ini. Dengan menerapkan Teori Konseptual - Kata Kunci ini, sebanyak 32 cerpen dianalisis untuk mengenal pasti konseptual Norsiah Abdul Gapar berhubung dengan konsep kemiskinan dan konsep perjuangan. Hasil daripada kajian yang dijalankan, membuktikan bahawa pengaruh penghasilan karya-karya Norsiah Abdul Gapar itu dipengaruhi oleh latar belakang Norsiah Abdul Gapar terutamanya dalam perkara-perkara yang berhubung dengan konsep kemiskinan dan konsep perjuangan. Dalam konsep kemiskinan, bentuk kemiskinan itu dikaitkan dengan kemiskinan yang berbentuk fizikal. Manakala, dalam konsep perjuangan, perjuangan itu dikaitkan dengan perjuangan kaum wanita. Justeru itu, konseptual Norsiah Abdul Gapar itu banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur ekstrinsik seperti latar belakangnya, pendidikan, budaya, kerjayanya, kepercayaannya, pengamatannya, ideologinya dan sudut pandangannya sebagai seorang penulis wanita. Secara kesimpulannya, teori Konseptual - Kata Kunci ini berjaya menganalisis konseptual Norsiah Abdul Gapar melalui karya-karyanya.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the conceptual of Norsiah Abdul Gapar that contained in thirty-two of her short stories published during 1984 to 2012. All of these short stories are published in the anthology of *Hidup Ibarat Sungai* (1987), the anthology of *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei* (1984), the anthology of *Awan Putih Berarak Damai* (1988), *Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya* (2009), and five short stories in *Bahana* magazine published by Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei during 2010 till 2012. Keywords - Conceptual theory is used for this study. Conceptual-Keyword theory was introduced by Mohamad Mokhtar Abu Hassan. By applying this theory, as many as 32 short stories were analyzed to identify the conceptual of Norsiah Abdul Gapar towards the concept of poverty and the concept of struggle. The results of the study have shown that the influence of Norsiah Abdul Gapar;s works is influenced by the background of Norsiah Abdul Gapar, especially in matters relating to the concept of poverty and the concept of struggle. In the concept of poverty, the form of poverty is associated with physical in nature. Meanwhile, in the concept of struggle, the struggle is associated with the struggle of women. Hence, Norsiah Abdul Gapar conceptual is heavily influenced by extrinsic elements such as her background, education, culture, career, beliefs, observations, ideologies and his point of view as a female writer. In conclusion, this Conceptual - Keyword theory able to analyze the conceptual concept of Norsiah Abdul Gapar through her works.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S. W. T. kerana dengan atas rahmat dan izin-Nya yang telah memberikan saya kesihatan, kekuatan dan ketabahan dalam mengharungi pelbagai dugaan dan rintangan untuk melaksanakan penyelidikan ini. Saya juga bersyukur atas masa, peluang, dan segala buah fikiran yang disalurkan ke dalam fikiran saya ini merupakan limpahan rahmat dari yang maha Isa. Justeru, tidak juga dilupakan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia-penyelia saya, Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan dan Dr. Hamizah Hashim yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, teguran, peluang dan nasihat yang bermanfaat sepanjang saya menjalani proses penyeliaan bersama-sama. Di samping itu, tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah daripada pihak Akademi Pengajian Melayu khususnya di bawah Jabatan Kesusasteraan Melayu yang telah banyak menyumbangkan jasa dan ilmu serta kepakaran dalam bidang masing-masing melalui kursus-kursus yang telah saya ikuti sepanjang pengajian saya di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam yang telah memberikan saya peluang untuk meraih ijazah Sarjana dalam Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Selain itu, saya juga tidak lupa mengucapkan setinggi terima kasih kepada informan penyelidikan ini iaitu, Hajah Norsiah Haji Abdul Gapar kerana telah banyak membantu dalam menjayakan penyelidikan ini sehingga selesai.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan ingatan yang tulus ikhlas saya tujukan buat isteri saya, Masrahayu Haji Masri dan anak-anak saya, Amir Nur Akid Alhakimi dan Nur Assyifa Adeeba kerana telah banyak membantu dan bersabar serta tabah dalam mengharungi dugaan dan cabaran ini bersama-sama. Tidak juga lupa diucapkan terima kasih kepada kaum keluarga yang banyak menyokong dan sahabat handai yang memberi sokongan moral dalam menyelesaikan penyelidikan ini.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	6
KANDUNGAN	7
SENARAI RAJAH	9
SENARAI JADUAL	10
SENARAI SINGKATAN	11
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	12
1.1 Permasalahan Kajian	14
1.2 Objektif Kajian	16
1.3 Skop Kajian	16
1.4 Kepentingan Kajian	20
1.5 Metodologi Kajian	20
1.6 Kajian Lepas	22
1.7 Pembahagian Bab	31
BAB 2 TEORI DAN KONSEP	
2.0 Pengenalan	34
2.1 Konseptual	35
2.2 Kata Kunci	36
2.3 Tiga Prinsip Teori Konseptual-Kata Kunci	40
2.3.1 Prinsip Kepengaruhan	41
2.3.2 Prinsip Pemilihan Kata	42
2.3.3 Prinsip Kesan	44
2.4 Konsep Kemiskinan	44
2.5 Konsep Perjuangan	47
BAB 3 PENGARANG DAN KEPENGARANGANNYA	
3.0 Pengenalan	50
3.1 Profil Norsiah Abdul Gapar (NAG)	50
3.2 Penglibatan awal NAG dalam bidang penulisan	54
3.3 Anugerah, Penglibatan dan Pencapaian NAG	58
BAB 4 ANALISIS KONSEP KEMISKINAN DALAM CERPEN-CERPEN NORSIAH ABDUL GAPAR	
4.0 Pengenalan	62

4.1	Konsep Kemiskinan	63
4.2	Kemiskinan Sebagai Penderitaan Fizikal	65
4.3	Kemiskinan Sebagai Penderitaan Emosi	72
4.4	Kemiskinan akibat kemelesetan Ekonomi	84
4.5	Analisis Konseptual Keseluruhan Cerpen NAG Dalam Konsep Kemiskinan	93
4.6	Kesimpulan	102
BAB 5 ANALISIS KONSEP PERJUANGAN DALAM CERPEN-CERPEN NORSIAH ABDUL GAPAR		
5.0	Pengenalan	103
5.1	Konsep Perjuangan	106
5.2	Perjuangan Dalam Mengapai Cita-Cita	108
5.3	Perjuangan Dalam Mempertahankan Hak dan Nasib	118
5.4	Analisis Konseptual Keseluruhan Cerpen NAG Dalam Konsep Kemiskinan	130
5.5	Kesimpulan	139
BAB 6 DAPATAN DAN CADANGAN		
6.0	Pengenalan	143
6.1	Hasil dapatan	143
RUJUKAN		145
LAMPIRAN A: SINOPSIS CERPEN-CERPEN YANG DIPILIH		
LAMPIRAN B: TEMU BUAL BERSAMA NORSIAH ABDUL GAPAR		

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.1	Lingkungan medan kata kunci bagi kata fokus 'Universiti'.	38
2.2	Kata kunci 'Pensyarah' berada dalam satu lapangan semantik dan kata kunci itu juga boleh bertindak sebagai kata kunci dalam lapangan semantik yang lain.	39
2.3	Kata kunci 'Pensyarah' juga boleh menjadi kata fokus dalam bidang makna yang lain yang memerikan beberapa kata kunci yang lain.	40
2.4	Penemuan pembahagian konsep kemiskinan.	43
2.5	Penemuan dan penghuraian kata kunci bagi konsep kemiskinan fizikal.	43
4.1	Penemuan pembahagian konsep kemiskinan.	64
4.2	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen "Pertemuan".	66
4.3	Lingkungan medan kata kunci bagi konsep kemiskinan dalam cerpen "Insan Seperti Tipah".	69
4.4	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen "Aku Masih Ingat!".	71
4.5	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen "Semangkuk Soto Panas".	75
4.6	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen "Perempuan Baju Jingga".	80
4.7	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen "Kemaruk".	86
4.8	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen "Gelandangan".	91
4.9	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam ketujuh-tujuh cerpen yang dipilih.	96
5.1	Penemuan pembahagian konsep perjuangan.	107
5.2	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen "Penantian".	109
5.3	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen "Pertemuan".	112
5.4	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen "Hadiah Sebuah Perkahwinan".	116
5.5	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen "Reben Merah Jambu".	119
5.6	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen "Kerudung Ungu".	123
5.7	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen "Insan Seperti Tipah".	127
5.8	Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam kelima-lima cerpen yang dipilih karya NAG	133

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1.1	Senarai cerpen yang dikaji dan konsep yang ditemui dalam karya nukilan NAG yang diterbitkan sepanjang tahun 1972 sehingga 2012	19
4.1	Jadual kekerapan penggunaan kata kunci dalam ketujuh-tujuh cerpen yang dipilih.	94
5.1	Jadual kekerapan penggunaan kata kunci dalam keenam-enam cerpen yang dipilih.	131

Universiti Malaya

SENARAI SINGKATAN

NAG
MAA
S. E. A WRITE'S
AWARDS
RIPAS
BSP-DBP

Norsiah Abdul Gapar
Maktab Anthony Abell
South East Asia Write's Awards

Raja Isteri Pengiran Anak Sallehah
Brunei Shell Petroleum-Dewan Bahasa Dan Pustaka

Universiti Malaya

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan.

Dalam perkembangan sastera yang lama bertapak di Negara Brunei Darussalam ini, secara majoritinya karya-karya kaum lelaki yang lebih banyak menonjol. Kebanyakan karya-karya kaum lelaki dicungkil dan dinobatkan sebagai karya unggul, mutakhir, bernas dan dinamis dan penulis wanita seolah-olah diketepikan (Aminah Momin, 1995, p. 30). Hal ini terbukti apabila pengkaji menjalankan beberapa pengamatan di Negara Brunei Darussalam, kebanyakan pengkaji dan para sarjana di Brunei Darussalam lebih berani tampil dan membahaskan ketokohan lelaki dalam seminar-seminar, kajian dan forum-forum di dalam negara mahupun luar negeri. Ini secara tidak langsung telah mengetepikan peranan wanita dalam perkembangan dunia sastera di Brunei Darussalam (Aminah Momin, 1995, p. 44).

Dalam membahaskan tentang penyingkiran peranan wanita dalam perkembangan sastera Brunei ini, sering kali penulis-penulis wanita dalam penulisan kreatif ini dipinggirkan bukan kerana mereka ini tidak prolifik, tetapi terdapatnya tanggapan bahawa arena sastera Brunei masih lagi didominasi oleh kaum lelaki (Faridah Abdul Hamid, 1995, p. 19). Sehubungan itu nama seperti Norsiah Abdul Gapar, Aminah Mukmin, Maimon

Rahman, Fatimah Asgar, Shaharah Haji Abdul Wahab dan ramai lagi penulis wanita yang diketepikan untuk mengangkat ideologi atau konseptual golongan lelaki yang lebih dominan dalam arena sastera Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, penelitian ini ingin membuktikan bahawa wanita mempunyai gambaran, pengalaman, suara, hasrat, wawasan, gaya bahasa dan budaya mereka yang tersendiri.

Sejajar dengan hal ini, persoalan gender bukan motif kajian ini dijalankan malah kajian ini adalah berperanan untuk mengangkat taraf karya salah seorang tokoh penulis wanita yang ikut serta menceburkan diri dalam memperkembangkan arena penulisan kreatif sastera Negara Brunei Darussalam dan sekali gus mengangkat kedudukannya sebagai seorang tokoh penulis wanita yang pertama menerima anugerah *S. E. A. Write Awards* pada tahun 2009. Tokoh penulis wanita yang dimaksudkan itu ialah Norsiah Abdul Gapar (NAG).

Nama Norsiah Abdul Gapar adalah satu nama yang tidak asing lagi bagi mereka yang mengamati karya-karya sastera di Brunei Darussalam. Berdasarkan penglibatan dan sumbangannya dalam dunia sastera dan masyarakat amnya telah membuatkan dirinya itu menjadi idola kepada penulis-penulis wanita yang lain untuk ikut mengikuti jejak langkahnya agar meraih kejayaan seperti dirinya. Sejarah awal penglibatan NAG dapat dikenal pasti bermula semasa NAG masuk ke MAA, Seria pada tahun 1964 hingga 1971. Mutakhir ini, setelah selama empat dekad berkecimpung dalam dunia penulisan kreatif ini, NAG pada tahun 2009 telah pun dinobatkan sebagai penulis wanita pertama bagi Brunei Darussalam untuk menerima anugerah *S. E. A. Write Award's* pada 9 Oktober 2009 di Bangkok, Thailand (IS IM, 2012, pp. 1-2). Pada ketika itu, sejurus dengan pelancaran kumpulan cerpen NAG pada tahun 2009 yang berjudul *Tsunami Di Hatinya* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka itu akhirnya mendahului penulis-penulis wanita yang lain yang

merupakan sewaktu dan sealiran dengannya menelusuri perkembangan penulisan sastra di Brunei Darussalam seawal perkembangan kesusasteraan moden di Brunei Darussalam.

1.1 Permasalahan Kajian.

Setiap pengarang memiliki konseptual atau persepsi yang tersendiri terhadap sesuatu konsep yang terhasil daripada pengaruh-pengaruh ekstrinsik mereka. Konsep merujuk kepada tanggapan, persepsi atau konseptual yang terbentuk dalam fikiran seseorang dengan sesuatu perkara, peristiwa, hal atau objek (Ilona Roth & Vicki Bruce, 1995, pp. 19-21). Dalam hal ini, pengkaji telah meneliti karya-karya NAG dan didapati karya-karya NAG ini kaya dengan konseptual yang menggambarkan pemikiran NAG dalam berkarya. Konseptual tersebut merupakan sesuatu isu atau permasalahan yang berbangkit yang ingin diluahkan NAG. John Plamenatz telah menyatakan bahawa konsep itu bukanlah suatu kepercayaan, ia selalu digunakan untuk menyatakan suatu kepercayaan atau keinginan atau sikap yang bergantung pada keyakinan orang yang menyatakannya konsep tersebut (1970, p. 16). Hal ini telah mendorong pengkaji untuk mengkaji dan menyelidiki konseptual NAG dalam karya-karyanya khususnya dalam penulisan cerpen. Cerpen-cerpen NAG ini banyak mengetengahkan isu dan dilema yang dilaluinya membesar dalam kelompok masyarakat majmuk. Selain itu, NAG juga telah banyak menghasilkan cerpen yang mengetengahkan isu atau konsep kemiskinan dan perjuangan.

Berdasarkan hal tersebut, pengkaji melihat perlu untuk menilai konsep kemiskinan berdasarkan kumpulan cerpen yang terpilih NAG yang mewakili zamannya. Perkataan kemiskinan ini berasal daripada kata “miskin”. Dalam konteks ini, “miskin” ditakrifkan sebagai kekurangan daripada pendapatan minimum yang diperlukan untuk memenuhi

keperluan asas, makanan, pakaian, tempat perlindungan dan kemudahan asas. Malah kemiskinan ini dikatakan bersifat emotif, provokatif dan subjektif (H. Osman-Rani, 1995, p. 8). Berdasarkan tafsiran ini, kebanyakannya watak-watak yang dilakarkan oleh NAG ini mengisahkan tentang watak-watak yang mengharungi konflik kemiskinan, keterpaksaan dalam mengharungi kehidupan dalam keadaan susah dan serba serbi kekurangan. Watak-watak ini telah dieksploitasi kerana mereka miskin, tidak berpelajaran tinggi dan sebagainya. Justeru itu, watak-watak ini dikatakan bersifat emotif, provokatif dan subjektif. Oleh itu, perlunya ada kesinambungan dalam melihat dan menilai latar belakang NAG terhadap konseptualnya khususnya terhadap konsep kemiskinan.

Selain itu, pengkaji melihat perlu juga untuk menilai konsep perjuangan berdasarkan kumpulan cerpen yang terpilih NAG yang mewakili zamannya. NAG lebih kerap dan selesa melakarkan cerpen-cerpennya dengan watak-watak wanita yang menentang isu-isu yang berbangkit dalam dirinya dan masyarakat sekelilingnya. Dalam hal yang sama juga, kebanyakannya watak-watak yang dilakarkan oleh NAG ini menentang persoalan yang memperjuangkan hak individu, mempertahankan hak dalam keluarga, memperjuangkan kehidupan mereka selaku wanita yang diabaikan oleh golongan lelaki dan sebagainya. Sehubungan itu, dapat dinilai perubahan pergerakan, evolusi, dan kesinambungan konseptual NAG terhadap konsep perjuangan. Sebagai penulis wanita, beliau tidak dapat keluar daripada cakupan latar belakang ini.

Sehubungan itu, kajian mengenai konseptual NAG ini perlu dikaji. Justeru itu, pengalaman dan kesesuaian prinsip teori Konseptual - Kata Kunci yang menggariskan bahawa konseptual seorang penulis itu berkemungkinan sama atau berubah dengan berlakunya peredaran zaman, usia dan perubahan ideologi. Tambahan lagi, selaku penulis

wanita, setentunya adanya hasrat atau luahan suara yang ingin disampaikan terutamanya dalam cerpen-cerpen NAG yang mengandungi konsep kemiskinan dan perjuangan.

1.2 Objektif Kajian.

Pada umumnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut;

1. Mengenal pasti konseptual NAG terhadap konsep kemiskinan dan perjuangan dalam cerpen-cerpen terpilih NAG dengan menerapkan teori Konseptual - Kata Kunci.
2. Menganalisis kata kunci konsep kemiskinan dan perjuangan yang terpilih dalam cerpen-cerpen terpilih NAG.
3. Merumus kata-kata kunci yang dominan dalam konsep kemiskinan dan perjuangan dalam cerpen terpilih NAG.

1.3 Skop Kajian.

Kajian ini memberi tumpuan khusus NAG adalah untuk mewakili penulis wanita dari Brunei Darussalam dalam mengetengahkan sumbangan diri penulis sebagai tokoh sastera wanita negara. Sebagai tokoh wanita pertama yang menerima *S. E. A. Write Awards* yang sudah tentu mempamerkan keunikan, keistimewaan dan kekuatan dalam penulisan karya-karyanya sehingga menyerlahkan mutu dan kualiti penulisan dirinya sebagai seorang penulis wanita yang mapan dan prolifik.

Selain itu, penulis menghasilkan novel, cerpen dan skrip drama. Namun, kajian ini akan memfokuskan terhadap penulisan cerpen-cerpen beliau sepanjang penglibatan dalam arena kesusasteraan di Brunei. Cerpen-cerpen tersebut akan dikaji daripada aspek konsep kemiskinan dan konsep perjuangan

Justeru itu, untuk mengenal pasti dan menganalisis konsep-konsep yang dipilih, pendekatan teori Konseptual - Kata Kunci telah diaplikasikan. Pemilihan teori ini adalah sangat relevan kerana kajian ini berperanan untuk menganalisis kepengaruhannya cerpen-cerpen NAG dan menganalisis kreativiti bahasa NAG dan hubung kaitnya dengan ekstrinsik diri NAG. Maka, beberapa cerpen yang terkandung dalam antologi cerpen *Hidup Ibarat Sungai* (1972), antologi cerpen *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei* (1984), antologi cerpen *Awan Putih Berarak Damai* (1988), *Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya* (2009), dan lima buah cerpen dalam majalah *Bahana* yang diterbitkan antara tahun 2010 sehingga 2012 telah dianalisis. Dengan menerapkan teori ini juga memudahkan untuk mengetahui perbezaan dan persamaan konseptual NAG sepanjang penghasilan cerpen-cerpennya.

Sepanjang penglibatan NAG dalam arena kesusasteraan Brunei, terdapatnya kira-kira 32 cerpen yang dihasilkannya. Senarai cerpen tersebut boleh dirujuk pada jadual 1.1. Namun, untuk kajian konsep kemiskinan dan konsep perjuangan berdasarkan teori konseptual kata kunci hanya tujuh cerpen yang dikaji untuk mengetengahkan konsep kemiskinan. Manakala lima cerpen telah dikaji untuk mengetengahkan konsep perjuangan. Cerpen-cerpen kajian adalah seperti berikut:

KONSEP KEMISKINAN:

1. Cerpen “Kemaruk” (2009)
2. Cerpen “Pertemuan” (2009)
3. Cerpen “Semangkuk Soto Panas” (2009)
4. Cerpen “Perempuan Baju Jingga” (2009)
5. Cerpen “Insan Seperti Tipah” (2009)
6. Cerpen “Aku Masih Ingat” (Ogos 2010)
7. Cerpen “Gelandangan” (Feb 2012)

KONSEP PERJUANGAN:

1. Cerpen “Penantian” (1988)
2. Cerpen “Reben Merah Jambu” (2009)
3. Cerpen “Kerudung Ungu” (2009)
4. Cerpen “Insan Seperti Tipah” (2009)
5. Cerpen “Hadiah Sebuah Perkahwinan” (Julai 2011)

Jadual 1.1: Senarai cerpen karya NAG yang diterbitkan sepanjang tahun 1972 sehingga 2012.

Bil	Judul Cerpen	Tarikh Terbit	Buku
1.	Kawan Sa-Kamar Asrama	1972	<i>Hidup Ibarat Sungai</i>
2.	Nenek	1984	<i>Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei</i>
3.	Semalam Yang Jauh	1984	<i>Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei</i>
4.	Penantian	1988	<i>Awan Putih Berarak Damai</i>
5.	Tanah	1988	<i>Awan Putih Berarak Damai</i>
6.	Pertemuan	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>

Jadual 1.1: Sambungan.

Bil	Judul Cerpen	Tarikh Terbit	Buku
7.	Reben Merah Jambu	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
8.	Ramadan Al-Mubarak	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
9.	Sebuah Kereta Antik	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
10.	Tsunami Di Hatinya	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
11.	Sesyahdu Zulhijah	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
12.	Sendu Muharam	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
13.	Menjejak Reda	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
14.	Mahardika dan Bulan	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
15.	Kerudung Ungu	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
16.	E-mel Katrina	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
17.	Semangkuk Soto Panas	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
18.	Perempuan Baju Jingga	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
19.	Pertemuan Musim Rentok	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
20.	Insan Seperti Tipah	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
21.	Seorang Lelaki dengan Bidadarinya	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
22.	Kemaruk	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
23.	Hadiah untuk Mama	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
24.	Demi Tuhan Yan Rela	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
25.	Ego Seorang Mama	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
26.	Mahalnya Khat	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
27.	Masihkah Kau Ingat?	2009	<i>Tsunami Di Hatinya</i>
28.	Akhirnya Mei Lian Mau Ke Syurga	Jun 2010	Majalah <i>Bahana</i>
29.	Aku Masih Ingat	Ogos 2010	Majalah <i>Bahana</i>
30.	Hadiah Sebuah Perkahwinan	Julai 2011	Majalah <i>Bahana</i>
31.	Gelandangan	Feb 2012	Majalah <i>Bahana</i>
32.	Alangkah!	September 2012	Majalah <i>Bahana</i>

Hasil daripada penemuan ini, dapat disimpulkan bahawa konsep yang dominan dalam 32 cerpen NAG adalah konsep kemiskinan dan konsep perjuangan. Justeru itu, cerpen-cerpen NAG juga ada banyak mengungkapkan gambaran kemiskinan yang dilakarkan dari sudut pandangannya sendiri sebagai seorang wanita. Sesungguhnya, perihal mengungkapkan gambaran kemiskinan dan perjuangan dari sudut pandangan NAG dapat dilihat daripada watak-watak yang terdapat dalam cerpen-cerpen NAG dalam usaha mereka mengharungi gelombang arus kemiskinan khususnya dalam mempertahankan institusi kekeluargaannya dan mengayakan hidup mereka dalam institusi masyarakat sekeliling mereka.

1.4 Kepentingan Kajian.

Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat tentang konseptual yang melakarkan pemikiran NAG dalam karya-karya yang dihasilkan khususnya terhadap cerpen-cerpennya. Selain itu, kajian ini juga dapat menjelaskan kepentingan unsur-unsur ekstrinsik yang secara tidak langsung mahupun secara langsung mempengaruhi konseptual NAG dalam karyanya.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat mengungkapkan dan memberi kefahaman kepada masyarakat, dan pembaca tentang konseptual NAG yang terlakar dalam karya-karya yang dihasilkannya. Selain itu juga, kajian ini juga diharap akan mampu memberi ruang dan jalan untuk membantu para sarjana lainnya dalam menjalankan kajian terhadap diri NAG untuk lebih memahami dan memartabatkan karyanya serta diri NAG sebagai tokoh penulis wanita yang prolifik dalam perkembangan arena sastera Brunei Darussalam. Justeru

itu, kajian ini merupakan satu lagi landasan platform untuk melihat dan mengungkapkan konsepsi wanita khususnya karya-karya NAG dalam bentuk penulisan kreatif.

1.5 Metodologi Kajian

Pendekatan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Ini bermaksud kajian ini menggunakan kaedah deduktif yang mengumpul semua bahan dan data untuk dianalisis. Kemudian, data-data ini dinilai untuk diberi ulasan dan tanggapan yang merupakan hipotesis atau pendapat pengkaji berdasarkan bukti-bukti dan penemuan yang diperoleh sepanjang kajian ini dijalankan. Tindakan ini adalah bermatlamat untuk menceritakan semula fenomena yang terdapat dalam teks yang berkaitan dengan teori yang ditetapkan.

Kebanyakan cerpen NAG mengandungi mesej-mesej agar menjaga imej, keperibadian, kredibiliti kaum hawa. Selain itu, NAG juga menyelitkan agar wanita bersifat progresif dan melihatkan imej-imej yang baik serta mengharumkan maruah kaum sebangsanya agar tidak dipandang serong oleh golongan lelaki. Pengutipan data yang akan digunakan dan diaplikasikan dalam kajian ini ada dua, iaitu;

1. Kaedah Perpustakaan

Dalam penyelidikan ini, kajian telah dijalankan menggunakan kaedah perpustakaan. Dalam kaedah ini, kajian ini telah dijalankan menggunakan bahan-bahan cetak yang terdapat di perpustakaan. Selain itu, metode dokumentasi juga diterapkan ke dalam penyelidikan ini. Ini bermaksud penyelidikan secara pengumpulan data melalui bahan bertulis dan bahan

wacana dalam akhbar dan majalah sastera dan yang amnya. Kajian perpustakaan dilakukan di beberapa buah perpustakaan dan pusat-pusat dokumentasi seperti Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (APM,UM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD), Perpustakaan Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Brunei Darussalam (FASS, UBD), Perpustakaan Universiti Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam (UNISSA), Perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPUSB), Perpustakaan Arkib Negara Brunei Darussalam, Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei dan Perpustakaan Utama Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

2. Kajian Lapangan

Melalui kaedah ini, pengkaji telah menemu bual informan (penulis) - NAG – untuk melengkapkan penyelidikan ini. Menerusi temu bual tersebut, pengkaji berjaya memperoleh maklumat dan data tambahan untuk mengetahui latar belakang dan riwayat hidup penulis. Data yang diperolehi melalui kaedah ini telah membantu untuk mensahihkan lagi kajian dan melihat bagaimana perubahan dalam hidup NAG itu merubah mahupun tidak konseptual diri NAG terhadap sesuatu perkara.

1.6 Kajian Lepas

Kajian lepas dibincangkan berdasarkan dua bahagian, iaitu;

1. Kajian penulis (NAG) menggunakan pelbagai teori dan pendekatan
2. Kajian teori Konseptual – Kata Kunci dari pelbagai perspektif.

Kajian tentang NAG menggunakan pelbagai teori dan pendekatan.

Hasil daripada beberapa penyelidikan dan penelitian di beberapa buah universiti, terdapat beberapa buah kajian yang telah ditemui yang relevan dengan kajian ini. Antaranya;

Siti Ajar Petra telah menjalankan kajian dan telah menganalisis karya NAG pada peringkat Sarjana di Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2012 yang berjudul “*Tsunami Di Hatinya: Citra Muslimah Dalam Cerpen Karya Norsiah Abd. Gapar*”. Dalam kajian ini, Siti Ajar Petra telah menganalisis ciri-ciri muslimah yang terdapat dalam kumpulan cerpen NAG. Kajian Siti Ajar untuk dijadikan panduan kehidupan yang berlandaskan ajaran Islam. Tujuan kajian ini untuk menyedarkan dan memberi kefahaman kepada pembaca khususnya kepada kaum wanita tentang peranan mereka sebagai seorang wanita muslimah. Kajian ini menumpukan kepada imej atau citra keperibadian wanita muslimah yang melakarkan watak-watak yang terdapat dalam cerpen-cerpen yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tsunami Di Hatinya*.

Berikutnya ialah kajian daripada Siti Rahimah Dul Samat pada peringkat sarjana muda di Universiti Brunei Darussalam yang bertajuk “*Citra Wanita Dalam Novel Pengabdian Dan Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya: Satu Perbandingan*” pada tahun 2012. Dalam kajian tersebut, Siti Rahimah Dul Samat mendiskusikan tentang citra wanita yang terdapat dalam novel *Pengabdian* dan kumpulan cerpen *Tsunami Di Hatinya* dengan menganalisis watak-watak wanita sebagai satu imej yang dilakarkan oleh penulis wanita.

Dalam kajian ini, Siti Rahimah Dul Samat telah mengungkap kedudukan imej wanita yang terdapat dalam karya tersebut. Dalam kajian yang dijalankan, Siti Rahimah Dul Samat menyatakan bahawa wanita itu tidak dapat lari daripada mellihatkan gambaran yang negatif. Namun, tidak semua sifat negatif itu dimiliki oleh semua kaum wanita. Malah, menurut Siti Rahimah Dul Samat ada kalanya wanita itu memperlihatkan gambaran yang positif sehingga watak wanita itu mampu memperoleh satu kedudukan yang mulia dan setaraf dalam dunia kerjaya seperti kaum lelaki.

Walau bagaimana pun, Siti Rahimah Dul Samat juga mengutarakan bahawa kaum hawa ini juga adalah kaum yang lemah sifatnya dan ada kalanya sifat kelemahan ini dieksploitasi oleh kaum lelaki yang tidak bertanggungjawab seperti yang ditonjolkan dalam beberapa buah cerpen yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tsunami Di Hatinya* dan novel *Pengabdian* yang dikajinya. Namun dalam kajian yang dilakukan oleh Siti Rahimah Dul Samat, pengkaji hanya menumpukan aspek citra wanita sebagai imej yang majoriti lebih kepada positif dan minoritinya memperlihatkan gambaran yang negatif tentang diri seorang wanita dalam sudut pandangan NAG.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Siti Rahimah Dul Samat ini tidak menumpukan kepada sebarang kerangka teori yang boleh dijadikan landasan sebagai pola kajiannya. Selain itu, kajian ini secara amnya, merupakan satu kajian yang lebih mengarah kepada menilai dan melihat imej wanita dalam karya-karya sastera khususnya dua buah karya yang dihasilkan oleh NAG iaitu novel *Pengabdian* dan kumpulan cerpen *Tsunami Di Hatinya*.

Berdasarkan kajian Siti Ajar Petra dan Siti Rahimah Dul Samat yang disebutkan di atas, kedua-dua kajian mellihatkan perbezaan kajian yang amat ketara dengan kajian yang

dijalankan. Pertama, Siti Ajar Petra dan Siti Rahimah Dul Samat lebih menumpukan kepada imej wanita atau citra wanita yang terlakar dalam cerpen-cerpen NAG dalam *Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya*. Kedua, kajian yang dijalankan oleh kedua-dua pengkaji ini hanya menumpukan kepada cerpen-cerpen yang terdapat dalam *Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya*. Kedua-dua perbezaan ini jelas melihatkan jurang perbezaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji iaitu mengkaji konseptual NAG terhadap konsep kemiskinan dan perjuangan dalam cerpen-cerpennya. Malah, dalam kajian yang dijalankan, kajian ini tidak hanya menumpukan kepada cerpen-cerpen NAG yang dihasilkannya dalam buku *Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya*, akan tetapi, kajian ini juga menumpukan kepada kesemua cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh NAG sepanjang 1972 sehingga 2012.

Seterusnya, Suhaili Jumat telah menjalankan kajian pada peringkat sarjana muda Sastera Pendidikan dari Universiti Brunei Darussalam dan kajian beliau diberi tajuk "*Hati Nurani Seorang Wanita dalam Novel Pengabdian*" pada tahun 2002. Dalam kajian ini, Suhaili Jumat mengkaji novel *Pengabdian* dengan mengaplikasikan teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud. Dalam kajian ini, Suhaili Jumat telah menganalisis watak-watak wanita dan proses pembinaannya serta kaitannya dengan kejiwaan NAG. Hasil daripada kajian yang Suhaili Jumat jalankan, kajian ini berjaya memperlihatkan proses pembinaan watak utamanya Siti Nur dan watak-watak wanita yang lain memperlihatkan kejiwaan NAG semasa penghasilan novel ini dan sedikit sebanyak membuka ruang untuk menyelami konseptual NAG selaku seorang doktor pada masa itu. Hasil daripada kajian ini juga memperlihatkan juga hasrat dan harapan NAG yang dilakarkannya melalui watak utama Siti Nur yang merupakan seorang wanita pejuang sehingga ke akhir hayatnya. Justeru itu, kajian ini secara tidak langsung membuka kejiwaan karya NAG khususnya dalam novel *Pengabdian*.

Selain itu, Mariah Hamid / Hussin pada peringkat sarjana Muda Sastera Pendidikan dari Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2002 yang diberi tajuk “*Citra Keperibadian Wanita dalam Pengabdian*”. Kajian ini menumpukan kepada imej atau citra keperibadian wanita terhadap watak-watak yang melakarkan novel *Pengabdian* tersebut. Kajian ini menjurus kepada mengkaji kejiwaan watak wanita utamanya, iaitu Siti Nur. Dalam kajian yang Mariah Hamid / Hussin jalankan, kajian ini lebih menekankan kepada watak utamanya, iaitu Siti Nur dan kajian ini lebih kepada melihat ciri-ciri mulia yang terdapat dalam watak Siti Nur yang patut dicontohi oleh pembaca amnya.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Hassan Dullah pada peringkat sarjana muda di Universiti Brunei Darussalam dengan judul kajiannya “*Watak dan Perwatakan dalam novel Pengabdian*” pada 1993. Dalam kajian tersebut, Hassan Dullah telah mengkaji watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel pertama NAG yang diterbitkan pada tahun 1987 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan. Dalam kajian ini, Hassan mengkaji watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel *Pengabdian* ini daripada watak utamanya iaitu Siti Nur kepada watak-watak sampingan seperti adik Siti Nur, tunang adiknya, rakan-rakan Siti Nur, dan ramai lagi. Walau bagaimana pun, kajian ini lebih menumpukan kepada kajian struktural yang menumpukan kepada kajian watak.

Hasil daripada penelitian tadi, dapatlah dikatakan terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji terhadap karya-karya NAG dengan menggunakan pelbagai pendekatan. Berdasarkan kajian Suhaili Jumat yang disebutkan di atas, kajian tersebut telah menggunakan pendekatan Psikoanalisis untuk mengungkap dan mendalami kejiwaan NAG dengan menggunakan novelnya iaitu *Pengabdian*. Pendekatan ini secara tidak langsung telah membuka ruang untuk mendalami kejiwaan NAG melalui novelnya. Seterusnya, Mariah Hamid / Hussain dan Hassan Dullah telah menjalankan kajian

menggunakan kajian citra imej wanita dan watak dan perwatakan dalam kajian mereka masing-masing. Kajian yang dijalankan oleh ketiga-tiga pengkaji ini hanya menumpukan kepada novel NAG iaitu novel *Pengabdian*. Perbezaan ini jelas melihatkan jurang perbezaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji iaitu mengkaji konseptual NAG terhadap konsep kemiskinan dan perjuangan dalam cerpen-cerpennya. Malah, dalam kajian yang dijalankan, kajian ini tidak hanya menumpukan kepada cerpen-cerpen NAG yang dihasilkannya dalam buku *Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya*, akan tetapi, kajian ini juga menumpukan kepada kesemua cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh NAG sepanjang 1972 sehingga 2012.

Daripada penemuan itu, dapat dirumuskan bahawa kebanyakan kajian yang dijalankan itu lebih banyak yang mengkaji tentang novel dan tidak ramai yang mengkaji tentang cerpen-cerpen NAG. Justeru, jurang ini telah memberi kesempatan untuk mengkaji konseptual NAG terhadap konsep kemiskinan dan perjuangan dalam cerpen-cerpennya. Selain itu, perbezaan kajian ini ialah pengaplikasian teori Konseptual-Kata Kunci. Pengaplikasian teori ini adalah berperanan untuk mengungkap kerangka kata kunci dan konseptual NAG terhadap sesuatu konsep yang kaji. Walau bagaimana pun, kajian-kajian lepas ini sedikit sebanyak membuka ruang untuk konseptual NAG terhadap dunianya yang bertugas sebagai seorang doktor, yakni ahli kimia hayat iaitu melalui pengayaan watak utamanya dalam novel *Pengabdian*.

Malah dengan adanya kajian lepas yang ditemui itu, pengkaji lebih kerap merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Siti Rahimah Dul Samat kerana kajian beliau bukan saja telah mengupas watak-watak yang terdapat dalam cerpen-cerpen NAG dalam *Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya*, malah, kajian Siti Rahimah Dul Samat ini telah

membuka jalan dan ruang untuk memahami watak-watak yang dilakarkan oleh NAG dalam karyanya walaupun kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan yang berbeza.

Kajian teori Konseptual – Kata Kunci dari pelbagai perspektif.

Hasil daripada beberapa penyelidikan dan penelitian di beberapa buah universiti, terdapat beberapa buah kajian yang telah ditemui yang relevan dengan kajian ini. Antaranya;

Raja Rajeswari A/P Seetha Raman telah menjalankan kajian pada peringkat Doktor Falsafah di Universiti Malaya pada tahun 2015 dengan menganalisis kumpulan cerpen-cerpen Anwar Ridhwan. Hasil daripada kajian yang dijalankan Raja Rajeswari A/P Seetha Raman telah diberi tajuk “*Simbol Dalam Cerpen-Cerpen Anwar Ridhwan: Kajian Konseptual Kata Kunci*”. Dalam kajian ini, Raja Rajeswari A/P Seetha Raman mengaplikasikan teori Konseptual-Kata Kunci untuk mengungkap konsep kepimpinan, konsep kemiskinan dan konsep perjuangan dengan menganalisis konsep simbol, kewajaran pemilihan simbol, simbol dan kata kunci serta kaitannya dengan pengaruh ekstrinsik Anwar Ridhwan dalam karya-karyanya. Hasil daripada kajian yang dijalankan memperlihatkan perubahan konseptual Anwar Ridhwan sejajar dengan perubahan yang dialami dalam kehidupannya.

Zalilah binti Zainudin juga ada menjalankan kajian menggunakan teori Konseptual-Kata Kunci. Hasil kajian ini merupakan sebuah penulisan Tesis Sarjana yang dihasilkan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 2007. Kajian ini diberi judul “*Konseptual Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-Cerpen Karya Keris Mas*”. Kajian ini menumpukan kepada mengenal pasti konseptual Keris Mas dalam aspek konsep

perjuangan, konsep kemiskinan dan konsep kepimpinan. Dalam menganalisis konsep perjuangan, pengkaji menggunakan dan menganalisis tiga buah cerpen iaitu cerpen “Menjawab Pesan”, cerpen “Sampaikan Salamku KEPADANYA” dan cerpen “Dia Jatuh Cinta”. Dalam menganalisis konsep kemiskinan, Zalilah Zainudin telah menganalisis dengan menggunakan tiga buah cerpen iaitu cerpen “Cerita Sepanjang Jalan (V)”, cerpen “Cerita Sepanjang Jalan (VII)”, dan cerpen “Lapar”. Manakala dalam menganalisis konsep kepimpinan, Zalilah Zainudin menganalisis tiga buah cerpen iaitu cerpen “Pemimpin Dari Kuala Semantan”, cerpen “Runtuh” dan cerpen “Menjelang Merdeka”. Hasil daripada kajian yang dijalankan memperlihatkan perubahan konseptual Keris Mas sejajar dengan perubahan yang dialami dalam kehidupannya seperti kenaikan pangkat dan sebagainya.

Daripada penemuan itu, dapat dirumuskan bahawa kedua-dua kajian yang kajian yang dijalankan tersebut menggunakan pendekatan yang sama dan menggunakan konsep yang sama iaitu konsep kemiskinan dan konsep perjuangan. Walau bagaimanapun, pengaplikasian teori ini adalah berperanan untuk mengungkap kerangka kata kunci dan konseptual NAG terhadap sesuatu konsep yang kaji. Kedua-dua kajian-kajian lepas ini sedikit sebanyak membuka ruang dan jalan serta cara untuk menganalisis menggunakan teori Konseptual – Kata Kunci.

Selain itu, perbezaan kajian yang dijalankan dengan kedua-dua kajian ini ialah ketokohan yang diketengahkan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada tokoh penulis wanita dari Negara Brunei Darussalam yang bernama NAG. Malah dengan adanya kajian lepas yang ditemui itu, pengkaji mendapati adanya kesamaan konsep yang dikaji iaitu konsep kemiskinan dan konsep perjuangan. Namun, apa yang membezakan kajian ini ialah pendekatan tafsiran atau definisi konsep yang diketengahkan dalam kajian ini adalah berbeza.

Selain itu, Mohamad Mokhtar Abu Hassan telah mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci dalam karya S. Othman Kelantan. Kertas kerja ini diberikan judul “Teori Konseptual – Kata Kunci : Aplikasi Terhadap Cerpen-Cerpen S. Othman Kelantan” dan dibentangkan pada tahun 2004. Hasil kajian tersebut, Mohamad Mokhtar Abu Hassan berjaya membuktikan bahawa faktor-faktor ekstrinsik mempengaruhi konseptual S. Othman Kelantan.

Selepas itu Mohamad Mokhtar Abu Hassan juga telah mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci dalam karya-karya Keris Mas. Kertas kerja ini diberikan judul “Konsep perjuangan Keris Mas melalui cerpen: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci”. Hasil kajian tersebut, Mohamad Mokhtar Abu Hassan berjaya membuktikan bahawa faktor-faktor ekstrinsik mempengaruhi konseptual Keris Mas seperti pekerjaannya, ideologi, parti politik yang dianggotainya dan sebagainya.

Selain itu, pada tahun 2006, sekali lagi Mohamad Mokhtar Abu Hassan mengkaji karya sasterawan Negara Usman Awang. Kertas kerja ini diberikan judul “Degup Jantung: Penerapan Terhadap Teori Konseptual Kata Kunci”. Hasil daripada kajian yang dijalankan, Mohamad Mokhtar Abu Hassan berjaya membuktikan bahawa latar belakang, kekeluargaan dan pengalaman semasa kecilnya telah mempengaruhi konseptual Usman Awang terhadap konsep kemiskinan.

Daripada penemuan itu, dapat dirumuskan bahawa kebanyakan kajian yang dijalankan itu lebih banyak yang mengkaji tentang novel dan tidak ramai yang mengkaji tentang cerpen-cerpen NAG. Justeru, jurang ini telah memberi kesempatan untuk mengkaji konseptual NAG terhadap konsep kemiskinan dan perjuangan dalam cerpen-cerpennya.

1.7 Pembahagian Bab

Kajian ini mengandungi enam bab. Bagi memudahkan kajian ini, pembahagian bab ini dimulakan dengan bab 'Pendahuluan' yang mengandungi sub-tajuk seperti pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, kajian lepas dan pembahagian bab. Secara ringkasnya, dalam bab ini lebih banyak menjurus kepada mengetengahkan gambaran awal kajian ini, iaitu untuk mengetengahkan penulis NAG sebagai seorang tokoh penulis wanita yang mempunyai kredibiliti dan gaya penulisan yang tersendiri. Selain itu, dalam bab ini berperanan untuk mengetahui keunikan dan gaya penulisan NAG yang menjadikan dirinya sebagai tokoh penulis wanita pertama di Brunei menerima anugerah *S. E. A. Write Awards*. Manakala tentang objektif kajian adalah untuk mengenal pasti konseptual NAG sepanjang penghasilan cerpennya seawal penglibatannya sehingga 2012 dan kemudiannya menganalisis konseptual NAG untuk mengenal pasti perbezaan konseptual NAG sepanjang penglibatannya dalam dunia penulisan kreatif di Brunei Darussalam. Bab ini juga ada menerangkan sebanyak 32 cerpen yang hanya dikaji sebagai skop kajian dan metodologi kajian yang digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis konseptual NAG menggunakan teori Konseptual-Kata Kunci. Tambahan lagi, dalam bab ini juga ada merungkaikan dengan panjang lebar sedikit sebanyak kajian lepas yang berjaya ditemui yang menyelidiki tentang penulisan NAG mahupun tentang dirinya hasil daripada penulisan para sarjana dari Negara Brunei Darussalam dan di luar Negara Brunei Darussalam.

Bab kedua merupakan bab 'Teori dan Konsep'. Bab kedua ini mempunyai lima sub-tajuk dan tiga sub-tajuk kecil. Bab ini berperanan untuk memberi penerangan secara terperinci tentang perkembangan teori Konseptual-Kata Kunci yang diasaskan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Kemudian, bab ini juga akan menghuraikan tentang

pentakrifan konseptual dan makna kata kunci. Selepas itu, bab ini akan menghuraikan tentang prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori Konseptual-Kata Kunci iaitu prinsip kepengaruhan, prinsip pemilihan kata dan prinsip kesan. Selepas itu, bab ini akan menghuraikan maksud konsep yang dikaji, iaitu konsep kemiskinan dan konsep perjuangan menurut pendapat beberapa ahli ilmuwan dan para sarjana.

Bab ketiga merupakan bab 'Pengarang dan Kepengarangannya' yang menghuraikan tentang diri penulis, iaitu NAG. Dalam bab ini, terdapat empat sub-tajuk yang akan menghuraikan dan menceritakan tentang profil NAG selaku informan kajian, latar belakang informan dan penglibatan awal NAG dalam bidang penulisan kreatif di Negara Brunei Darussalam khususnya, perihal pengurniaan anugerah kepada NAG dan penglibatannya dalam pembangunan sosial dan budaya serta pencapaian NAG yang paling tertinggi setakat ini.

Bab keempat berjudul 'Analisis Konsep Kemiskinan dalam Cerpen-Cerpen Norsiah Abdul Gapar'. Bab empat merupakan analisis yang dilakukan terhadap cerpen-cerpen yang dipilih untuk mengenal pasti konseptual NAG terhadap kemiskinan. Bab empat ini juga ada membuat perbandingan tentang konsep kemiskinan yang terlakar dalam cerpen-cerpen NAG sepanjang penglibatan NAG seawal 1972 sehingga 2012.

Bab kelima berjudul 'Analisis Konsep Perjuangan dalam Cerpen-Cerpen Norsiah Abdul Gapar'. Bab lima merupakan analisis yang dilakukan terhadap cerpen-cerpen yang dipilih untuk mengenal pasti konseptual NAG terhadap konsep perjuangan. Bab lima ini juga ada perbandingan tentang konsep perjuangan yang terlakar dalam cerpen-cerpen NAG sepanjang penglibatan NAG seawal sehingga 2012.

Bab keenam merupakan bab terakhir kajian ini. Bab keenam berjudul 'Hasil Dapatan'. Bab enam merupakan rumusan dapatan hasil daripada analisis yang telah dijalankan kepada kesemua cerpen yang dikaji.

Universiti Malaya

BAB 2

TEORI DAN KONSEP

2.0 Pengenalan

Teori Konseptual-Kata Kunci diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar bin Abu Hassan semasa sedang menyiapkan tesis Ijazah Doktor Falsafah di Australia National University, Canberra pada tahun 1999 (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 77). Matlamat teori ini adalah untuk mengenal pasti konseptual penulis terhadap sesuatu isu dalam sesebuah karya sastera. Sebelum penerbitan teori ini dibukukan pada tahun 2005 dengan judul *Teori Konseptual-Kata Kunci*, Mohamad Mokhtar Abu Hassan telah melontarkan idea ini pada 24-26 September 2001 semasa Seminar Kritikan Sastera Serantau yang pertama anjuran Bahagian Teori dan Kritikan, Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur. Dalam seminar ini, Mohamad Mokhtar Abu Hassan melontarkan gagasan idea teori beliau dalam kertas kerja yang berjudul “Pendekatan Kata Kunci: Satu Kaedah dalam Kritikan Sastera” dengan menganalisis karya sastera sebagai wadah landasan idea Mohamad Mokhtar Hassan. Gagasan idea ini kemudiannya dikembangkan dan dikemaskan untuk dijadikan teori. Setelah mengalami proses transformasi dan perombakan, idea teori ini dibentangkan pada Seminar Teori dan Kritikan Sastera Timur-Barat di Sarawak pada 20-21 Oktober 2003. Dalam kertas kerja yang berjudul “Teori Konseptual-Kata Kunci: Penerapan Terhadap

Karya Sastera”, Mohamad Mokhtar Hassan menganalisis karya-karya Usman Awang (Hajjah Jais dan Muhamd Ikhrum Fadhly Hussin (peny), 2005, pp.305-306).

2.1 Konseptual

Dalam buku *Re-Thinking Theory* penulisan Richard Freadman dan Seumas Miller ada menegaskan bahawa penulis, karya sastera dan pembaca itu saling berkait (1992, p.197). Pada lazimnya, penulis itu dipengaruhi oleh sesuatu konsep yang timbul daripada pengalaman atau penglihatan yang diamati sepanjang perjalanan dalam kehidupannya. Konsep-konsep itu kemudiannya akan dilakarkan dalam sebuah karya teks atau penulisan kreatif bagi seorang penulis untuk meluahkan perasaan atau ideanya ke dalam karya tersebut. Konseptual penulis boleh ditemui dalam karya-karya yang dihasilkan. Daripada karya-karya yang dihasilkan itu, maka khalayak pembaca dapat mengamati dan memahami konseptual penulis itu.

Daripada penerangan di atas, dapat difahami bahawa konseptual bermaksud idea atau *notions* (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 78). Dalam pola fikir manusia, sebagai seorang individu sememangnya mempunyai konseptual yang berlainan antara satu dengan yang lain. Walau bagaimanapun, suatu konseptual itu mungkin saja serupa. Persamaan dan berbezaan konseptual ini adalah berdasarkan kepada latar belakang, faktor pendidikan, ruangan sosial, kepercayaan, adat resam, ideologi persatuan yang diikuti dan sebagainya. Selain itu, faktor zaman perkembangan, faktor umur dan faktor masa juga boleh menyebabkan konseptual seseorang itu berubah dari semasa ke semasa. Dalam meneliti falsafah atau konseptual penulis, seorang peneliti karya sastera khususnya perlu meneliti

kata-kata yang diterapkan ke dalam karyanya. Kata-kata ini dinamakan sebagai kata kunci.

2.2 Kata Kunci

Kata kunci (*keywords*) pertama sekali dilakukan kajiannya oleh Raymond Williams pada tahun 1976. Raymond Williams telah mengkaji sebanyak 141 perkataan. Bagi Raymond Williams, kata kunci merupakan satu rekod catatan tentang perbendaharaan kata bahasa Inggeris yang merangkumi kata-kata, struktur dan maknanya dalam perbincangan sehari-hari khususnya dalam amalan dan arahan dari perspektif budaya dan masyarakat amnya (Raymond Williams, 1983, p.15). Namun, dalam penganalisan yang dijalankan ini, Raymond William tidak menggunakan karya sastra sebagai landasan kajiannya.

Tidak lama selepas itu, Michael van Lagenberg ada menggunakan pendekatan kata kunci dalam menganalisis struktur kenegaraan Indonesia dengan menganalisis konsep kenegaraan. Penulisan ini dimuatkan dalam artikelnya yang berjudul “*Analyzing Indonesia’s New Order: A Keywords Approach*”. Walaupun kajian ini tidak menggunakan karya sastra sebagai asas kajiannya, namun dalam kajiannya ini menemukan kesesuaian kata kunci sebagai satu kaedah untuk menganalisis struktur kenegaraan Indonesia (Hajjah Jais dan Muhamd Ikham Fadhly Hussin (peny), 2005, p. 312).

Selain daripada Raymond Williams dan Michael van Lagenberg, Syed Muhammad Naguib Al-Attas juga ada membuat kajian menggunakan pendekatan Kata Kunci. Dalam kajian Profesor Syed Muhammad Naguib Al-Attas telah menggunakan konsep medan semantik untuk menganalisis fahaman tasawuf atau mistisisme Hamzah Fansuri dengan berdasarkan kajian Toshihiko Izutsu (Hashim Musa, 2006, p. 99).

Justeru itu, dalam aliran linguistik, kata kunci ini adalah objek yang sinonim dengan istilah perbendaharaan kata yang menilai konsep perbendaharaan kata itu mempunyai pelbagai rangkaian dalam sebuah konsep medan semantik. Menurut Hashim Musa; kewujudan lapisan-lapisan perbendaharaan kata berlaku kerana adanya pertalian yang diasaskan daripada jalinan perkaitan atau *'network of association or relation'* (Hashim Musa, 2006, p. 98).

Tambah Hashim Musa lagi;

Oleh yang demikian dengan melihat lapisan-lapisan perbendaharaan kata bagi sesuatu bangsa dalam zaman tertentu, kita dapat menyelami kehidupan. Aspirasi cita-cita, 'ideal', kepercayaan dan pandangan dunia bagi masyarakat itu.

(Hashim Musa, 2006, p. 98)

Menurut Syed Naguib Al-Attas menyatakan;

“... Gagasan perbendaharaan kata sesuatu bahasa itu berstruktur seperti berstruktur tatabahasa dan fonologi. Tegasnya lagi, medan semantik semestinya bertindih antara nya kerana adanya perkaitan dan pergantungan. Medan semantik mengandungi kata kunci yang mengelilingi satu kata kunci tertentu sebagai pusatnya (kata fokus).”


(Hashim Musa, 2006, p. 99)

Anna Wierzbicka pula menyatakan *“cultural and society can be revealingly studied, compared, and explained to outsiders through their keywords”* (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 80). Berdasarkan dua pendapat tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa kata kunci itu memberi tafsiran tentang sejumlah perkataan dalam perbendaharaan kata sesebuah bahasa yang memperlihatkan konsep medan semantik mengandungi kata-kata kunci yang mengelilingi satu kata kunci yang menjadi kata fokus bagi kata kunci yang lain.

Kata kunci ini juga mempunyai pengaruh yang kuat sehingga mempengaruhi pembentukan dan fikiran konseptual masyarakat. Oleh itu, kata kunci itu secara ringkasnya adalah merupakan satu konsep jalinan perkaitan perkataan yang melakarkan jalinan kata fokus dengan kata kuncinya. Dalam erti kata yang lain, kata kunci dan kata fokus itu mempunyai jalinan yang murni untuk memperlihatkan pertalian idea dengan bahasa (kata kunci) yang digunakan.

Di rajah di bawah, memperjelaskan jalinan yang dimaksudkan;


Rajah 2.1: Lingkungan medan kata kunci bagi kata fokus 'Universiti'.



Dalam rajah di atas ini, kata fokus universiti menjadi kata fokus bagi sebuah universiti dalam *notions* atau idea seorang individu. Pasti dalam melakarkan perbendaharaan katanya yakni kata kunci pastinya akan menggunakan beberapa kata kunci seperti Belajar, Ilmu, Pensyarah, Kursus, Yuran, Hostel, dan Perpustakaan. Kata kunci ini telah menjadi kata kunci bagi kata fokus kepada perbendaharaan kata UNIVERSITI.

Dalam satu kes yang berlainan, ada kalanya kata kunci itu berada dalam satu kata fokus yang lain berdasarkan pemerian maknanya seperti yang terlihat pada rajah di bawah;


Rajah 2.2: Kata kunci ‘Pensyarah’ berada dalam satu lapangan semantik dan kata kunci itu juga boleh bertindak sebagai kata kunci dalam lapangan semantik yang lain.



Dalam rajah di atas, kata kunci dalam satu lapangan semantik juga boleh bertindak sebagai kata kunci dalam lapangan semantik yang lain. Kata fokus dalam rajah ini ialah UNIVERSITI yang mengandungi kata kunci seperti Belajar, Yuran, Kursus, Hostel, Ilmu dan Pensyarah. Selain itu, kata kunci Pensyarah juga hadir dalam kata fokus ORGANISASI UNIVERSITI yang merangkumi kata kunci seperti Kakitangan Universiti, Pentadbir, Dekan, Ketua Jabatan dan Pensyarah. Dalam hal ini kehadiran kata kunci Pensyarah boleh hadir dalam dua kata fokus yang berlainan seperti yang dapat diperhatikan tadi. Dalam dua kata fokus yang berbeza, ada kalanya satu kata kunci itu ada hubungan yang menyatukan satu kata fokus dengan satu kata fokus yang lain seperti yang terlihat dirajah di atas.

Namun ada kalanya, kata kunci itu menjadi kata fokus dan berperanan sebagai kata kunci dalam satu kata fokus yang lain. Hal ini dapat diperhatikan di bawah;

Rajah 2.3: Kata kunci ‘Pensyarah’ juga boleh menjadi kata fokus dalam bidang makna yang lain yang memerikan beberapa kata kunci yang lain.



Walau bagaimanapun berpandukan rajah di atas ini, memperlihatkan bahawa adanya dua kata fokus. Dalam kata fokus UNIVERSITI, kata kuncinya terdiri ilmu, yuran, kediaman, belajar dan pensyarah. Dalam masa yang sama, kata kunci PENSYARAH juga boleh menjadi kata fokus dalam bidang makna yang lain yang memerikan beberapa kata kunci yang lain seperti Profesor Emeritus Dr., Profesor, Profesor Madya Dr., dan Cikgu. Ini adalah bergantung pada kata fokus maknanya seperti rajah di atas. Oleh yang demikian, setiap kata fokus itu mempunyai kata kunci yang mewakili kata fokus masing-masing.

2.3 Tiga prinsip Teori Konseptual-Kata Kunci

Dalam teori ini ada tiga prinsip asas yang mendasari kerangka teori Konseptual–Kata Kunci ini;

1. Kepengaruhan.
2. Pemilihan kata.

3. Kesan

2.3.1. Prinsip Kepengaruhan

Prinsip ini meneliti hubung kait dengan diri penulis dengan dunia pengarangnya. Dalam erti kata yang lain, prinsip ini sedikit sebanyak mengungkap dan menilai pengaruh-pengaruh yang mendasari penghasilan sesebuah karya itu berdasarkan perkara-perkara ekstrinsik seperti latar belakang penulis, faktor ideologi persatuan yang diikuti, faktor umur, zaman dan peredaran masa. Dalam mengenal pasti konseptual penulis itu, peneliti karya sastra perlu mengenali latar belakang penulis dan faktor-faktor lain yang mendasari kepengarangannya. Pendapat ini telah diperjelaskan oleh Muhammad Haji Salleh yang menyatakan:

Istilah-istilah khusus yang muncul dari budaya kita, yang membina dan sudut pandangan bangsa kita apabila berdepan dengan sastra dan seni, harus kita berikan perhatian khusus. Selain konsep karya, dan tugas pengarang bentuk teks yang indah kita harus juga melihat genre-genre yang menjadi saluran ekspresi seniman kita. Semua ini akan membantu kita mendefinisikan puitika kita.

(Mohamad Mokhtar Hassan, 2002, p. 29)

Dengan mengetahui konseptual yang mendasari kepengaruhan penulisan karya-karya yang dihasilkan itu, dapatlah memudahkan untuk menganalisis karya-karya itu dengan bantuan budaya penulis, ideologi penulis dan ekspresi penulis yang dikaji. Selain itu, mengetahui tarikh dan usia penulis juga boleh membantu dalam mengenal pasti konseptual seseorang penulis itu (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 84). Sebagai contoh yang paling mudah ialah konseptual tentang cinta. Apabila membicarakan tentang konsep cinta, kepengaruhan itu ada tertakluk kepada pengaruh-pengaruh luar karya seperti cinta kepada Ilahi bagi seorang warak dan sufi, cinta bagi seorang pejuang nasionalis adalah

cinta pada bangsa dan negara. Manakala konsep cinta bagi individu yang bercinta itu adalah menyayangi dan mengasihi pasangannya sepenuh hati. Jadi daripada pengaruh itu, apabila dihasilkan menjadi sebuah karya, maka konsep cinta itu berlainan daripada seorang individu kepada seorang individu yang lain. Jadi konsep cinta itu adalah bergantung pada kepengaruhan penulis dalam menghasilkan karyanya.

2.3.2. Prinsip Pemilihan Kata


Lazimnya, dalam penghasilan sebuah karya penulis itu dipengaruhi oleh sesuatu konsep yang lahir daripada pengalaman atau penglihatan yang diamati sepanjang perjalanan kehidupannya. Konsep-konsep itu kemudiannya akan dilakarkan dalam sebuah karya yang berupa teks atau penulisan kreatif untuk meluahkan perasaan atau gagasan ideanya ke dalam karya tersebut. Konseptual penulis ini boleh ditemui dalam karya-karya yang dihasilkan. Daripada karya-karya yang dihasilkan itu, maka khalayak pembaca dapat mengamati dan memahami konseptual penulis itu. Daripada itu, pengamat sastera dapat menemui konseptual penulis melalui kata-kata kunci yang dilakarkan ke dalam penulisan karya penulis.

Sejajar dengan ini, penulis lazimnya menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konseptual penulis terhadap sesuatu isu, atau hal yang berbangkit. Kata-kata atau sekumpulan kata yang berhubungan dengan konseptual penulis akan diluahkan ke dalam karyanya menggunakan kata-kata kunci yang diulang berkali-kali. Pemilihan kata itu boleh saja bersifat konkrit mahupun bersifat abstrak (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 86). Oleh itu, pemilihan kata itu adalah bergantung

pada konseptual dan diksi kata yang merangkumi minda dan diri penulis.


Dalam prinsip pemilihan kata, beberapa langkah diperlukan dalam mengenal pasti kata kunci itu. Langkah pertama ialah menentukan konsep dengan membahagikan kepada beberapa aspek seperti konsep kemiskinan dilihat daripada aspek kejiwaan, fizikal, psikologi dan ekonomi.

Rajah 2.4: Penemuan bentuk konsep kemiskinan.



Langkah dua ialah menyenaraikan pula tafsiran atau definisi bagi setiap kata kunci itu.

Rajah 2.5: Penemuan dan penghuraian kata kunci bagi konsep kemiskinan fizikal.



Langkah tiga, menyenaraikan kekerapan penggunaan kata kunci tersebut dalam

sesebuah karya untuk menentukan bentuk konseptual penulis terhadap konsep yang dikaji. Seterusnya barulah dapat disimpulkan konseptual penulis tersebut berdasarkan bukti dan penemuan itu.

2.3.3. Kesan

Dalam pengkaryaan, lazimnya sedar mahupun tidak, penulis itu tidak dapat lepas daripada meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca. Konseptual seseorang penulis dapat dirasai oleh pembaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan penulis. Namun, tidak semua pembaca akan mempunyai konseptual yang sama terhadap isu, ideologi, falsafah dan kepercayaan yang diamalkan oleh penulis khususnya apabila dikaji. Untuk mendekati kepada konseptual penulis tersebut, informasi ekstrinsik tentang penulis adalah amat penting untuk mengetahui konseptual daripada penulis terhadap sesuatu isu atau permasalahan yang berbangkit. Tanpa mengetahui atau mengenali latar belakang penulis atau apa saja yang berkaitan dengan diri penulis akan menyukarkan untuk melihat konseptual penulis itu secara tepat.

2.4 Konsep kemiskinan

Fenomena kemiskinan ini bukannya satu fenomena yang baru malah berdasarkan sejarah tamadun manusia, perihal kemiskinan ini berlaku seawal permulaan peradaban manusia. Malahan, permasalahan kemiskinan ini juga merupakan satu masalah yang selalu dihadapi oleh manusia di muka bumi ini. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, takrif bagi miskin, ialah tidak berharta benda, serba kekurangan (dalam barang-barang keperluan hidup) melarat. Manakala pengertian bagi kemiskinan pula ialah perihal miskin

kekurangan, kepapaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, p. 1037). Tafsiran ini disokong oleh pernyataan Nabil Subhi Ath-Thawil yang menyatakan bahawa kemiskinan itu tiadanya kemampuan untuk memperoleh keperluan harian. Keperluan harian ini merujuk kepada keperluan harian seperti makanan, minuman dan wang yang kurang daripada keperluan seharian (1990, p. 36).

Daripada penjelasan takrif tentang miskin, dapat difahami bahawa miskin itu melibatkan keadaan individu atau segolongan manusia yang kekurangan bentuk material untuk digunakan dalam keperluan individu atau sekumpulan manusia itu untuk kehidupannya sehari-hari.

Kemiskinan merujuk kepada keadaan apabila seseorang itu hanya mampu mempunyai harta benda yang sedikit atau menerima pendapatan benar yang kecil yang tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan asas hidup. Walaupun penentuan keperluan asas untuk hidup begitu subjektif, namun ia tidak ari daripada aspek yang berkaitan dengan makanan, minuman, perlindungan, pakaian, kesihatan dan pendidikan.

(Nor Aini Haji Idris dan Chamhuri Siwar. 2003. p.17)

Namun tafsiran yang berbeza diberikan oleh golongan miskin dalam mentakrifkan kemiskinan itu. Bagi mereka kemiskinan itu sesuatu yang nyata ada dalam hidup mereka sehari-hari kerana mereka yang menjalani kehidupan itu dan mereka hanya akan merasa miskin apabila mereka membuat perbandingan di dalam kehidupan mereka dengan membandingkan kehidupan mereka dengan orang lain yang tergolong dalam golongan yang memiliki tingkatan kehidupan sosial dan ekonomi yang lebih tinggi (Parsudi Suparlan, 1984, p. 11)

Pada dasarnya, kemiskinan itu dapat juga diteliti daripada stratifikasi tingkat kehidupan yang ditetapkan oleh sosial masyarakat. Mereka yang memiliki strata kehidupan yang rendah itu seperti individu atau sekelompok masyarakat yang mengalami kekurangan

material dalam menampung kehidupan sehari-hari juga digolongkan sebagai golongan miskin. Sebaliknya, mereka yang mampu menampung kehidupan sehari-hari dan memiliki keperluan material dapatlah diklasifikasikan sebagai golongan yang berpendapatan yakni golongan yang tidak termasuk dalam kelompok miskin. Perbezaan standardisasi kasta kehidupan ini secara langsung memperlihatkan pengaruhnya terhadap mutu kesihatan, moral kehidupan dan nilai harga diri pada golongan masyarakat mahupun individu yang diklasifikasikan sebagai miskin (Oscar Lewis, 1966, p. 27).

Pada dasarnya, punca utama kemiskinan ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor ekonomi yang berlaku dalam masyarakat yang berkaitan dengan kemiskinan ini. Namun, faktor ekonomi ini bukan satu-satunya sumber yang menjadikan wujudnya fenomena dan perihal kemiskinan ini kekal sehingga sekarang. Dalam ilmu antropologi, aspek-aspek lain seperti kebudayaan dan sosial juga menyumbangkan kepada berlakunya kemiskinan itu dalam kalangan masyarakat amnya. Salah satu puncanya adalah dorongan dan kesanggupan untuk memperoleh kekayaan dan harta benda yang berharga (Oscar Lewis, 1966, p. 28). Selain itu, dalam sesebuah masyarakat ketidaksamaan kedudukan sosial juga menjadi faktor yang bersangkutan dengan kewujudan perihal kemiskinan ini. Perkara ketidaksamaan kedudukan sosial ini terjadi apabila sistem pelapisan sosial dan sistem distribusi kekuatan sosial yang ada dalam masyarakat dibezakan dengan menggunakan asal usul keturunan, suku kaum dan bangsa, ras, jantina dan usia (Alfian et al, 1980, p. 31). Dengan perbezaan ini golongan yang di bawah akan terus melarat dan kekal berada di kedudukan terbawah sehingga tidak mampu untuk menyara diri mereka dan anak-anak mereka dalam kelompok masyarakat tersebut.

Selain daripada faktor-faktor di atas, menurut Oscar Lewis, kemiskinan itu juga melibatkan kekurangan dalam ukuran kebudayaan dan kejiwaan (psikologi). Justeru,

perihal ini akan memberi corak yang tersendiri pada kebudayaan yang seperti diwarisi daripada generasi orang tua kepada generasi anak-anak dan berterusan melalui proses mensosialisasikan diri kepada kelompok masyarakatnya (Oscar Lewis, 1966, p. 30).

Dalam erti kata lain, mereka yang tergolong miskin ini telah mendorong mereka untuk menerima nasib buruk ini. Selain itu, mereka juga akan bersikap meminta atau mengharapkan bantuan dan sedekah. Ini secara tidak langsung merupakan satu bentuk adaptasi yang rasional dan bijak bagi mereka yang diklasifikasikan sebagai miskin ini untuk mengatasi perihal kemiskinan yang dihadapi mereka itu.

Daripada beberapa pendapat itu, dapat dirumuskan bahawa kemiskinan itu merupakan suatu keadaan yang melibatkan satu kelompok individu mahupun masyarakat yang berada dalam satu kelompok yang kekurangan material untuk meneruskan kehidupan sehari-hari. Dalam masa yang sama, kemiskinan itu dapat juga dilihat dari sudut stratifikasi tingkat kehidupan yang ditentukan oleh kelompok masyarakat itu sendiri. Dalam perbezaan taraf hidup ini, mereka yang kurang material untuk meneruskan kehidupan sehari-hari dan dalam keadaan hidup yang sempit dan susah dapat diklasifikasikan sebagai miskin. Malah mereka yang memiliki material dan mampu mengharungi kehidupan sehari-hari tanpa ada sekatan dalam bentuk material diklasifikasikan terlepas daripada cengkaman kemiskinan. Perihal ini secara tidak langsung akan memberi impak kepada mutu kesihatan, moral dan nilai harga diri kelompok atau individu itu.

2.5 Konsep perjuangan

Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, pengertian bagi juang ialah semangat untuk

berjuang demi mencapai, mendapatkan atau memperoleh sesuatu (kejayaan, kemenangan dan sebagainya) (2005, p. 638). Manakala kata erti perjuangan bermaksud perihal berjuang untuk merebut (mencapai, mempertahankan) sesuatu (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005, p. 638). Dalam erti kata yang lain, perjuangan ini suatu perbuatan yang memerlukan usaha untuk mencapai, mempertahankan dan berjuang. Menurut *Kamus Ensiklopedia* Jilid 1 (1997, p. 382) konsep perjuangan itu mengaitkan 'juang' dengan 'usaha untuk mendapatkan atau memperoleh sesuatu', dalam hal ini boleh dirujuk sebagai kejayaan atau kemenangan. Sehubungan itu, 'juang' dikaitkan juga dengan 'semangat' iaitu perasaan hati jiwa atau kemahuan untuk melakukan sesuatu (1997, p. 1433). Berdasarkan pernyataan itu, perjuangan itu tidak semestinya berjuang untuk mempertahankan kemerdekaan tanah air semata-mata, malah perjuangan itu juga boleh dilihat dalam bentuk usaha untuk berjuang dalam mempertahankan, mengapai hasrat, cita-cita dan keinginan malah ada juga perjuangan itu berbentuk perjuangan untuk hidup.

Dalam mengetengahkan konsep ini, Hans Khon yang menyatakan perjuangan (nasionalisme) ini adalah satu ideologi kesedaran bangsa untuk memperjuangkan hak mereka selaku suatu bangsa yang bermaruah. Dalam definisi ini, Khon telah menekankan beberapa aspek utama dalam kesedaran bangsa iaitu, persoalan cintakan pada tanah air, membela nasib bangsa, semangat perjuangan dan gerakan nasionalis (R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail, 1985, pp. 2-3).

Manakala menurut pendapat Elie Kedourie, perjuangan itu menitikberatkan hala tuju nasib pejuang, bangsa dan negara mereka dalam mencapai kemerdekaan dan ketenteraman serta memupuk jati diri bangsa (sahsiah negara) yang bangkit daripada desakan sosial, tekanan ekonomi, politik dan pengaruh-pengaruh luar yang mengancam keberadaan identiti ini (Kamaruzzaman Abd. Kadir, 1982, p. 1).

Oleh itu, konsep perjuangan itu dapat dilihat dari pelbagai aspek di antaranya rakyat, bangsa cita-cita, harapan, kehidupan dan sebagainya. Dengan adanya aspek-aspek ini, dapatlah membantu untuk menjuruskan kajian ini dalam menilai aspek-aspek yang dinyatakan itu. Tambahan lagi, lazimnya setiap bentuk penulisan itu memerlukan unsur kepengaruhan dalam melakarkan konseptual penulisnya agar isu atau konsep yang diketengahkan itu akan menjadi lebih fokus terutamanya dalam penghasilan karya yang bermutu lagi bernas.

Universiti Malaysia

BAB 3

PENGARANG DAN KEPENGARANGNYA

3.0 Pengenalan

Bab ini menghuraikan secara terperinci tentang riwayat hidup Norsiah Abdul Gapar (NAG) secara lebih mendalam dan terperinci. Bab 3 adalah sangat relevan untuk membantu untuk melihat unsur kepengaruhan dalam hidup NAG khususnya dalam menghasilkan cerpen-cerpennya sepanjang penglibatannya seawal tahun 1972 sehingga tahun 2012. Selain itu, bab ini juga akan menyentuh serba sedikit tentang karya dan anugerah serta sumbangan yang diberikan dan diperoleh oleh NAG daripada pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam khususnya terhadap jasanya, sumbangan serta khidmatnya kepada masyarakat, negara dan bangsa.

3.1 Profil Norsiah Abdul Gapar (NAG)

Nama Norsiah Abdul Gapar adalah satu nama yang tidak asing lagi bagi mereka yang mengamati karya-karya sastera di Brunei Darussalam. Berdasarkan penglibatan dan sumbangannya dalam dunia sastera dan masyarakat amnya telah membuatkan dirinya itu

menjadi idola kepada penulis-penulis wanita yang lain untuk ikut mengikuti jejak langkahnya agar meraih kejayaan seperti dirinya.

Nama NAG atau nama sebenarnya Hajah Norsiah bin Haji Abdul Gapar dilahirkan pada 24 April 1952 di Pekan Seria, Kuala Belait Negara Brunei Darussalam (Norsiah Abdul Gapar, 2009, p. 223). Pada awal zaman persekolahan, NAG menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada tahun 1960 sehingga 1963. Pada ketika itu, NAG baru sahaja mencapai usia 8 tahun apabila NAG mula memasuki alam persekolahan. Dengan usaha dan dedikasi yang gigih serta semangat yang kental, NAG telah berjaya dalam peperiksaan akhir tahun yang sekali gus melayakkan dirinya memasuki sekolah Inggeris yang terdapat di Seria, Kuala Belait ketika itu, iaitu Maktab Anthony Abell (MAA), Seria. Ketika memasuki MAA, Seria, NAG sudah pun berusia 12 tahun. NAG telah menjadi penuntut di MAA seawal tahun 1964 sehingga tahun 1971. Di dalam maktab tersebut NAG mula bergiat aktif dengan persatuan-persatuan yang ada pada ketika itu antaranya Persatuan Angkatan Islam Maktab dan Persatuan Badan Kebudayaan Maktab. Dalam kedua-dua persatuan yang disertai oleh NAG ini, NAG telah dilantik untuk menjadi Setiausaha Agung. Selain itu, NAG juga merupakan salah seorang anggota sidang pengarang Majalah Tahunan MAA dan pada ketika itu NAG menyandang jawatan sebagai Ketua Pengarang pada tahun 1971 bagi penerbitan majalah maktab tersebut.

Setelah lulus peperiksaan *Senior Cambridge* di MAA, pada tahun awal tahun 1972 NAG meneruskan pembelajaran di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, di Bandar Seri Begawan. Namun, NAG menerima undangan untuk meneruskan pengajiannya ke luar negara pada tahun yang sama (Mas Osman, 1987, pp. 104-106). Pada bulan September 1972, NAG telah meninggalkan tanah air untuk meneruskan pembelajaran di Southhampton Technical College, Hampshire, United Kingdom. Pada ketika itu NAG baru

saja menceceh usia 22 tahun. Pada tahun 1974, NAG berjaya menamatkan pengajian di Southhampton Technical College. Selepas itu, NAG meneruskan lagi pengajian ke University of Surrey, Guildford di United Kingdom untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Kaji Kimia Hayat pada tahun 1975. NAG telah menuntut di University of Surrey, Guildford di United Kingdom sehingga tahun 1978. Semasa dalam proses menjalankan pengajian selama tiga tahun di University of Surrey, NAG telah mendirikan rumah tangga bersama Awang Haji Aji bin Pungut pada tahun 1976 iaitu semasa NAG berusia 24 (Dayang Hajah Mariam Haji Metussin, p. 2002). Ketika usia NAG baru saja mencecah 26 tahun, NAG telah berjaya memperoleh ijazah sarjana muda dalam Kaji Kimia Hayat atau B.Sc (Hons.) *Biochemistry (Medical)*.

Setelah memperoleh kejayaan tersebut, NAG kembali ke tanah air untuk berkhidmat dengan pihak kerajaan. Pada tahun 1979, beliau telah ditugaskan di Bahagian Kaji Penyakit, di Rumah Sakit Umum, Bandar Seri Begawan, di Brunei Darussalam. NAG pada ketika itu bertugas sebagai ahli Kimia Hayat. Selang dua tahun, NAG ditukar ke Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Brunei Darussalam, iaitu pada tahun 1981. NAG telah berkhidmat di Rumah Sakit Suri Seri Begawan selama dua tahun, iaitu sedari tahun 1981 sehingga tahun 1983. Tidak lama selepas bertugas di rumah sakit tersebut NAG telah ditukar semula ke Rumah Sakit Umum, di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada April 1983. Sejurus dengan pertukaran NAG ke Rumah Sakit Umum, Bandar Seri Begawan, di Brunei Darussalam NAG telah dinaikkan pangkat daripada menjadi Pegawai Saintifik Kanan, Makmal Negara, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Sallehah. Pada tahun itu, Rumah Sakit Umum telah ditukar namanya menjadi Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Sallehah (RIPAS) pada 28 Ogos 1984. Ketika berusia 30 tahun, NAG telah pun menyandang jawatan sebagai Pegawai Saintifik Kanan di Makmal Negara, Rumah

Sakit RIPAS pada April 1983 sehingga tahun 1988.

Setelah berkhidmat selama lima tahun di Rumah Sakit RIPAS sebagai Pegawai Saintifik Kanan, NAG telah memohon cuti khas untuk ikut serta suaminya bertugas di Kuala Lumpur, Malaysia. Ketika itu suaminya telah dilantik dan ditugaskan sebagai Setiausaha Pertama di Suruhanjaya Tinggi Brunei Darussalam. Semasa suaminya menjadi Setiausaha Pertama di Suruhanjaya Tinggi Brunei Darussalam di Kuala Lumpur, Malaysia NAG bersama keluarganya telah bermastautin di Kuala Lumpur, Malaysia selama lima tahun (Suhaili Jumat, 2002, p. 35). Setelah suami NAG tamat menjalankan tugas sebagai Setiausaha Pertama di Suruhanjaya Tinggi Brunei Darussalam, NAG bersama keluarganya kembali ke tanah air. Sekembalinya dari Malaysia, NAG kembali bertugas di Rumah Sakit RIPAS. Pada ketika itu, NAG masih lagi memegang jawatannya sebagai Pegawai Saintifik Kanan, Makmal Negara, Rumah Sakit RIPAS untuk dua tahun berikutnya.

Pada tahun 1995, ketika usia NAG mencecah 43 tahun, NAG telah meneruskan hasrat dan harapan beliau untuk belajar di St. Thomas Hospital di University of London, di United Kingdom untuk mendapatkan Ijazah dalam jurusan Biokimia Klinikal (*Master Degree of Science in Clinical Biochemistry*). Selang beberapa tahun, NAG telah berjaya meraih kejayaan tertinggi bagi dirinya. Ketika itu NAG telah berusia 45 dan telah berjaya meraih dan memperoleh segulung ijazah sarjana dalam jurusan Kimia, Perklinikan. Setelah berjaya memperoleh kejayaan tersebut NAG kembali semula ke tanah air setelah tamat pengajian pada tahun 1997. Sejurus menamatkan pengajian di University Of London, NAG kembali bekerja di Rumah Sakit RIPAS di dalam Makmal Negara. Pada tahun itu juga, NAG telah dinaikkan pangkat dari Pegawai Saintifik Kanan kepada Ketua Bahagian Biokimia Perklinikan, Makmal Negara di Rumah Sakit RIPAS dan NAG telah menjawat jawatan tersebut selama enam tahun, iaitu seawal tahun 1997 sehingga tahun 2003.

Pada tahun 2003, NAG telah bersara setelah berkhidmat selama 25 tahun dengan pihak kerajaan. Mutakhir ini, masa yang terluang telah diisi dengan sebaiknya oleh NAG dengan melakukan minat dan hobinya, iaitu menyanyi irama asli dan keroncong, mencuba resipi masakan terbaru dan terkini, membaca novel, melayari laman sesawang, berenang, mengembara serta menulis cerpen dan novel.

3.2 Penglibatan awal NAG dalam bidang penulisan

Sejarah awal penglibatan NAG dapat dikenal pasti bermula semasa NAG masuk ke MAA, Seria pada tahun 1964 hingga 1971. Pada tahun 1970, pada usianya yang baru sahaja mencecah 18 tahun, NAG mampu memikul tanggungjawab sebagai salah seorang anggota sidang Pengarang Majalah Tahunan MAA. Pada tahun 1970 ini juga, NAG dilantik menjadi Ketua Pengarang bagi penerbitan *bulletin* MAA. Pada tahun ini juga, NAG sudah berjaya memenangi beberapa peraduan menulis karya sastera anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Antara kejayaan NAG ialah apabila buat pertama kali NAG mengikuti peraduan penulisan cerpen untuk bacaan kanak-kanak dengan mencalonkan cerpen *Si-Putih* hasil penulिसannya sendiri yang berjaya mendapat hadiah pertama dalam Peraduan Menulis Cerpen untuk Bacaan Kanak-Kanak anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1970. Selain itu, NAG juga berjaya memenangi Peraduan Menulis Cerpen khusus untuk bacaan dewasa dengan merangkul di kedudukan kedua anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Cerpen yang membuahkan kejayaan tersebut kepada NAG pada ketika itu ialah cerpen “Kawan Sa-Kamar Asrama”. Cerpen ini kemudiannya dibukukan ke dalam antologi cerpen *Hidup*

Ibarat Sungai terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1972. Manakala dalam tahun 1972, NAG juga telah berjaya meraih kedudukan kedua dalam Peraduan Menulis Buku Tatarakyat anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan. Selain itu, NAG juga bergiat aktif dalam menghasilkan karya-karya yang bermutu dan berkualiti serta bermanfaat kepada pembaca dan penggiat sastera pada ketika itu. Pada awal tahun 1980, NAG telah menghasilkan skrip drama radio yang telah berjaya menyanggah hadiah penghargaan dalam Peraduan Menulis Skrip Drama Radio sempena menyambut tahun 1402 Hijrah yang berjudul “Rumah Batu Beratap Genting” (Mas Osman, 1987, p. 105).

Di samping itu, dalam keaktifan Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan Peraduan Penulisan Kreatif pada tahun 1980an ini, NAG juga berjaya mendapat kedudukan hadiah penghargaan dalam penulisan cerpennya yang berjudul “Penantian” sempena Peraduan Penulisan Cerpen sempena Hari Kemerdekaan Brunei 1982. Manakala novel *Pengabdian* mendapat hadiah pertama dalam Peraduan Menulis Novel sempena Hari Kemerdekaan Brunei Darussalam pada tahun 1982. Tambahan lagi, antara cerpen-cerpen yang dihasilkan pada tahun 1980an oleh NAG antaranya seperti cerpen “Nenek” yang diterbitkan pada tahun 1984 bersama dengan cerpen “Semalam Yang Jauh” yang juga diterbitkan pada tahun 1984. Kedua-dua cerpen ini kemudiannya dibukukan ke buku yang berjudul *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Dalam buku ini juga ada dibukukan drama hasil NAG yang diberi judul “Tuan-Tuan dan Peon-Peon”.

Dalam tahun 1980an ini juga, NAG telah menghasilkan dua buah cerpen yang diterbitkan dalam majalah *Bahana* iaitu cerpen “Penantian” yang diterbitkan dalam majalah *Bahana* pada Mac 1984 dan cerpen “Tanah” yang diterbitkan pada April 1985. Kedua-dua cerpen ini kemudiannya dibukukan sebagai sebuah buku antologi yang kemudiannya

dinobatkan sebagai antologi cerpenis wanita yang pertama di Brunei Darussalam yang bertujuan untuk mengangkat martabat dan karya-karya penulisan golongan wanita pada ketika itu. Antologi cerpen itu diterbitkan pada tahun 1988 dan diberi judul *Awan Putih Berarak Damai* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

Dalam antologi cerpen *Awan Putih Berarak Damai* itu memuatkan 16 cerpen yang ditulis oleh 11 penulis-penulis wanita yang bergiat aktif pada tahun 1984 sehingga 1986. Selain itu, antologi ini juga berperanan untuk memperlihatkan ideologi wanita dalam menyampaikan persoalan-persoalan yang sering terjadi dalam kehidupan sehari-hari dari perspektif yang pelbagai (Zurina Salleh, 2004, p. 62-63). Antara cerpen yang terpilih dalam antologi ini ialah cerpen “Meniti Hari” dan “Pemburis” karya Aminah Haji Momin, cerpen “Perasaan Mama” karya Ayu Manja, cerpen “Adik Comot” dan “Comel” karya Jobin Tingang, cerpen “Abang” dan “Beras Dah Habis” karya Maimon Rahman, cerpen “Penantian” karya Norsiah Abdul Gapar, cerpen “Harapan” karya Raha, cerpen “Sepanjang Minggu Orientasi” karya Siti Awa Mohammad, cerpen “Awan Putih Berarak Damai” dan “Oh Ayah” karya Siti Nor Rahmat Sidin, cerpen “Hati Seorang Perempuan”, “Suamiku Sayang” dan “Derita Hati Mama” karya Zainab Abdul Majid.

Sepanjang penglibatan NAG di tahun 1980an ini tidak banyak yang telah dihasilkannya namun NAG malah berbangga dengan mutu penulisan yang dipersembahkan (Muslim Burmat, 1895, p. 18). Sepanjang penglibatan NAG seawal tahun 1972 sehingga 1980an sahaja, tidak banyak karya yang telah dihasilkan. Antara karya-karya NAG pada ketika itu hanyalah sebuah cerpen kanak-kanak, sebuah buku tatarakyat, sebuah novel, tiga buah antologi cerpen dan dua buah skrip drama serta sebanyak lima buah cerpen. Namun walaupun kuantiti karya yang dihasilkan agak sedikit, namun karya-karya NAG kerap kali mendapat kedudukan yang baik dalam peraduan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka

khususnya. Ini pun boleh dianggap permulaan yang menggalakkan khususnya bagi diri NAG apatah lagi senario perkembangan kesusasteraan Brunei pada ketika itu banyak berpusat dan dimonopoli oleh kaum lelaki. Selain itu, karya-karya yang dihasilkan NAG bukan saja mendapat tempat dalam peraduan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja malah dalam peraduan yang dianjurkan oleh institusi kerajaan lainnya juga NAG berjaya meraih kejayaan. Antaranya pada tahun 2003, NAG berjaya menduduki tempat hadiah penghargaan dalam peraduan menulis cerpen anjuran Pusat Dakwah Islamiah, Bandar Seri Begawan. Selain itu, pada tahun 2004 NAG juga berjaya memperoleh kedudukan kedua dalam Peraduan Menulis Cerpen anjuran Pusat Dakwah Islamiah, Bandar Seri Begawan. Dalam masa yang sama, NAG juga telah berjaya meraih tempat hadiah penghargaan bagi Peraduan Menulis Sajak anjuran Pusat Dakwah Islamiah, Bandar Seri Begawan.

Pada tahun 2005 NAG telah menyertai peraduan Menulis Novel Remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan pada tahun 2005. Hasil daripada penilaian para juri, NAG telah berjaya merangkul kedudukan hadiah penghargaan dalam pertandingan tersebut. Novel yang dimasukkan ke dalam pertandingan itu berjudul *Janji Pada Inah* yang kemudiannya dibukukan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan pada tahun 2007. Selain itu, NAG juga berjaya meraih kemenangan dalam Peraduan Penulisan Kreatif Bahana BSP-DBP pada tahun 2005 dan pada tahun 2008. Kedua-duanya dalam kategori penulisan cerpen.

Akhir sekali, dalam penulisan karya kreatif NAG sering menggunakan nama sebenarnya dalam karyanya, namun ada kalanya NAG menggunakan nama pena seperti Nuralfa, NA REZA, Mira Tania dan Ummu REZA di dalam karya-karya yang dihasilkannya untuk memperlihatkan hasil penulisannya kepada pengamat dan peminat sastera di Brunei Darussalam (Norsiah Gapar, 2009, p. 223).

3.3 Anugerah, Penglibatan dan Pencapaian NAG

Di sebalik penglibatan NAG sebagai seorang anak yang berkerjaya, kemudian menjadi seorang isteri yang solehah, seterusnya menjadi seorang ibu kepada empat orang anak yang mahukan kejayaan dan kebaikan untuk masa depan anak-anaknya, NAG juga tidak pernah lelah dalam mengejar kejayaan dalam bidang akademik dan dalam bidang kerjayanya sehingga berada di kedudukan yang tertinggi, iaitu selaku Ketua Bahagia Biokimia Perubatan di Makmal Negara, Rumah Sakit RIPAS seawal tahun 1997 sehingga NAG bersara pada tahun 2003. Dalam masa yang sama juga, NAG tidak pernah mengenal erti penat lelah khususnya dalam berkhidmat untuk negara, bangsa, masyarakat dan agama (IS MI, 2012, p. 3).

Dengan kudrat dan iradat yang dimilikinya, NAG pernah dilantik dan telah menganggotai Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM) pada tahun 1986 sehingga 1988. Selain itu, pada tahun 1985 sehingga 1986 NAG telah dilantik untuk menjadi Setiausaha Bahagian Kebajikan Persatuan bagi persatuan Kebajikan Wanita Negara Brunei Darussalam (BISTARI). Di samping itu juga, di usia NAG mencecah 24 tahun, NAG telah mengikuti kegiatan kursus Kepimpinan Belia yang diadakan di Singapura pada tahun 1986. NAG juga pernah menjawat jawatan sebagai Bendahari Persatuan ASEAN *Ladies' Circle* Kuala Lumpur pada tahun 1988 sehingga 1990.

Dalam dunia kerjayanya pula, NAG juga menjawat beberapa jawatan penting dalam persatuan yang ditubuhkan seperti NAG menyandang jawatan sebagai Setiausaha Persatuan Saintis Makmal Perubatan Brunei Darussalam (BAMLS) pada tahun 1999 sehingga 2001 dan akhir sekali sebagai Timbalan Presiden BAMLS pada tahun 2001-2003. Sepanjang karier NAG sebagai ahli Kimia Hayat, NAG telah diundang untuk menghadiri persidangan

yang berperan untuk membuka minda dan menambahkan lagi ilmu pengetahuan serta pengalamannya yang berguna untuk dirinya dan dalam bidang kerjayanya sebagai seorang doktor. Antara persidangan yang dihadiri ialah Persidangan Kongres Kimia Perklinikan, di Singapura pada tahun 1981, Persidangan Kongres Teknologi Perubatan di Perth Australia pada tahun 1984, menghadiri Persidangan Kongres Biokimia Perklinikan di Bali, Indonesia pada tahun 1986, menghadiri Persidangan Kongres Biokimia, di Sydney Australia pada tahun 1995, menghadiri Persidangan Kongres Biokimia Perklinikan di London pada tahun 1996 dan Konferensi Teknologi Perubatan ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 2002.

Selain daripada menghadiri beberapa persidangan yang NAG diundang, NAG juga pernah menganggotai MABBIM pada tahun 1986 sehingga 1988. Sebelum itu NAG pernah dijemput untuk menghadiri persidangan MABBIM di Jakarta, Indonesia pada tahun 1985 dan di Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 1985 dan 1986. Hasil daripada sumbangan dan dedikasi NAG terhadap kejayaan dalam kehidupannya, kariernya, terhadap masyarakat dan negara NAG telah dianugerahkan pingat dan bintang kebesaran Negara Brunei. Di antara pingat dan bintang kebesaran yang diterimanya ialah pingat Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia (Darjah Empat) PSB yang telah dianugerahkan kepada NAG pada tahun 1995. Selang dua tahun kemudiannya, pada tahun 1997 NAG telah dianugerahkan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB). Pada tahun 2001 telah dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan akhir sekali Pingat Kerja Lama (PKL) pada tahun yang sama.

Mutakhir ini, setelah selama empat dekad berkecimpung dalam dunia penulisan kreatif ini, NAG pada tahun 2009 telah pun dinobatkan sebagai penulis wanita pertama bagi Brunei Darussalam untuk menerima anugerah *S. E. A. Write Award's* pada 9 Oktober 2009 di Bangkok, Thailand (IS IM, 2012, p. 1-2). Pada ketika itu, sejurus dengan pelancaran

kumpulan cerpen NAG pada tahun 2009 yang berjudul *Tsunami Di Hatinya* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka itu akhirnya mendahului penulis-penulis wanita yang lain yang merupakan sewaktu dan sealiran dengannya menelusuri perkembangan penulisan sastera di Brunei Darussalam seawal perkembangan kesusasteraan moden di Brunei Darussalam.

NAG turut berbangga untuk dinobatkan sebagai salah seorang pemenang bagi mewakili Negara Brunei Darussalam sebagai salah seorang sasterawan yang berjaya menambat namanya dalam persada antarabangsa khususnya dengan gaya penulisan yang tersendiri dan teknik-teknik penulisan yang tersendiri. Antara pencapaian yang terbesar diraih oleh NAG ialah anugerah S. E. A. *Write Award's* yang dimenangi pada tahun 2009 dan sekali gus menjadikannya wanita pertama di arena penulisan kreatif di Brunei Darussalam yang menerima anugerah berprestij ini.

Sepanjang penglibatan NAG dalam arena kesusasteraan khususnya di Negara Brunei Darussalam, NAG telah banyak menghasilkan karya hasil daripada nukilan buah fikiran dan pengalamannya telah dimuatkan dalam karya-karyanya. Antara karya-karya NAG mutakhir ini ialah novel *Gerun* terbitan Pusat Da'wah Islamiah, Bandar Seri Begawan pada tahun 2013. Selain itu, novel *Pengabdian* telah digunakan sebagai bahan teks bacaan di sekolah-sekolah menengah yang mengambil jurusan sastera sebagai salah satu mata pelajaran di Negara Brunei Darussalam.

Manakala, novel *Janji Pada Inah* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2007 adalah merupakan novel remaja yang telah memenangi hadiah penghargaan Peraduan Menulis Novel Remaja Sempena 45 Tahun Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 2005 yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan pada tahun 2005. Tambahan lagi baru-baru ini novel *Gerun*

telah dipilih menjadi pemenang tempat pertama Peraduan Menulis Novel Islam, Sempena 25 tahun (Jubli Perak) Penubuhan Pusat Da'wah Islamiah, Bandar Seri Begawan pada tahun 2010.

Universiti Malaya

BAB 4

ANALISIS KONSEP KEMISKINAN DALAM CERPEN-CERPEN NORSIAH ABDUL GAPAR

4.0 Pengenalan

Sebanyak tujuh buah cerpen Norisah Abdul Gapar (NAG) yang ada mengetengahkan isu atau perihal kemiskinan. Antara 32 cerpen yang telah dikumpulkan dan dianalisis, cerpen-cerpen yang dipilih oleh pengkaji untuk mengungkapkan konsep kemiskinan adalah cerpen bertajuk “Kemaruk” terbitan Oktober 2005 dalam majalah *Bahana*, cerpen “Pertemuan”, cerpen “Semangkuk Soto Panas”, cerpen “Perempuan Baju Jingga”, cerpen “Insan Seperti Tipah” yang kesemuanya diterbitkan pada tahun 2009 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan dalam *Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya*. Selain itu, dua buah cerpen NAG yang berjudul cerpen “Aku Masih Ingat” yang diterbitkan pada Ogos 2010 dan cerpen “Gelandangan” yang diterbitkan pada Februari 2012 dalam majalah *Bahana* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan juga telah dipilih untuk mengungkapkan konseptual NAG terhadap konsep kemiskinan dalam karya-karyanya. Sehubungan dengan itu, tujuh cerpen ini telah digunakan untuk mengaplikasikan prinsip yang terdapat dalam konsep teori Konseptual - Kata Kunci dengan menganalisis dan

menilai konsep kemiskinan dalam mengungkapkan konseptual NAG dalam karyanya.

4.1 Konsep kemiskinan

Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, pengertian bagi kemiskinan ialah perihal miskin, kekurangan, kepapaan atau merujuk kepada ketiadaan harta benda atau hidup yang serba kekurangan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, p. 1037). Dalam erti kata yang mudah, mereka yang memiliki gaya kehidupan yang serba serbi kekurangan daripada aspek material bagi menampung kehidupan sehari-hari digolongkan sebagai golongan miskin.

Selain itu kemiskinan juga merujuk kepada;

keadaan apabila seseorang itu hanya mampu mempunyai harta benda yang sedikit atau menerima pendapatan benar yang kecil yang tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan asas hidup. Walaupun penentuan keperluan asas untuk hidup begitu subjektif, namun ia tidak ari daripada aspek yang berkaitan dengan makanan, minuman, perlindungan, pakaian, kesihatan dan pendidikan.

(Nor Aini Haji Idris dan Chamhuri Siwar. 2003. p.17)

Daripada beberapa pendapat yang diketengahkan sebelum ini di halaman 44 sehingga halaman 47 dalam Bab 2 seperti pendapat Nabil Subhi Ath-Thawil, Parsudi Suparlan, dan Oscar Lewis dapat dirumuskan bahawa kemiskinan itu merupakan suatu keadaan yang melibatkan satu kelompok individu mahupun masyarakat yang berada dalam satu kelompok yang kekurangan material untuk meneruskan kehidupan sehari-hari. Dalam masa yang sama, kemiskinan itu dapat juga dilihat dari sudut stratifikasi tingkat kehidupan yang ditentukan oleh kelompok masyarakat itu sendiri. Dalam perbezaan taraf hidup ini, mereka yang kurang material untuk meneruskan kehidupan sehari-hari dan dalam keadaan hidup yang sempit dan susah dapat diklasifikasikan sebagai miskin. Perihal ini secara tidak


langsung akan memberi impak kepada mutu kesihatan, moral dan nilai harga diri kelompok atau individu itu yang diklasifikasikan sebagai miskin.

Selain itu, kelangsungan kehidupan miskin ini bukan saja disebabkan oleh faktor ekonomi malah melibatkan budaya dan sosial mereka. Oleh itu mereka yang miskin itu akan menerima takdir nasib mereka dan menjadikannya sebagai satu kesedaran yang mereka itu tidak mungkin keluar daripada cengkaman kemiskinan (Oscar Lewis, 1966, p. 30).

Oleh itu, konsep kemiskinan itu dapat dianalisis dari pelbagai aspek di antaranya fizikal, budaya, emosi, ekonomi dan psikologi. Dengan adanya aspek-aspek ini, dapatlah membantu untuk memfokuskan kajian ini dalam menilai aspek-aspek yang dinyatakan itu. Tambahan lagi, lazimnya setiap bentuk penulisan itu memerlukan unsur kepengaruhan dalam melakar konseptual NAG agar isu atau konsep yang diketengahkan itu akan menjadi lebih fokus terutamanya dalam penghasilan karya yang bermutu lagi bernas.

Justeru itu, dalam melihat konsep kemiskinan dalam konseptual NAG, rajah di bawah ini telah dihasilkan untuk memudahkan dalam melihat konsep kemiskinan itu;

Rajah 4.1: Penemuan pembahagian konsep kemiskinan.



Dengan mengenal pasti keempat-empat konsep kemiskinan ini, konsep-konsep ini akan dijadikan pegangan untuk mengenal pasti penggunaan kata kunci yang sekali gus memudahkan untuk mengenal pasti aspek apakah yang mendominasi konseptual NAG dalam karyanya khususnya dalam konsep kemiskinan yang ingin dikaji. Oleh itu, setiap analisis cerpen-cerpen NAG akan diaplikasikan penggunaan teori Konseptual - Kata Kunci dengan mengenal pasti kata kunci yang digunakan dan akan dikategorikan dengan menggunakan keempat-empat konsep yang dinyatakan sebelum ini.


4.2 Kemiskinan Sebagai Penderitaan Fizikal.

Cerpen “Pertemuan” ini menceritakan kisah pertemuan semula Aniza dengan Abdul Rahim. Aniza yang memiliki kehidupan selesa dan berkerjaya telah pergi ke Malaysia untuk bersua dengan Abdul Rahim yang berasal dari negeri Kedah. Watak Abdul Rahim dilakarkan dengan keperibadian yang baik namun hidup dalam keadaan yang serba serbi kekurangan. Daripada segi penampilannya dan tempat tinggalnya membuatkan Aniza bersyukur terhadap kurniaan rezeki yang diperolehnya walaupun dirinya dahulu membesar dalam keluarga yang berpendapatan kecil. Apabila Abdul Rahim mengajak Aniza ke rumah Abdul Rahman untuk menjawab hasrat Aniza, dia pun berasa hambar setelah mengetahui bahawa Abdul Rahim sudah beristeri dan mereka tinggal dalam kedaifan di sebuah rumah sewa yang dilihat Aniza sebagai tidak layak untuk didiami oleh lelaki seperti Abdul Rahim. Akhirnya Aniza membawa pulang kekecewaannya ke Brunei dan menyatakan hasrat untuk berkahwin dengan Harun.

Dalam cerpen ini terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi melihatkan konsep kemiskinan, iaitu;

1. Selama Aniza mengharungi zaman sekolah menengah dengan pendapatan orang tua yang terhad, Abdul Rahim walaupun hanya seorang guru sekolah rendah, telah banyak membantunya dengan buku-buku teks sekolah yang diperlukannya; mengirimmnya majalah *Wanita* kesukaannya setiap bulan tanpa mungkir. (p. 6)
2. Rumah Abdul Rahim terletak di kawasan setinggan di pinggir ibu kota. (p. 6)
3. Aniza agak terganggu melihat kedaifan sekeliling yang begitu ketara: memikirkan mungkin Abdul Rahim berasa rendah diri. (p. 6)
4. Abdul Rahim meminta izin masuk ke dalam dan tidak lama keluar dengan seorang perempuan yang berperwatakan sederhana dalam pakaian longgar yang sudah pudar sepadar wajahnya. (p. 6)
5. Ruang tamunya amat kecil dihias seadanya. (p. 6)
6. Kakak tidak berpelajaran. (p. 7)
7. "... Anak kami sudah lima. Hidup ala kadar." (p. 7)

Oleh itu, kata-kata kunci itu dapat di rajahkan seperti dalam rajah di bawah ini:



Rajah 4.2: Lingkungan medan kata kunci bagi konsep kemiskinan dalam cerpen "Pertemuan".

Berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat*, kata kunci 'daif' bermaksud lemah, hina, cacat (2005, p. 304). Kata kunci 'tidak pelajaran' bermaksud kurang atau tiada pendidikan atau ilmu pengetahuan. Kata kunci 'hidup ala kadar' bermaksud hidup dalam kesederhanaan. Kata kunci 'pendapatan terhad' bermaksud hasil dapatan yang terbatas.

Kata 'setingan' bermaksud orang yang menempati tanah kerajaan secara haram (2005, p. 1482).

Jelas daripada kata-kata kunci yang digunakan oleh NAG adalah dalam bentuk kemiskinan sebagai penderitaan fizikal dalam cerpen ini menunjukkan bahawa mereka yang kekurangan material dan kekurangan keperluan hidup daripada segi fizikalnya adalah mereka yang dikategorikan sebagai miskin. Mereka ini akan tampil dengan pakaian yang lusuh dan pudar warnanya, penampilan yang kurang elok, duduk di kawasan setingan, ruang rumah yang kecil dan sebagainya. Justeru itu, kedaifan dalam kehidupan orang miskin merupakan kesan fizikal yang dialami oleh mereka yang miskin. Malah, mereka akan terpaksa bekerja dan berusaha lebih lagi untuk menyara hidup dan mencari keperluan sehari-hari. Tambahan lagi, berdasarkan kata-kata kunci yang ditemui, konseptual NAG terhadap kemiskinan itu adalah bersifat kemiskinan sebagai penderitaan fizikal. Dalam hal ini, NAG melihat kekurangan nikmat dalam kehidupan seseorang yang disebabkan oleh kurangnya pendapatan yang boleh memberikan kehidupan yang selesa. Tambahan lagi akibat kegagalan dalam menyandang jawatan-jawatan yang bergaji besar. Justeru itu, dengan adanya gaji lumayan akan mampu merubah nasib mereka yang berada dalam kelompok kemiskinan ini. Sehubungan itu, bagi NAG, mereka yang hidup hanya dengan sekumit pelajaran ataupun dengan tidak mempunyai pelajaran akan membuatkan seseorang itu merasakan kesukaran dan kesempitan dalam hidupnya. Ini adalah kerana tanpa ilmu, seseorang itu tidak akan dapat memanfaatkan rahmat dan rezeki Allah di muka bumi ini.

Jelas daripada kata kunci yang digunakan oleh NAG dalam cerpen ini menunjukkan kemiskinan sebagai penderitaan fizikal. Dalam erti kata yang lain, mereka yang mengalami kemiskinan itu, secara fizikalnya mengalami kekurangan material dan kekurangan dalam keperluan kehidupan sehari-hari seperti keperluan pakaian dan kediaman yang selesa.


Kesimpulannya, berpandukan cerpen ini, konsep kemiskinan bagi NAG ialah dalam bentuk kemiskinan fizikal. Malah dalam cerpen ini, kata kunci seperti ‘pendapatan terhad’, ‘tidak berpelajaran’, ‘kedaifan’, ‘setinggalan’, ‘hidup yang ala kadar’ telah digunakan oleh NAG dalam karyanya dalam melihatkan kemiskinan sebagai penderitaan fizikal. Bagi NAG, seorang individu yang berpendapatan kecil, hidup ala kadar, pakaiannya yang pudar, hidup di kawasan setinggalan adalah mereka yang dikategorikan sebagai miskin. Oleh itu, bagi NAG kemiskinan itu ialah mereka yang hidup dalam keadaan yang serba serbi kekurangan daripada segi keperluan harian dan juga terpaksa hidup melarat dalam kawasan setinggalan.

Cerpen “Insan Seperti Tipah” ini mengisahkan tentang watak Tipah dan neneknya yang berjumpa dengan doktor kerana Tipah dikhuatiri mengandung. Hasil pemeriksaan yang dijalankan Tipah disahkan mengandung. Sebelum mereka bersurai dengan doktor tersebut, Nenek Tipah telah meminta duit kepada doktor tersebut dan Doktor tersebut menyerahkan duit sebanyak 50 ringgit. Ini membuatkan Tipah dan neneknya gembira setelah menerima pemberian tersebut.

Dalam cerpen ini, terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi melihatkan konsep kemiskinan, iaitu;

1. “Bukan eh. Nininya. Mamanya bekaraja. Pembersih di *parking* betingkat ah. (p. 135)
2. Karing leherku bah! Laparku bah! Kan mencari laki ku bah. Karang ilang tia boyfrinku ah. Ngalih bah ia menunggu tu!” (p. 136)
3. “Doktor, boleh doktor bagiku duit sedikit? Pakai tambang bas balik. Indaku barani kan bautang. Karang inda juaku tabayar. Mintatahku saja. Boleh tuan doktor?” tiba-tiba perempuan tua itu bersuara. (p. 136)
4. Si Tipah kan haus dan lapar,” kataku lembut. (p. 137)
5. Dinding kayu rumah itu banyak yang reput dan usang. (p. 142)
6. Aku lihat rumah-rumah sekeliling; tidaklah sedaif rumah Tipah. (p. 142)

Berdasarkan cerpen ini, terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi melihat konsep kemiskinan, iaitu;



Rajah 4.3: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen “Insan Seperti Tipah”.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat*, kata pembersih bermaksud orang (alat) yang membersihkan sesuatu atau (orang yang sifatnya) suka dan sentiasa menjaga kebersihan (2005, p. 172). Kata kunci ‘duit’ bermaksud wang. Kata kunci ‘lapar’ bermaksud berasa hendak makan (kerana perut kosong) (2005, p. 891). Kata kunci ‘hutang’ bermaksud wang dan lain-lain yang dipinjam daripada orang lain atau kewajiban (perasaan berkewajiban) membayar balik sesuatu yang diterima (2005, p. 555). Kata kunci ‘membayar’ bermaksud memberi wang untuk barang yang diterima (untuk menyelesaikan hutang) atau menunaikan (janji, kaul, dan lain-lain), atau membalas (kebaikan dan lain-lain) (2005, p. 142). Dalam konteks ini, tidak mampu membayar dapat disimpulkan sebagai tidak ada kemampuan membayar hutang atas barang yang diterima.

Kata kunci ‘meminta’ bermaksud minta sedekah, mengemis. Kata kunci ‘usang’ bermaksud sudah lama benar, lama terpakai atau tersimpan (2005, p. 1782). Kata kunci ‘reput’ bermaksud buruk atau lapuk (2005, p. 1322). Kata kunci ‘daif’ bermaksud lemah, hina, cacat (2005, p. 3014).


Jelas daripada kata-kata kunci yang digunakan oleh NAG dalam cerpen ini menunjukkan bahawa konsep kemiskinan itu kemiskinan sebagai penderitaan fizikal. Jelas Bagi NAG, kemiskinan itu dilihat daripada aspek kekurangan atau ketidakupayaan memiliki harta sehingga sanggup merendahkan harga diri lalu mengemis simpati dan bantuan serta belas ihsan daripada individu mahupun daripada masyarakat amnya. Justeru itu, dalam konseptual NAG dalam cerpen ini dan berpandukan kata-kata kunci yang terdapat dalam cerpen ini lebih banyak mengetengahkan perihal keperluan wang dalam keperluan seharian. Tambahan lagi, mereka yang digolongkan sebagai miskin ini akan hidup dalam kesusahan kerana terpaksa mencari rezeki di muka bumi Tuhan ini sehingga mengabaikan masa dan kesejahteraan ahli keluarga demi mencari sesuap rezeki.

Cerpen “Aku Masih Ingat!” mengisahkan tentang persahabatan antara Amira (Mira) dengan Amir yang bermula dari kampung pendalaman. Pada awalnya Mira enggan ikut bapanya pindah ke kampung pendalaman untuk bertugas di salah sebuah sekolah di sana. Keengganan ini berpunca daripada keselesaan Mira menetap di pekan. Bagi diri Mira, kehidupan di kampung pendalaman itu serba-serbi kekurangan, muram dan kehidupannya terkongkong. Apabila Mira mengetahui keputusan ayahnya itu adalah muktamad, Mira memberontak dan menangis kerana enggan menjadi penghuni di kampung pendalaman itu. Akhirnya dia terpaksa akur akan keputusan ayahnya itu.

Dalam cerpen ini, terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi melihatkan konsep kemiskinan, iaitu;

1. Pasti serba serbi kekurangan. (p. 60)
2. Hatiku merintih memandangi keadaan yang serba kekurangan. (p. 62)
3. Berkawan denganmu bererti aku tidak dapat melarikan diri daripada realiti kampung pendalaman itu dengan sejuta kekurangan. (p. 63)
4. Setiap kekurangan yang kulihat, ingin kutambah; setiap kesakitan yang kurasa ingin aku sembuhkan; setiap kemiskinan ingin aku ubah kepada kekayaan; kemunduran kepada kejayaan; kebobrokan kepada keharmonian; dan aku berasakan aku dilahirkan untuk mengalas segala beban itu. (p. 65)

Berdasarkan cerpen ini, terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi melihatkan konseptual kemiskinan, iaitu;



Rajah 4.4: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen “Aku Masih Ingat!”.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat*, kata ‘kekurangan’ bermaksud tidak mempunyai (tidak cukup) atau mendapat sesuatu yang diperlukan dan lain-lain atau perihal atau keadaan kurang (tidak mencukupi) (2005, p. 855). Kata ‘kemiskinan’ bermaksud perihal kemiskinan, kekurangan, kepapaan (2005, p. 1037). Kata ‘kemunduran’ bermaksud perihal kemunduran, kemerosotan (2005, p. 1055).

Jelas daripada kata-kata kunci yang digunakan oleh NAG dalam cerpen ini menunjukkan bahawa mereka yang miskin dapat dilihat dalam bentuk kemiskinan fizikal. Dalam konseptual NAG, kemiskinan itu dilihat pada bentuk kemiskinan fizikal adalah melalui kata kunci seperti kekurangan, kemiskinan dan kemunduran. Kesemua ini melihatkan keadaan fizikal golongan yang berada dalam kelompok miskin. Tambahan lagi,

sesiapa yang kehidupannya yang dihimpit dengan kekurangan ini diberi perlambangan seperti katak di bawah tempurung. Dengan penampilan yang sedemikian, jelas sekali melahirkan keadaan kampung yang jauh terasing daripada arus kemodenan dan perkembangan semasa khususnya dalam bidang teknologi dan perkembangan kemasyarakatannya.

Apa ada di pedalaman? Walau dalam usia yang masih begitu mentah, aku tahu serba sedikit mengenai hidup di sebuah desa terpencil. Pasti serba serbi kekurangan. Serba serbi muram. Hidup terkongkong. Mungkin macam katak bawah tempurung.

(Bahana, Ogos 2010, p. 60)

Kesimpulannya, berpandukan cerpen ini, konsep kemiskinan bagi NAG ialah dalam bentuk kemiskinan fizikal. Malah dalam cerpen ini, kata kunci 'kekurangan' lebih kerap digunakan oleh NAG yang digunakan sebanyak empat kali. Tambahan lagi penggunaan kata kunci 'kemiskinan' dan 'kemunduran' merupakan kata kunci yang melihatkan mereka yang miskin itu hidup dalam keadaan yang serba serbi kekurangan. Sehubungan dengan itu, hal tersebut jelas melihatkan bahawa NAG melihat kemiskinan itu bersifat kemiskinan fizikal. Oleh itu, bagi NAG mereka yang miskin itu ialah mereka yang hidup dalam kekurangan keperluan secara fizikal kehidupan mereka agak keterbelakangan dalam pembelajaran dan masyarakat amnya.

4.3 Kemiskinan Sebagai Penderitaan Emosi.

Cerpen "Semangkuk Soto Panas" ini mengisahkan tentang watak 'Aku' yang merupakan seorang anak perempuan kelahiran kampung setingan. Aku berasa kecewa dan benci disebabkan kesempitan hidup yang dialaminya. Dia berasa bosan dan kecewa dengan /rutin


senario yang sentiasa berulang sehinggakan kehidupan sedemikian ini membuatkan dirinya memberontak kepada emaknya dan mahu lari daripada realiti kehidupannya yang dihimpit kemiskinan itu. Akibat daripada perasaan kecewa itu, watak Aku nekad melarikan diri dari rumah. Bagi watak 'Aku', ibunya merupakan punca dia menjadi seorang anak yang memberontak kerana ibunya tidak pernah memenuhi dan memahami kemahuannya sebagai seorang anak perempuan yang hendak meningkat dewasa.

Dalam cerpen ini terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi melihatkan konsep kemiskinan, iaitu;

1. Di luar, suasana petang yang malas seakan tidak sudi mengongsi kegilaanku. Mungkin sudah bosan menjadi pemerhati dalam keterpaksaan senario yang berulang. (p. 101)
2. Di mana lagi harga diri yang sedia rapuh ini mahu disembunyikan. (p. 101)
3. Kalau orang sudah benci mengapa mesti aku merayu. Aku punya harga diri. Walau hanya sehelai sepinggang. Aku boleh hidup sendiri. Sebelum ini pun aku boleh katakan aku berkelana sepi di dataran hidup yang sarat pancaroba ini. (p. 101)
4. Bukan terbiar oleh masa tetapi lebih kerana setiap penghuni tidak punya kemampuan material untuk menceriaakan keadaan. (p. 102)
5. Begitulah ketrampilan kampung ini. Kampung setinggalan. Apa yang dapat diimpikan oleh warga sebuah daerah setinggalan? (p. 102)
6. Bukankah setinggalan syurga buat manusia seperti aku yang terlontar jauh dari arus kemewahan? Aku manusia terpinggir dari penilaian jitu sebuah kehidupan. Di sini adalah daerah kaum marhaen menumpang hidup sementara menunggu penghijrahan abadi. Di sini ada si kaya yang tamak ikut merempat. Ada manusia yang sudah hilang harga diri lalu mengulit hidupnya dengan pelbagai kemaksiatan. (p. 102)
7. Perasaan benci tiba-tiba membuak-buak di hatiku. Benci dan kesal kerana aku terpaksa menjadi penghuni di daerah ini walaupun aku sedar di sinilah aku dihidupkan sejak mama melahirkan aku belasan tahun yang lalu. (p. 102)
8. Memang benar aku benci daerah ini. Meluat. Menyampah. Hatiku selalu saja sarat dengan seribu dendam dan kesal. Dan paling aku kesali kelibat lelaki yang menghumbankan aku, mama dan adik-adik ke dalam gaung setinggalan ini. Aku benci!!!!!!! (p. 102)
9. Walaupun aku remaja setinggalan, aku juga seperti mereka yang hidup di bandar dan kota. (p. 103)
10. Menguruskan rutin kehidupan seharian yang hambar. (p. 103)
11. Mama bekerja kilang syif malam akan hanya terpacul sesudah kami meninggalkan pondok yang daif serba serbi itu. Pondok di mana kami seolah berenang di dalamnya apabila musim tengkujuh menziarahi daerah itu. (p. 103)

12. Justeru apabila kusuarakan kepada mama hasratku untuk lari sebentar dari kemurungan kehidupan kami, aku rasakan aku tidak cuba berlagak dan bersikap keterlaluan seperti yang mama katakan. (p. 103)
13. Mereka tentu segan untuk mengundang seorang anak dari daerah setinggan yang tidak mampu berpakaian ranggi seperti mereka; yang kehadirannya mungkin mengganggu keselesaan tetamu lain. (p. 103)
14. Apalagi apabila tidak pernah ada wang di saku. (p. 103)
15. Seusia zaman persekolahanku aku tidak pernah punya wang saku. Apa pun juadah yang pihak sekolah sediakan untuk waktu santai, itulah makana demi mengisi parut yang sering tidak diisi se dari pagi. Teman sekelas yang agak mewah selalu memberikan bahagian mereka kepadaku. Aku terima dengan rendah hati. Aku tidak mampu untuk memilih benda yang masuk ke lubang parutku. Aku ibarat pengemis yang menerima saja habuan yang diberikan. Walaupun terkadang makanan-makanan itu ada yang sudah hampir basi dan pakaian-pakaian yang diberikan koyak-koyak dan bertampal di sana sini. Aku tetap terima ehsan itu dengan penuh sabar meski di hati ada percikan api kebencian yang membakar emosi remajaku. (p. 104)
16. Kawan-kawan rapatku adalah mereka yang menghuni kawasan setinggan yang dibelenggu oleh tali kehidupan yang tidak jauh bezanya. Itu pun kebelakangan ini sering muncul di hatiku hasrat untuk menjauhkan diri dari mereka. Kerana aku merasa teramat bosan. Bosan terkilas keperitan hidup yang sering terona di wajah mereka yang kusam dan lesu. Tiada ceria dan seri. Wajah mereka menayangkan realiti kehidupanku yang sebenar. Realiti yang ingin aku hindari. (p. 104)
17. Entah mengapa kawasan setinggan yang sebelumnya sering riuh di petang begini dengan anak-anak kecil bogel separuh badan bermain berbagai permainan yang direka sendiri, kini begitu sepi. (pp. 104-105)
18. Aku mahu secepatnya meninggalkan daerah yang kelam tanpa harapan hari muka. (p. 105)
19. Yang selamanya akan hanya sarat menongkah derita. (p. 105)
20. Daerah yang telah secara tidak adil meragut usia kanak-kanak dan remajaku; mendewasakan aku sebelum waktunya. (p. 105)
21. Ya, di kawasan setinggan tidak ada tersedia lampu jalan dan neon-neon yang biasa di lihat di kota-kota yang besar. (p. 105)
22. Tiba-tiba aku merasa tersangat haus dan lapar. Perutku mula bercengkerama dengan irama yang tidak ketentuan. Pedih. Tidak perlu aku meramas kocek gaunku kerana selamanya memang tidak pernah ada wang di situ. (p. 105)
23. “Saya tidak punya wang,” ujarku lirih. (p. 106)
24. Ah, anak setinggan ini masih mampu berhemah walau desakan perutnya demikian mencengkam! (p. 106)
25. Kalau boleh biar dia yang sengsara seorang. Dia rela menanggung apa pun penderitaan. Asalkan bukan anaknya!” (p. 107)
26. Di mana harga dirinya sebagai seorang perempuan di gantung tidak bertali? Ah, betapa menderitanya mama! (p. 108)
27. Aku tidak wajar menghukum mama atas keperitan hidupku ini. (p. 108)
28. Sesampai di beranda rumah aku segera menolak daun pintu yang masih mampu berdiri dalam kedaifannya. Pintu tidak berkunci. Di ruang tamu yang sempit, adik-adikku sedang menghadap mangkuk masing-masing. (p. 109)

Oleh itu, kata-kata kunci itu dapat di rajahkan seperti dalam rajah di bawah ini:



Rajah 4.5: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen 'Semangkuk Soto Panas'.

Berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat*, kata kunci 'setinggalan' bermaksud orang yang menempati tanah kerajaan secara haram (2005, p. 1482). Kata kunci 'pondok' bermaksud rumah yang kecil didirikan untuk sementara (di sawah, di ladang, dan lain-lain), dangau, gubuk teratak atau rumah yang tidak elok (berdinding buluh beratap rumbia) (2005, p. 1224). Kata kunci 'kedaifan' bermaksud perihal daif, kehinaan, kekurangan, kelemahan (2005: 304). Kata kunci 'kemurungan' bermaksud perihal murung, kesuraman, sedih masyghul, pilu (2005, p. 1058). Kata kunci 'belenggu' bermaksud sesuatu yang

dianggap seperti mengikat (kebebasan dan lain-lain) (2005, pp. 154-155). Kata kunci 'keperitan' bermaksud perihal perit, kepedihan, kesusahan, kesukaran atau jera, serik (2005, p. 1188). Kata kunci 'derita' bermaksud kesusahan (kesakitan, keseksaan dan sebagainya) yang dialami (2005, p. 342). Kata kunci 'sengsara' bermaksud kesusahan, (kesulitan dan lain-lain), penderitaan atau menderita kesusahan (2005, p. 1452). Kata kunci 'marhaen' bermaksud golongan yang berpendapatan rendah (seperti petani, nelayan dan lain-lain) (2005, p. 999).

Berdasarkan kata-kata kunci yang dinyatakan seperti kata kunci 'daif', 'keperitan hidup', 'bosan', 'keterpaksaan', 'derita', 'hilang harga diri', 'tidak punya kemampuan material', 'setinggalan', 'benci', 'kesal', 'sepi', dan sebagainya memperlihatkan konsepstual NAG terhadap kemiskinan sebagai penderitaan emosi. Dalam erti kata lain, konsep kemiskinan dalam cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG itu dikaitkan dengan mereka yang hidup dalam penderitaan, kedaifan, keperitan, sering kelaparan dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Hal ini ditambah lagi dengan kekurangan material dan kehidupan yang mereka harungi sebagai penduduk kawasan kampung atau daerah setinggalan itu dianggap miskin.

Seusia zaman persekolahanku aku tidak pernah punya wang saku. Apa pun juadah yang pihak sekolah sediakan untuk waktu santai, itulah makana demi mengisi parut yang sering tidak diisi se dari pagi. Teman sekelas yang agak mewah selalu memberikan bahagian mereka kepadaku. Aku terima dengan rendah hati. Aku tidak mampu untuk memilih benda yang masuk ke lubang parutku. Aku ibarat pengemis yang menerima saja habuan yang diberikan. Walaupun terkadang makanan-makanan itu ada yang sudah hampir basi dan pakaian-pakaian yang diberikan koyak-koyak dan bertampal di sana sini. Aku tetap terima ehsan itu dengan penuh sabar meski di hati ada percikan api kebencian yang membakar emosi remajaku.

(*Tsunami Di Hatinya*, 2009, p 104)

Aku mahu secepatnya meninggalkan daerah yang kelam tanpa harapan hari muka. Yang selamanya akan sarat menongkah derita. Aku mahu lari dari kenangan mama. Adik-adik. Dan apa saja yang mengaitkan aku kepada

daerah ini. Daerah yang telah secara tidak adil meragut usia kanak-kanak dan remaja: mendewasakan aku sebelum waktunya.

(*Tsunami Di Hatinya*, 2009, p. 105)

Manakala dalam aspek lain pula, mereka yang berada dalam kelompok miskin ini akan mengalami penderitaan emosi yang penuh dengan kekesalan, kebencian, kesepian, kebosanan disebabkan tiada keceriaan dalam kehidupan mereka sehari-hari. Mereka rasa terbelenggu dengan fenomena kemiskinan yang terpaksa mereka alami kerana tidak memiliki wang dan terpaksa mengharungi kehidupan yang sepi dan jauh daripada kemewahan dan kemodenan dunia. Selain itu, mereka juga akan berasa maruah diri mereka amat rapuh sehinggakan ada yang sanggup mengadaikan maruah diri hanya untuk mencari sesuap nasi.

Bukankan setingan syurga buat manusia seperti aku yang terlontar jauh dari arus kemewahan.? Aku manusia yang daerah kaum marhaen menumpang hidup sementara menunggu penghijrahan abadi. Di sini ada si kaya yang tamak ikut merempat. Ada manusia yang sudah hilang harga diri lalu mengulitnya dengan pelbagai kemaksiatan. Kerana di sini mada ada mata-mata menantau. Tiada siapa yang peduli.

(*Tsunami Di Hatinya*, 2009, p. 102)

Kawan-kawan rapatku adalah mereka yang menghuni kawasan setingan yang dibelenggu oleh tali kehidupan yang tidak jauh bezanya. Itu pun kebelakangan ini sering muncul di hatiku hasrat untuk menjauhkan diri dari mereka. Kerana aku merasa teramat bosan. Bosan terkilas keperitan hidup yang sering terona di wajah mereka yang kusam dan lesu. Tiada ceria dan seri. Wajah mereka menayangkan realiti kehidupanku yang sebenar. Realiti yang ingin aku hindari.

(*Tsunami Di Hatinya*, 2009, p. 105)

Dalam cerpen *Semangkuk Soto Panas*, NAG menggambarkan watak 'Aku' yang kehidupannya penuh dengan kesusahan dan keperitan yang terpaksa melalui kehidupannya dengan menerima semua pemberian orang sekadar untuk mengisi kekosongan dalam

keperluan asasnya seperti pakaian dan makanan. Berbanding dengan kawan-kawannya yang lain yang berada di luar kepompong kemiskinan, mereka mampu hidup mewah dan ceria. Ada kalanya mereka juga menghulurkan bantuan kepada 'Aku' dengan keperluan hariannya. Walaupun tidak dinyatakan secara terang-terangan oleh NAG, namun NAG mahu penderitaan yang dialami oleh 'Aku' yang berada di dalam kemelut kemiskinan ini dilihat dari perspektif yang berbeza iaitu daripada perspektifnya sebagai seorang insan yang mengimpikan sesuatu kenikmatan dan menikmati gaya hidup seperti orang yang berkemampuan.

Walaupun aku remaja setingan, aku juga seperti mereka yang hidup di Bandar dan di kota. Aku juga punya impian yang muluk dan indah yang ingin digapai. Dalam kepantasan usiaku menjangkau kedewasaan, aku mahu merasai keindahan zaman remaja seperti menguliti remaja lain. Pesta-pestaan, bioskop, program TV dan muzik yang mengasyikkan, lepak sambil berkongsi cerita mendebarkan dan juadah enak-enak yang tidak pernah hadir dalam kamus hidupku sebelum ini.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 103)

Oleh itu, NAG mengharapkan bahawa sewajarnya insan seperti ini adalah dibantu agar mereka dapat bersama-sama merasakan kenikmatan dunia yang diciptakan Tuhan seperti mana firman Allah Ta'ala yang tafsirnya dipetik daripada Surah al-Baqarah ayat 245:

Siapakah yang mau memberi pinjaman kepada Allah, Pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-NYA lah kamu dikembalikan.

(Al-mumayyaz, 2014, p. 234).

Kesimpulannya, konsep kemiskinan bagi NAG ialah kemiskinan sebagai penderitaan emosi golongan yang miskin ini. Oleh itu, bagi NAG mereka yang miskin itu ialah mereka yang menderita daripada segi emosi akibat kehidupan yang miskin dan hidup

dalam keadaan yang serba serbi kekurangan dari segi wang perbelanjaan dan juga terpaksa hidup melarat dalam kawasan setingan.


Cerpen “Perempuan Baju Jingga” ini mengisahkan tentang seorang ibu yang telah menyerahkan anak kandungannya, bernama Naimah kepada sepasang suami isteri untuk dijaga oleh pasangan tersebut dengan harapan agar anaknya itu akan merasai kenikmatan dan membesar bebas daripada keperitan hidup akibat kemiskinan. Anak yang diserahkan itu pun meningkat dewasa dengan kehidupan yang mewah. Manakala, mereka sekeluarga terus merempat dalam kemiskinan. Kesusahan ini ditambah lagi apabila ayahnya terkena angin ahmar yang menyebabkan ibunya terpaksa menjadi sumber pencari rezeki untuk keluarga tersebut sebagai pembersih bangunan.

Dalam cerpen ini terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi melihat konsep kemiskinan, iaitu;

1. Bersyukur kerana diberi nikmat untuk bernafas lagi; masih boleh memandang dunia yang telah selama ini memenjarakannya dalam keperitan hidup; menatap suaminya dan anak-anaknya kendatipun wajah mereka itu sering saja sendu dan lesu; meneruskan kehidupan walaupun kehidupan yang ditempuhi ini adalah sukar dari sebuah kematian. (p. 111)
2. Namun masih tidak mampu mengurangkan keperitan hidup sejak mula. Mereka dengan sekumit pelajaran tidak mampu menjawat kerja besar dengan gaji besar. Rata-rata mereka tersungkur di dataran kehidupan yang getir dan rapuh. Untuk melangsaikan keperluan keluarga pun kepayahan, inikan pula untuk membantu orang tua. (p. 112)
3. Suaminya yang dikahwininya atas pilihan orang tua itu, kini sudah lanjut usia. Ditambah lagi dengan penyakitnya itu tidak lagi mampu menyara keluarga. Dialah yang harus membawa pulang sesuap nasi mengisi perut yang senantiasa perlu di isi. (p. 112)
4. Badannya yang kurus melidi itu dibongkokkan untuk mengumpulkan rumput rampai dan daun-daun kering itu ke dalam sebiji beg plastik. (p. 112)
5. Dia bukan mahu meminta apa-apa sedaif mana pun dia. (p. 113)
6. Kelmarin sudah dipesannya kepada jirannya yang bekerja sebagai pembersih itu agar bermurah hati meyakinkan lagi si pegawai muda itu untuk sekian kalinya akan cerita sebenar. (p. 114)
7. Tetapi kalbunya selalu saja mengingatkan siapa dirinya. Dia seorang perempuan baju jingga. Tiada pelajaran. Miskin pula. Hodoh dan keraput diseret perit kehidupan yang teramat mencabar. (p. 114)

8. “Mak cik pembersih itu lagi?” (p. 115)
9. Sejak kecil dia tidak kenal erti sebuah keperitan hidup. (p. 115)
10. Sungguh dia tidak mengerti apa itu miskin. Apalagi fakir. Jauh sekali papa kedana. (p. 116)
11. Demikian semasa di sana dia tidak pernah mengalami masalah kewangan.
12. Terlintas di benaknya bagaimana mahu membesarkan anak-anak dengan gaji suaminya sebagai seorang buruh kasar. Apakah dia mampu memberi keselesaan lewat hidup yang serba serbi terhimpit itu? (p. 117)
13. Tentang keperitan yang selama ini dirasa. (p. 117)

Berdasarkan cerpen ini, terdapat beberapa kata kunci yang dipergunakan oleh pengarang bagi memperlihatkan konsep kemiskinan, iaitu;



Rajah 4.6: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen *Perempuan Baju Jingga*.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat* (2005), kata memenjarakan bermaksud pengurangan penjenayah dan lain-lain dalam penjara. Kata keperitan bermaksud perihal perit, kepedihan, kesusahan, kesukaran atau jera, serik. Kata

sendu bermaksud sedih dan pilu. Kata lesu bermaksud lemah (kerana kurang puas tidur, kurang makan dan sebagainya), tidak cergas, letih. Kata sukar bermaksud tidak mudah, payah, sulit susah atau serba kekurangan, daif, miskin. Kata tersungkur bermaksud jatuh dan mukanya terkena tanah. Jatuh tersembam. Jatuh tertiarap. Kata kepayahan bermaksud perihal payah, kesukaran, kesusahan atau menderita payah (kesulitan, kekurangan) atau kelelahan, keletihan. Kata kurus bermaksud sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit (atau mengganggu kesihatan) atau sesuatu yang menyebabkan keburukan, kepincangan hidup dan lain-lain yang merebak (seperti pelacuran, rasuah dan sebagainya), sesuatu yang menyusahkan. Kata pembersih bermaksud orang (alat) yang membersihkan sesuatu atau (orang yang sifatnya) suka dan sentiasa menjaga kebersihan. Kata sedaif bermaksud perihal daif, kehinaan, kekurangan, kelemahan. Kata miskin bermaksud tidak berharta benda, serba kekurangan (dalam barang-barang keperluan hidup), melarat. Kata fakir bermaksud (orang yang) berpendapatan kurang daripada pendapatan orang miskin (tidak mencukupi keperluan asas seharian). Kata papa kedana bermaksud keadaan yang sangat miskin. Kata buruh bermaksud orang yang mencari makan, pekerjaan. Kata terhimpit bermaksud susah atau terdesak. Kata getir bermaksud penderitaan atau pengalaman pahit (hidup).

Berdasarkan kata-kata kunci yang dinyatakan seperti kata ‘keperitan hidup’, ‘memenjarakan’, ‘sendu’, ‘getir’, dan ‘kepayahan’ sememangnya memperlihatkan konseptual gambaran NAG terhadap kemiskinan yang berkaitan dengan kesengsaraan emosi individu yang berada dalam kelompok kemiskinan. Mereka merasa terpenjara dalam kehidupan mereka sendiri. Kehidupan yang mereka alami adalah kehidupan yang penuh dengan kesedihan dan kepiluan. Perasaan ini ditambah lagi dengan keperitan hidup yang mereka harus tempuhi dengan keadaan yang daif dan penuh penderitaan. Mereka bukan

saja mengalami penderitaan emosi akibat daripada keperitan hidup yang mereka tempuhi, malah kesukaran golongan miskin ini dikatakan serupa mengatasi kesukaran kematian oleh NAG walaupun dalam bentuk gaya bahasa hiperbola. Dapat digambarkan dan difahami bahawa keperitan mereka itu berada di tahap yang penuh kesukaran, penuh dengan penderitaan, penuh dengan keseksaan dan banyak dugaan serta hambatan yang perit terpaksa diharungi demi sebuah pencarian rezeki yang halal. Hal ini jelas terbukti daripada beberapa ungkapan dalam cerpen ini;

Bersyukur kerana diberi nikmat untuk bernafas lagi; masih boleh memandang dunia yang telah selama ini memenjarakannya dalam keperitan hidup; menatap suaminya dan anak-anaknya kendatipun wajah mereka itu sering saja sendu dan lesu; meneruskan kehidupan walaupun kehidupan yang ditempuhi ini adalah sukar dari sebuah kematian.

(*Tsunami Di Hatinya*, 2009, p. 111)

Suaminya yang dikahwininya atas pilihan orang tua itu, kini sudah lanjut usia. Ditambah lagi dengan penyakitnya itu tidak lagi mampu menyara keluarga. Dialah yang harus membawa pulang sesuap nasi mengisi perut yang senantiasa perlu di isi. Demi sebuah kehidupan yang tidak diketahui bila noktahnya.

(*Tsunami Di Hatinya*, 2009, p. 112)

Tetapi kalbunya selalu saja mengingatkan siapa dirinya. Dia seorang perempuan baju jingga. Tiada pelajaran. Miskin pula. Hodoh dan keraput diseret perit kehidupan yang teramat mencabar. Tetapi hinakah aku seorang perempuan baju jingga? Desis hatinya. Aku hanya ingin mencari rezeki yang halal lagi berkat. Aku tahu orang seperti aku hanya layak dipandang dengan sebelah mata. Atau tidak dipandang langsung. Apa lagi oleh orang-orang seperti si pegawai muda itu.

(*Tsunami Di Hatinya*, 2009, p. 114)

Selain daripada itu, konseptual NAG terhadap kemiskinan ialah kesengsaraan emosi yang dialami oleh mereka miskin. Bagi NAG, kemiskinan itu adalah satu penderitaan emosi yang boleh melahirkan keperitan hidup sehingga terdesak menyerahkan anak kandung sendiri untuk dijaga oleh orang lain asalkan anak tersebut tidak menderita dan mengalami kesengsaraan yang dialami oleh golongan yang melarat ini. Perihal pengorbanan kasih sayang seorang ibu kepada anak kandungnya adalah satu yang kompleks dan rumit, namun

bagi mereka yang terdesak dan dihimpit oleh keperitan hidup, mereka akan mengambil peluang untuk menumpangkan anak mereka supaya anak mereka itu dapat merasai kelangsungan hidup yang lebih bermakna. Dalam cerpen ini, walaupun pasangan tersebut tidak mahu menerima bayaran, namun mereka berhasrat agar anak itu akan dijaga semata-mata demi menjamin masa depan anak yang diserahkan kepada keluarga yang lebih mampu berbanding mereka. Hal ini dapat dilihat dalam *cerpen Perempuan Baju Jingga* seperti yang dinyatakan di bawah ini;

Dia ingat dia telah mengusap-usap perutnya ketika itu. Dia teringat akan lapan orang anak-anak yang masih kecil di rumah dalam jagaan suami. Terlintas di benaknya bagaimana mahu membesarkan anak-anak dengan gaji suaminya sebagai seorang buruh kasar. Apakah dia mampu memberi keselesaan lewat hidup yang serba terhimpit itu? Dan kini dia sedang menunggu kelahiran seorang anak yang bererti satu lagi mulut yang perlu disuapi!

Entah kenapa tanpa dipinta dia menceritakan kisah hidupnya kepada wanita itu. Tentang keperitan yang selama ini dirasai. Wanita muda itu dengan suara yang bergetar menduga apakah dia keberatan memberi bayi yang sedang dikandungkannya itu.

Dia sampaikan hasrat itu sebaik suaminya datang melawatnya petang kemudian. Lama mereka berbincang. Dia ingat dia berkata kepada suaminya; 'Mudah-mudahan anak ini akan dapat merasa keselesaan hidup dibandingkan abang-abang dan kakak-kakaknya yang lain' Atas alasan itu suaminya bersetuju.

Dan lahirnya saja anak itu suami isteri tadi sudah menunggu dengan harapan yang menggunung. Mereka telah menunjukkan satu sampul tebal berisi wang tetapi mereka menolak. Kami bukan menjual anak, kata mereka. Kami hanya ingin menumpangkan anak kami supaya dapat mengacapi kelangsungan hidup yang lebih bererti.

(*Tsunami Di Hatinya*, 2009, pp. 117-118)

Jelas daripada kata-kata kunci yang digunakan oleh NAG dalam cerpen ini menunjukkan bahawa mereka yang miskin ini sebenarnya mengalami penderitaan emosi. Justeru itu, penderitaan emosi dalam kehidupan mereka itu merupakan kesan yang dialami oleh mereka yang miskin dan mereka akan terpaksa harungi dan hadapi dengan lebih kuat

untuk hidup dan mencari keperluan sehari-hari. Berdasarkan kata-kata kunci yang dinyatakan, konseptual bagi NAG dalam cerpen ini kemiskinan boleh diatasi dengan mementingkan ilmu dan kegigihan individu untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan itu. Sesungguhnya, bagi NAG dengan adanya sekumit pelajaran ataupun dengan tiada pelajaran langsung akhirnya seseorang itu akan merasakan kesukaran dan kesempitan dalam kehidupannya untuk memanfaatkan rezeki dan rahmat Allah di muka bumi ini.

Oleh itu, konseptual NAG itu terhadap kemiskinan ialah penderitaan emosi seseorang yang hidup serba serbi kekurangan dan ini berpunca daripada perbuatan meletakkan diri mereka dalam kemiskinan kerana mengabaikan ilmu pengetahuan atau menyetepikan kepentingan pendidikan yang bermanfaat. Dalam cerpen ini, faktor kemiskinan itu adalah disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan yang dialami oleh seorang individu yang mengakibatkan dia tercampak ke dalam arus kemiskinan.

4.4. Kemiskinan akibat kemunduran ekonomi.

Cerpen “Kemaruk” mengisahkan tentang sebuah keluarga yang hidup dalam keadaan miskin dan susah. Si suami yang bekerja sebagai buruh kasar dengan pendapatan yang rendah sehingga ada kalanya keluarga ini hanya memakan nasi bercampur air garam. Keperitan yang dilalui oleh keluarga ini, terutamanya si suami telah menyebabkan dirinya menjadi ketagihan kepada kuih lokac buatan orang Cina. Ketagihan memakan kuih ini membuatkan dirinya berasa bebas daripada keperitan yang dilaluinya sebagai orang miskin. Walau bagaimanapun, akibat perbuatannya itu telah menjejaskan perbelanjaan keluarganya yang sememangnya teramat terhad. Hal ini telah menjejaskan keadaan fizikal anak-anaknya yang ramai. Apabila dia meninggal dunia disebabkan serangan jantung, maka anaknya yang

rajin dan pintar pun berusaha untuk membantu menyara kehidupan mereka. Namun, walaupun dirinya berkelulusan daripada universiti luar negara, dia gagal untuk mendapatkan sebarang pekerjaan disebabkan ekonomi negara yang tidak stabil. Akhirnya, dia sendiri berusaha untuk membuka peniagaan secara kecil-kecilan berdasarkan kenangan ayahnya yang begitu menggemari kuih Iokac. Setelah berjaya meraih peminat dengan kuih Iokacnya, maka dia pun berjaya menjadi seorang usahawan yang berjaya dan mengubah nama kuih Iokac menjadi kuih Kemaruk. Dia pun merekrut anak-anak tempatan untuk bekerja dengannya agar dapat membantu ekonomi negara yang tidak stabil.

Dalam cerpen ini terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi melihat konsep kemiskinan, iaitu;

1. Salah seorang dari orang Melayu ini bekerja sebagai buruh kasar dengan seorang tauke. (p. 158)
2. Pendapatannya hariannya amat kecil. Begitu kecil hinggan ada kalanya dapur rumahnya tidak berasap berhari-hari dan keluarganya cuma makan nasi bercampur air garam. (p. 158)
3. Memang dapat dibayangkan keperitan yang dirasai oleh lelaki ini. Di manalah keseronokan sebuah kehidupan ini kalau saban hari – setiap kali pulang dari kerja yang berat dan memenatkan, melirihkan seluruh tenaga dari tubuhnya yang tidak sasa itu lagi – dia hanya disogokkan senario anak-anak seramai enam orang yang kurus kering hingga terjengkil tulang bidai-bidai; ditambah kehadiran seorang isteri yang suka berleter dan sudah sirna cahaya kecantikannya walaupun usianya masih dalam awal tiga puluhan. (p. 158)
4. Baginya ini dia jawapan kepada pengujarannya; yang mengangkatnya ke luar dari dunia realiti penuh kemiskinan kepada alam realiti penuh keseronokan. (p. 159)
5. Harga kuih Iokac itu tidaklah mahal tetapi kerana lelaki itu membelinya setiap hari, kadang-kadang sampai dua tiga biji, tambah menjejaskan perbelanjaan bulanan keluarga yang sememangnya sudah terjejas itu. (p. 159)
6. Maka lelaki itu pun memanggil isteri dan enam orang anaknya berkumpul di ruang dapur yang sempit itu. (p. 160)
7. Lelaki itu menerkam wajah anak-anaknya yang kurus kering tanpa berbaju itu dengan mata sebesar biji saga. (p. 160)
8. Siapa yang tidak berdosa menarik nafas panjang mengurut dada mereka yang terjengkil tulang bidai-bidai itu, lalu pergi. (p. 160)
9. Dia bangun diiringi resah. Apabila melihat bapanya sudah berjalan ke tempat kerja tanpa menoleh, dia mengurut dada yang terjengkil tulang bidai-bidai di sebalik baju sekolah yang sudah nipis dan lusuh. (p. 161)

10. Dia sanggup biarpun dia terpaksa berhutang demi *investment* hari depannya dan keluarganya. (p. 162)
11. Si ibu dengan rela menggadaikan keseluruhan hartanya yang dia ada selama hidupnya sebagai modal anaknya memulakan bisnis kuih lokac. (p. 165)
12. Dia merekrut anak-anak muda tempatan yang tercicir dan terkandas dari arus pembelajaran; yang sukar mendapat kerja di tengah senario ekonomi negara yang sedang merundum dan jumlah pengangguran yang meningkat. (p. 166)
13. Kos perubatan yang memang sudah sedia tinggi akan menjejaskan bajet hospital. Sedangkan kita selalu kekurangan bajet. (p. 169)
14. Bisnis saya ini telah memberi banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang sedang hanyut di kancuh gejala sosial dan kekecewaan hidup dalam mencari sesuap nasi. (p. 171)
15. Kemerosotan ekonomi sekali gus melambatkan malah membantutkan perkembangan dan kemajuan negara.” Doktor tempatan yang serius itu bersuara agak keras. (p. 172)

Jika diteliti cerpen “Kemaruk” terdapat beberapa kata kunci yang melingkari konsep kemiskinan NAG selain kata kunci ‘kemiskinan’. Kata-kata kunci yang melingkari konsep ini ialah ‘buruh kasar’, ‘kemerosotan ekonomi’, ‘gejala sosial’, ‘kurus kering’, ‘Lusuh’, ‘Keperitan’ dan Pengangguran’.

Oleh itu, kata-kata kunci itu dapat dirajahkan seperti dalam rajah di bawah ini:



Rajah 4.7: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen “Kemaruk”.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat*, kata 'buruh' bermaksud orang yang bekerja mencari makan, pekerjaan (2005, p. 226). Manakala kata 'buruh kasar' merujuk kepada buruh yang lebih melakukan tenaga fizikal daripada keupayaan mental dalam pekerjaannya. Kata kunci 'pendapatan' bermaksud jumlah wang yang diperoleh dalam jangka waktu yang tertentu (sebagai hasil daripada mata pencarian, kerja yang dilakukan, dan sebagainya) (2005, pp. 312-313). Dalam konteks ini, kata kunci pendapatan hariannya amat kecil itu merujuk kepada hasil wang yang diperoleh dalam sehari ini amat sedikit bagi menampung perbelanjaan sehari-hari. Kata kunci 'keperitan' merujuk kepada perihal perit, kepedihan, kesusahan, kesukaran (2005, p. 1188). Kata kurus bermaksud kurang daging, tidak gemuk atau mendedahkan kemiskinan kepada orang. Manakala kata kunci 'kurus kering' bermaksud mendedahkan kemiskinan kepada orang lain (2005, pp. 857-858). Kata kunci 'kemiskinan' itu bermaksud perihal miskin, kekurangan, kepapaaan (2005, p. 1037). Kata kunci 'lusuh' bermaksud renyuk, kumal (pakaian dan lain-lain) atau sudah rosak atau luntur kerana lama terpakai dan lain-lain, sudah tidak segar lagi (kerana mengalami kesusahan, menderita) (2005, p. 970).

Berdasarkan kata-kata kunci yang dinyatakan seperti kata 'kurus kering', 'pendapatan kecil', 'buruh kasar', 'kemiskinan', 'keperitan', 'lusuh', 'kemerosotan ekonomi', 'gejala sosial', 'pengangguran' dan 'terpaksa berhutang' merupakan beberapa kata kunci digunakan NAG dalam melihat konseptual yang berkaitan dengan kemiskinan akibat kemunduran ekonomi khususnya buat insan dan masyarakat yang berada dalam pendapatan rendah atau kecil.

Dalam erti kata lain, konsep kemiskinan dalam cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG itu dikaitkan dengan mereka yang bekerja sebagai buruh kasar yang terpaksa mengharungi kehidupan dengan pendapatan yang kecil dan sering terjejas

disebabkan perbelanjaan yang digunakan untuk sesuatu di luar keperluan harian. Dalam cerpen ini perbelanjaan yang menjejaskan itu seperti kekerapan membeli kuih lokac. Akibat daripada perbuatan itu dan pendapatan yang kecil ini lazimnya akan memberi impak yang negatif kepada kaum keluarga terpaksa mengharungi kehidupan yang susah sehingga keadaan fizikal mereka menjadi kurus kering.

Di manalah keseronokan sebuah kehidupan ini kalau saban hari – setiap kali pulang dari kerja yang berat dan memenatkan, melirihkan seluruh tenaga dari tubuhnya yang tidak sasa itu lagi – dia hanya di sogokkan senario anak-anak seramai enam orang yang kurus kering sehingga terjengkil tulang bidai-bidai; ditambah kehadiran seorang isteri yang suka berleter dan sudah sirna cahaya kecantikannya walaupun usianya masih dalam awal tiga puluhan.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 158)

Harga kuih lokac itu tidaklah mahal tetapi kerana lelaki itu membelinya setiap hari, kadang-kadang sampai dua tiga biji, tambah menjejaskan perbelanjaan bulanan keluarga yang sememangnya terjejas itu.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 159)

Bagi NAG, kemiskinan berpunca daripada kemunduran ekonomi yang mengakibatkan kenaikan jumlah pengangguran yang sekali gus punca kadar kemiskinan itu meningkat. NAG melihat faktor kemunduran ekonomi negara sebagai punca peningkatan pengangguran, yang disebabkan oleh golongan anak-anak muda yang gagal dalam pembelajaran sehingga menyumbang kepada peningkatan kadar kemiskinan yang akan menambah golongan yang tidak bekerja atau penganggur. Mereka inilah mudah terjebak kepada gejala sosial akibat desakan hidup yang gagal mencari sesuap nasi mahupun pekerjaan. Oleh itu, NAG melihat kemiskinan itu akibat kemunduran ekonomi negara.

Dia merekrut anak-anak muda tempatan yang tercieir dan terkandas dari arus pembelajaran; yang sukar mendapatkan kerja di tengah senario ekonomi negara yang sedang merundum dan jumlah pengangguran yang meningkat.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 166)

Selain yang dinyatakan di atas, NAG juga melihat bahawa kesan daripada peningkatan kes penyakit juga mengakibatkan sesebuah negara akan mengalami kemunduran ekonomi yang mengakibatkan berlakunya peningkatan terhadap statistik pembayaran kos perubatan yang boleh dipergunakan untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat. Dengan berlakunya kemunduran ekonomi dan ditambah lagi dengan kadar penyakit serta jumlah pesakit yang sakit yang meningkat, maka pihak kerajaan akan lebih banyak memfokuskan perbelanjaan bagi menangani masalah ini sehingga mengakibatkan banyaknya pengeluaran bajet yang akan menjejaskan pendapatan negara. Hal ini akan membuatkan lagi negara itu mengalami defisit dan mengalami kemunduran dalam aspek ekonomi negara. Oleh itu, NAG melihat itu dalam bentuk kemunduran ekonomi.

Sekarang ditambah dengan peningkatan jumlah penghidap jantung pasti lebih teruk lagi. Kita tahu akibatnya. Kos perubatan yang memang sudah sedia tinggi akan menjejaskan bajet hospital. Sedangkan kita selalu kekurangan bajet.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 169)

“Saya melihat saudara seorang yang bijak dan bervisi. Pastinya saudara maklum bahawa sebuah negara yang rakyatnya sakit akan menjadi negara yang lemah. Satu hal lagi, perbelanjaan yang banyak untuk pengubatan menghakis persumberan negara. Kemerostan ekonomi sesekali gus melambatkan malah membantutkan perkembangan dan kemajuan negara.” Doktor tempatan yang serius itu bersuara agak keras.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 172)

Dalam hal ini, NAG merasakan bahawa keperluan mencari rezeki itu perlu disertai dengan takwa dan usaha agar kita tidak terbiar terus miskin dan terus tersungkur dalam gejala sosial yang mensia-siakan usia, tenaga dan usaha seseorang yang beriman itu

Kesimpulannya, berpandukan cerpen ini, konsep kemiskinan bagi NAG adalah berpunca akibat kemunduran ekonomi. Dalam cerpen ini juga, faktor kemunduran ekonomi

ini juga mengakibatkan peningkatan kadar kemiskinan dan kehidupan golongan yang miskin ini akan bertambah susah dan mereka yang miskin akan menjadi lebih menderita dengan keperitan hidup yang pendapatannya terhad dan kesukaran mencari sesuap nasi. Oleh itu, berusaha membangunkan ekonomi negara dengan berusaha ke arah keredaan Allah kerana Allah adalah seluas-luas pemberi rezeki.

Cerpen “Gelandangan” ini mengisahkan tentang tiga orang pengemis yang menantikan kehadiran seorang lelaki tua bernama Haji Edrus yang juga dikenali mereka sebagai Bapak Haji. Bapak Haji ini merupakan seorang yang dermawan dan baik kerana menjaga kebajikan mereka bertiga. Namun pada hari itu, Pak Haji telah meninggal dunia dan mereka rasa tiada sesiapa lagi yang akan menjaga kesejahteraan mereka.

Dalam cerpen ini, terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi melihat konsep kemiskinan, iaitu;

1. Mereka sudah mensebatikan segala kejengkelan umum itu sebagai kewajaran buat insan-insan seperti mereka. Insan gelandangan. (p. 5)
2. Bertemu lelaki dermawan itu, yang seolah-olah beroleh kebahagiaan dan puncak kepuasan lewat perkongsian rezeki dengan mereka. (p. 5)
3. Walhal mereka belum lagi mengisi perut sedari pagi. (p. 5)
4. Agaknya bisnesnya sudah bankrap tak? Along berserkap jarang. Bukankah minggu lepas dia ada beritahu dia dalam kesulitan duit? (p. 5)
5. “Bolehkah orang jadi bankrap dalam masa satu minggu?” tanya Ngah kurang yakin. (p. 5)
6. Gagah namun tersengkur jua kerana tekanan hidup yang bertali arus. Abahnya membawa kekecewaan diisytiharkan muflis ke pusara. (p. 5)
7. Hidup menumpang dengan keluarga pak ciknya yang berantakan menjadi dia memilih untuk hidup sendiri. (p. 5)
8. Mereka memilih untuk hidup bebas dan berdikari lalu dengan tabah mengharungi hidup sebagai anak-anak gelandangan walaupun kehidupan seharian sering tidak terbala. Pada mulanya memang perit tetapi bak kata pepatah, alah bisa tegal biasa. (p. 6)
9. Emak Along bekerja keras untuk membiaya kehidupan yang kian melarat dengan anak-anak keliling pinggang. (p. 6)
10. Mungkin kerana tidak mampu hidup dikelilingi keperitan sepanjang masa. (p. 6)

11. Dia berasakan dengan ketiadaannya maka kurang lagi satu perut yang perlu diisi. (p. 6)
12. Selama dua tahun ini mereka hidup melarat ke sana ke mari. Mereka menumpang tinggal di bangsal seorang tauke Cina yang pemurah hati memberi mereka penginapan tanpa sewa. (p. 6)
13. Terkadang mereka mengakas-ngakas sampah di pasar basah mencari buah-buahan yang masih elok atau memetik buah-buahan yang gugur di laman orang yang terbuka. (p. 6)
14. Duit beberapa ringgit yang diperolehi itu akan dapat mengalas keperluan perut mereka untuk beberapa hari. (p. 7)
15. Dapatlah mereka makan nasi sepinggan dua. Namun ada ketikanya mereka terpaksa berpuasa apabila sudah kehabisan daya untuk beroleh makanan. (p. 7)
16. Sebagai anak tunggal kepada seorang ahli peniaga yang kaya dan ternama pada suatu masa dulu, Ecil pernah belajar di sebuah sekolah elit tetapi kerana khianat seseorang, dia menjadi anak jalanan. (p. 7)
17. Mereka berlari ke jalan besar; Along dengan sepatunya yang sebelah kanan terngaga macam mulut buaya; Ngah dengan selipar jepunnya yang sudah menipis dan Ecil yang berkaki ayam kerana sepatunya satu-satunya telah dibaham oleh anjing liar yang banyak berkeliaran di sekeliling bangsal tempat mereka tinggal. (p. 7)
18. Ecil mengeset mata dengan lengannya yang kurus dan berkudis.
19. “Kamu wajar dimasukkan ke pusat untuk anak-anak yang terbiar,” katanya. (p. 7)
20. Tiga pasang mata kepunyaan sosok tubuh yang gelap dan kurus itu saling berpandangan, terkilas tirta yang mula menerangi. (p. 9)

Berdasarkan cerpen ini, terdapat beberapa kata kunci yang dipergunakan oleh NAG

bagi memperlihatkan konsep kemiskinan, iaitu;



Rajah 4.8 : Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam cerpen *Gelandangan*.

Dalam erti kata lain, konsep kemiskinan dalam cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG itu dikaitkan dengan mereka sebagai insan gelandangan yang menjadi insan sedemikian akibat kemunduran ekonomi. Gambaran ini telah melihatkan bahawa mereka yang miskin itu kehidupannya sentiasa dihimpit kekurangan material dalam keperluan harian seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan duit atau wang. Mereka ini terpaksa berusaha lebih keras untuk mencari rezeki di atas muka bumi ini sekadar untuk mengisi perut yang kosong demi kelangsungan hidup sehari-hari sehingga ada kalanya mereka ini ada yang sanggup mengakas-ngakas sampah untuk mencari sesuap rezeki yakni makanan.

Terkadang mereka mengakas-ngakas sampah di pasar basah mencari buah-buahan yang masih elok atau memetik buah-buahan yang gugur di laman orang yang terbuka.

(Bahana, Februari 2012, p. 6)

Tin-tin itu mereka jual kepada tauke Cina di bangsal mereka menumpang untuk di kitar semula. Pada ketika lain, mereka mengutip kotak-kotak dari pasar raya dan kedai runcit di sekitar kompleks yang sama untuk dijual. Duit beberapa ringgit yang diperoleh itu akan dapat mengalas keperluan perut mereka untuk beberapa hari. Kadang-kadang mereka menjadi tukang cuci pinggan mangkuk di dapur-dapur restoran yang kekurangan tenaga pekerja. Dapatlah juga mereka merasa makan nasi sepinggan dua. Namun ada juga ketikanya mereka terpaksa berpuasa apabila sudah kehabisan daya untuk beroleh makanan.

(Bahana, Februari 2012, pp. 6-7)

Dalam cerpen ini, NAG telah memperlihatkan gambaran kehidupan tiga individu yang berlainan latar belakang namun bersatu dalam satu situasi yang menyebabkan mereka menggemis demi kehidupan. Perihal ini terjadi apabila sumber pendapatan rezeki iaitu tempat mereka bergantung sudah meninggalkan diri mereka bersendirian mengharungi kehidupan tanpa kasih sayang daripada ibu bapa diusia muda seperti watak Ecil yang

perihal kematian ibu bapa Ecil telah mengakibatkan watak Ecil hidup menumpang dan akhirnya memilih untuk hidup berdikari sendiri walaupun dalam keadaan daif sekalipun. Atau watak Along yang kurangnya perhatian daripada ibu bapanya yang membuatnya keluar daripada pangkuan keluarga kerana merasakan dengan ketiadaan dirinya akan kurangnya beban emaknya yang bekerja keras sedangkan ayahnya sentiasa keluar masuk penjara kerana dadah. Atau watak Ngah yang ditinggalkan oleh bapanya yang muafak yang tidak tahan dengan tekanan hidup yang dihadapinya dan ibunya pula mengabaikan dirinya di bawah jagaan neneknya yang sudah tua. Akhirnya mereka bertiga ini berkawan kerana mengalami situasi yang sama iaitu menjadi pengemis untuk meneruskan kehidupan seharian sambil berkongsi rezeki sesama sendiri dengan masyarakat yang prihatin akan nasib malang mereka ini.

Pertemuan yang ditakdirkan bersama Along dan Ngah di suatu sore dua tahun yang lalu mengheret mereka menjadi akrab kerana mereka senasib. Mereka kehilangan orang tua walaupun berbeza namun situasi yang mereka harungi masih serupa. Tiada kasih sayang daripada ibu bapa. Jauh sekali warga kerabat. Mereka memilih untuk hidup bebas dan berdikari lalu dengan tabah mengharungi sebagai anak-anak gelandangan walaupun kehidupan seharian sering tidak terbala. Pada mulanya memang perit tetapi bak kata pepatah, alah bisa tegal biasa. Akhirnya mereka reda berkelana di bumi Tuhan yang tidak akan kekurangan apa-apa selagi ada daya dan usaha.

(Bahana, Feb 2012, p. 6)

Kesimpulannya, berpandukan cerpen ini, konsep kemiskinan bagi NAG adalah berpunca akibat kemunduran ekonomi. Dalam cerpen ini juga, faktor kemunduran ekonomi ini juga mengakibatkan peningkatan kadar kemiskinan dan kehidupan golongan yang miskin ini akan bertambah susah dan mereka yang miskin akan menjadi lebih menderita dengan keperitan hidup yang pendapatannya terhad dan kesukaran mencari sesuap nasi.

Oleh itu, berusaha membangunkan ekonomi negara dengan berusaha ke arah keredaan Allah kerana Allah adalah seluas-luas pemberi rezeki.

4.5 Rumusan Konseptual Keseluruhan Cerpen NAG Terhadap Konsep Kemiskinan

Ternyata sebanyak tujuh buah cerpen yang dianalisis itu, berhubung dengan kemiskinan. Setelah diteliti dan disemak, jelas bahawa kebanyakan cerpen-cerpen NAG itu menentang konseptual kemiskinan yang berbentuk kemiskinan sebagai penderitaan fizikal, kemiskinan sebagai kesengsaraan emosi dan kemiskinan akibat kemunduran ekonomi. Hal ini terbukti melalui penggunaan kata kunci yang ditemui daripada tujuh buah cerpen yang dikaji sepanjang penglibatan NAG dalam menghasilkan cerpen-cerpennya seawal tahun 2005 hingga 2012.

Rumusan ketujuh-tujuh cerpen pilihan ini adalah untuk meneliti konsep kemiskinan NAG menggunakan kata kunci yang berkaitan dengan untuk menjelaskan konsep kemiskinan. Jadual di bawah ini akan menyenaraikan beberapa kata kunci yang dipergunakan oleh NAG bagi memperlihatkan kata kunci utama 'kemiskinan' dalam cerpen-cerpennya:

Setelah menganalisis ketujuh-tujuh cerpen, sebanyak 35 pemilihan kata yang berupa kata kunci digunakan oleh NAG untuk melihat konseptual terhadap kemiskinan. Dalam jadual 4.9 ada melihat kekerapan kata kunci yang digunakan dalam tujuh cerpen yang dikaji.


Jadual 4.1: Jadual kekerapan penggunaan kata kunci dalam ketujuh-tujuh cerpen yang dipilih.

Kata kunci	Cerpen 'Kemaruk'	Cerpen 'Pertemuan'	Cerpen 'Seman-gkuk Soto Panas'	Cerpen 'Perem-puan Baju Jingga'	Cerpen 'Insan Seperti Tipah'	Cerpen 'Aku Masih Ingat!'	Cerpen Gelandangan
Setinggalan		1 kali	8 kali				
Kurus	3 kali			1 kali			3 kali
Buruh	1 kali		1 kali	3 kali	1 kali		
Kedaifan		1 kali	2 kali	1 kali	1 kali		1 kali
Tidak punya kemampuan			1 kali			4 kali	
Keperitan	1 kali		2 kali	1 kali			
Lusuh	1 kali	1 kali			1 kali		1 kali
Tidak punya wang			4 kali				
Pendapatan terhadap	1 kali	1 kali					
kemiskinan	1 kali		1 kali	1 kali		1 kali	
Pondok			2 kali				
Gelandangan							2 kali
Derita			2 kali				
Lapar					2 kali		
Marhaen			1 kali				
Kemurungan			1 kali				
Tiada pelajaran		1 kali					
Sengsara			1 kali				
Getir				1 kali			
Fakir				1 kali			
Papa kedana				1 kali			
Masalah kewangan				1 kali			
Sukar				1 kali			
Dibelenggu			1 kali				
Usang					1 kali		
Meminta-minta					1 kali		
Berhutang					1 kali		
Reput					1 kali		
Meminta wang					1 kali		
Tidak mampu membayar					1 kali		
Kemunduran						1 kali	
Pengemis			1 kali				

Hasil daripada penemuan kata kunci ini, daripada jadual di atas, NAG lebih kerap menggunakan kata kunci 'setinggalan' sebanyak sembilan kali, 'kurus' sebanyak tujuh kali, 'buruh' sebanyak enam kali, dan 'tidak punya kemampuan' dan 'daif / kedaifan' sebanyak lima kali, kata kunci 'pendapatan kecil' dan 'kemiskinan', sebanyak kali kali dan akhir sekali kata kunci 'pondok', 'gelandangan', dan 'lapar', digunakan sebanyak dua kali untuk melihatkan kemiskinan sebagai penderitaan fizikal, kemiskinan sebagai penderitaan emosi dan kemiskinan akibat kemunduran ekonomi. Kata-kata kunci ini digunakan oleh NAG bagi menggambarkan konseptual dirinya terhadap golongan miskin dalam mengharungi kehidupan mereka sehari-hari disebabkan kekurangan keperluan harian.

Berdasarkan perbandingan dan rumusan daripada tujuh cerpen ini, terdapat 14 kata kunci yang kerap digunakan oleh NAG bagi melihatkan konseptual kemiskinan dalam karya-karya yang terpilih.

Oleh itu kata kunci itu lebih jelas dalam bentuk seperti rajah di bawah ini;



Rajah 4.9: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep kemiskinan dalam ketujuh-tujuh cerpen yang dipilih

Berdasarkan kata kunci yang ditemui dalam analisis beberapa cerpen itu, sepanjang 2005 sehingga 2010 tidak melihat pertukaran konseptual terhadap kemiskinan khususnya dalam bentuk kemiskinan sebagai penderitaan fizikal. Dalam mengetengahkan konsep kemiskinan sebagai penderitaan fizikal ini, NAG telah melakarkan tiga buah cerpen iaitu cerpen 'Pertemuan' yang diterbitkan pada tahun 2009, cerpen 'Insan Seperti Tipah' yang diterbitkan pada tahun 2009, dan cerpen 'Aku Masih Ingat!' yang diterbitkan pada tahun 2010. Kesemua cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG terhadap kemiskinan sebagai penderitaan fizikal. Hasil daripada kajian yang dijalankan juga menemui bahawa konseptual NAG sepanjang tahun itu tidak ada memperlihatkan perubahan konseptualnya terhadap kemiskinan sebagai penderitaan fizikal. NAG masih lagi melihat mereka yang miskin ini akan mengalami penderitaan secara fizikal yang akan mengganggu penampilan mereka, keadaan fizikal mereka yang kurus dan hanya mampu menyandang jawatan yang bergaji rendah seperti buruh kasar dan pembersih. Hal ini juga berdasarkan penemuan beberapa kata kunci yang dipergunakan oleh NAG di antaranya, 'setingan', 'lusuh', 'buruh' dan sebagainya dalam melakarkan karya-karya tersebut.

Manakala, dalam mengetengahkan konsep kemiskinan sebagai penderitaan emosi, NAG telah melakarkan dua buah cerpen iaitu cerpen 'Semangkuk Soto Panas', dan cerpen 'Perempuan Baju Jingga'. Hasil daripada kajian yang dijalankan juga menemui bahawa konseptual NAG itu tidak ada memperlihatkan perubahan konseptualnya terhadap kemiskinan sebagai penderitaan emosi. Dalam hal ini, NAG masih juga melihat mereka yang terhimpit dengan kesusahan akibat kemiskinan ini akan mengalami kesengsaraan emosi. NAG melihat keadaan mereka yang terganggu emosi mereka sehingga menjejaskan harga diri mereka selaku insan di muka bumi Tuhan ini. Hal ini juga berdasarkan penemuan

kata kunci yang dipergunakan oleh NAG di antaranya, 'daif' atau 'kedaifan', 'keperitan', 'derita' dan sebagainya.

Seterusnya dalam mengetengahkan konsep kemiskinan akibat kemunduran ekonomi, NAG telah melakarkan dua buah cerpen iaitu cerpen 'Kemaruk' yang diterbitkan pada tahun 2005 dan cerpen 'Gelandangan' yang diterbitkan pada tahun 2012. Cerpen-cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG terhadap kemiskinan akibat kemunduran ekonomi adalah tidak berubah. Hasil daripada kajian yang dijalankan juga menemui bahawa konseptual NAG sepanjang 5 tahun itu tidak ada memperlihatkan perubahan konseptualnya terhadap kemiskinan akibat kemunduran ekonomi.

Dalam hal ini, NAG masih lagi melihat mereka yang miskin ini akibat kemunduran ekonomi ini akan hidup melarat, terkesan daripada kemunduran ekonomi ini, maka ada yang akan menjadi tiada berpelajaran tinggi atau menjadi penganggur malah yang lebih teruk akan menjadi anak-anak jalanan yang akan mengemis dan menjadikan beban kepada ekonomi negara. Hal ini juga berdasarkan penemuan beberapa kata kunci yang dipergunakan oleh NAG di antaranya, 'pengemis', 'tidak punya wang', 'pendapatan terhad' dan sebagainya dalam melakarkan karya-karya tersebut.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa bagi NAG, kemiskinan itu mereka yang miskin itu adalah mereka yang hidup dalam keadaan yang serba serbi kekurangan terutamanya dalam memenuhi keperluan asas mereka seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian. Dapatan ini adalah Kemiskinan merupakan satu "sindrom situasi" yang meliputi unsur-unsur kekurangan makanan, taraf kesihatan yang rendah, pendapatan rendah, pengangguran. Keadaan perumahan yang tidak selamat, taraf pendidikan yang rendah, tidak menikmati keperluan moden, pekerjaan yang tidak terjamin, sikap hidup yang negatif dan

fikiran yang kolot. Konsep kemiskinan ini sedikit sebanyak terbentuk oleh persekitaran ekonomi dan sosial serta matlamat umum masyarakat yang cuba digapai melalui dasar antikemiskinan (Chamhuri Siwar dan Mohd. Hafilah Piei, 1998, pp. 30-31).

Hasil daripada penilaian dan analisis yang dilaksanakan, konseptual NAG dapat dikesan berdasarkan menerapkan teori Konseptual-Kata Kunci iaitu dengan mengaplikasikan tiga prinsip teori ini. Berdasarkan penemuan dan kekerapan penggunaan kata kunci yang digunakan oleh NAG dalam tujuh-tujuh cerpen tersebut, ternyata bahawa prinsip kepengaruhan mempengaruhi konseptual seseorang penulis terhadap sesuatu isu yang dipengaruhi oleh latar belakang kehidupan penulis seperti keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi, politik, pertubuhan yang diperjuangkan dan sebagainya (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005: p.83). Dalam meneliti kehidupan NAG, pada keseluruhan cerpen tersebut didasari oleh pengalaman yang dialami oleh NAG membesar dalam keluarga yang besar dan dapatan keluarga yang kecil untuk menampung adik beradik NAG. Hal ini telah mempengaruhi gaya penulisan dan pola fikiran NAG dalam penulisannya. Maka, NAG lebih banyak melihat konseptual konsep kemiskinan itu sebagai penderitaan fizikal berbanding kesengsaraan emosi dan kemiskinan akibat kemunduran ekonomi. Hal ini jelas apabila NAG mengakui bahawa walaupun kehidupan mereka itu serba serbi kekurangan namun mereka tetap bergembira (Norsiah Abdul Gapar, 2015, Nov 14).

Justeru itu, dalam penghasilan cerpen-cerpen yang telah dikaji, didapati bahawa penghasilan cerpen-cerpen tersebut dipengaruhi kepengaruhan berdasarkan kepada pengalaman kehidupan NAG yang membesar dalam keluarga berpendapatan kecil. Hasil daripada temu bual yang dijalankan, NAG mengakui bahawa dirinya membesar dalam keluarga yang berpendapatan kecil dan dalam keadaan yang serba serbi kekurangan itu

menjadi pengaruh penulisan karyanya (Norsiah Abdul Gapar, 2015, Nov 14). Walau bagaimana pun, keadaan sedemikian itu tidak mendatangkan kepada dirinya sebarang konflik emosi, malah kehidupan yang serba serbi kekurangan ini malah mematangkan dirinya untuk berdikari sendiri dan berusaha untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan itu.

Dalam masa yang sama juga, dalam konseptual NAG terhadap kemiskinan, kebanyakan golongan marhaen dan golongan miskin ini secara fizikalnya hidup dalam kesusahan, kedaifan dan hidup dalam serba serbi kekurangan tidak kira keadaan tempat tinggal, kawasan, ruang rumah, keadaan rumah, pakaian dan sebagainya. Bagi NAG hal ini ada hubung kaitnya dengan relatif kemunduran sesebuah ekonomi negara. Perihal ini jelas diperlihatkan dalam cerpen “Kemaruk”, cerpen “Pertemuan”, “Semangkuk Soto Panas” dan “Insan Seperti Tipah” memperlihatkan watak-watak yang bekerja sebagai buruh kasar seperti pekerja kilang atau pembersih, dan menjana pendapatan. Kemudian mereka ini digambarkan lagi dengan kehidupan yang daif, susah, serba serbi kekurangan dan secara fizikalnya berbadan kurus. Hal ini jelas melihatan konseptual NAG itu dipengaruhi dengan latar belakang NAG yang membesar dalam keluarga yang berpendapatan rendah. Berhubung dengan perihal ini, bapanya yang bekerja sebagai buruh kasar di Jabatan Kerja Raya dan ibunya sebagai suri rumah telah memberikan impak kepada penulisannya dan konseptualnya terhadap kemiskinan yang lebih banyak dipengaruhi secara fizikal.

Selain itu, , NAG juga melihatan unsur kepengaruhan dalam bentuk kemiskinan fizikal itu adalah disebabkan kekurangannya mementingkan ilmu pengetahuan dalam diri individu itu atau mereka sendiri mengabaikan peranan pendidikan itu dalam mengubah nasib mereka. Bagi NAG, peranan pendidikan itu sangatlah penting kerana tanpa adanya ilmu pengetahuan dan pengalaman yang bermanfaat dan berguna, maka individu itu akan

mudah terjebak ke gejala sosial seperti pelacuran dan mengemis. Hal ini sejajar dengan pengalaman NAG yang berusaha mengejar ilmu pengetahuan itu sehingga ke menara gading. Hasil daripada usahanya menimba ilmu pengetahuan, dirinya telah berjaya meraih cita-citanya iaitu untuk menjadi seorang doktor (Norsiah Abdul Gapar, 2015, Nov 14). Setelah dia berjaya meraih cita-citanya, dia berjaya menjawat jawatan yang bergaji mewah sehingga memberikan dirinya kemurahan rezeki dan keselesaan dalam kehidupannya sehingga melihat dirinya itu bebas daripada kemiskinan. Hal ini diperlihatkannya dalam cerpennya “Kemaruk” dan “Pertemuan”.

Walau bagaimana pun, NAG tidak pernah mengabaikan mahupun menyombongkan dirinya untuk mengabaikan tanggungjawabnya terhadap masyarakat khususnya kepada golongan miskin dan golongan marhaen ini. Oleh itu NAG menghasilkan cerpen-cerpen yang mengandungi unsur-unsur kemiskinan agar melihatkan konseptual NAG terhadap golongan miskin ini. Dengan penghasilan cerpen-cerpen ini, NAG berharap perihal golongan miskin ini dapat dirasai dan memberi kesan kepada pembaca agar membantu nasib insan-insan yang kurang bernasib baik ini.

Selain itu, NAG juga menceritakan golongan miskin ini secara zahirnya akan hidup dalam kesempitan kewangan, hidup dalam kesusahan, keperitan hidup, dan suasana tempat tinggal yang usang, pakaian serba serbi lusuh, kumal dan pudar dan ada kalanya kesan daripada kemiskinan ini akan menyebabkan individu atau golongan miskin ini berbadan kurus kering sehingga menjejaskan kesihatan mereka. Hal ini terjadi disebabkan mereka kekurangan zat makanan yang berkhasiat dan makan secara tidak teratur, dan ada kalanya makan secara ala kadar untuk mengisi perut yang sudah lama tidak diisi dan ada kalanya seharian terpaksa berpuasa untuk mengharungi kehidupan dari hari ke hari. Hal inilah yang secara tidak langsung menyebabkan golongan yang miskin itu menjadi kurus kering dan

mudah terdedah kepada penyakit. Perihal ini jelas digambarkan oleh NAG dalam cerpen “Insan Seperti Tipah”, cerpen “Semangkuk Soto Panas” dan cerpen “Gelandangan”.

4.6 Kesimpulan

Dalam menegenahkan konsep kepengaruhan dalam teori Konseptual - Kata Kunci, penghasilan karya-karya NAG ini banyak dipengaruhi dengan pengamatan NAG terhadap kehidupan manusia di sekelilingnya. Sebagai seorang penulis yang memiliki ketajaman hati nurani dan mata yang sentiasa mendokumentasikan kehidupan sehari-hari manusia, pengamatan NAG terhadap kemiskinan itu pada perspektifnya adalah golongan yang terpaksa mengharungi kehidupan dalam keadaan yang penuh keperitan, kesusahan dan kehidupan yang melarat serta penuh dengan kedaifan. Sebagai seorang penulis yang suka mengembara, NAG juga melihat keperitan yang dilalui mereka walaupun dalam kehidupannya dia tidak pernah mengalami kehidupan yang miskin dan susah. Namun, daripada pengamatan NAG ini, dia telah berjaya menghasilkan karya yang bermutu dan bermanfaat kepada pengamat sastera dan masyarakat amnya. Sebagai contoh, pengalaman NAG yang diraihnya semasa pengembaraannya telah dirakamnya semula dalam cerpen “Gelandangan” itu berilhamkan daripada pengamatan NAG terhadap kehidupan pengemis yang hanya mahu kebebasan daripada norma-norma kehidupan yang lazim yang dianggap mereka sebagai satu penjara yang penuh dengan kepura-puraan dan tipu daya. Oleh itu mereka lebih selesa untuk menjadi anak jalanan daripada menjadi anak di bawah jagaan skim atau bantuan sebuah pihak organisasi mahupun pihak kerajaan. Bagi golongan ini, menyertai skim atau menerima bantuan pihak luar hanya akan menegah dan mengawal aktiviti harian mereka. Oleh itu mereka lebih selesa sendiri tanpa bantuan walaupun pada

hakikatnya mereka susah dan menderita. Namun mereka boleh berdikari dengan bekerja di restoran-restoran, menjual barang yang boleh dikitar semula, dan mengemis kepada insan-insan yang sudi dan sanggup berkongsi rezeki yang Tuhan kurniakan bersama mereka. Namun dalam masa yang sama mereka juga tahu bahawa secara fizikalnya, mereka tetap tidak mampu untuk menyara dan menampung kehidupan mereka sehari-hari walaupun tanpa bantuan pihak luar. Inilah satu hakikat yang cuba diperlihatkan oleh NAG terhadap kehidupan orang-orang yang miskin iaitu suatu hakikat yang getir namun terpaksa diterima oleh mereka yang diklasifikasikan sebagai golongan miskin.

Prinsip kedua teori Konseptual-Kata Kunci ialah pemilihan kata. Dalam prinsip ini, seorang penulis akan menyatakan konseptualnya terhadap sesuatu isu itu dengan menggunakan kata atau perkataan yang melakar mindanya (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 85). Hasil daripada analisis yang dilakukan, NAG tidak banyak menggunakan bahasa saintifik yang sejurus dalam bidang kerjayanya tetapi lebih akrab dan selesa menggunakan bahasa harian yang mudah untuk difahami pembaca dan pengamat sastera Negara Brunei Darussalam dan di luar negara. Selain itu, terdapat beberapa pengulangan kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi memberi penekanan terhadap konseptual tentang kemiskinan itu. Pemilihan kata atau kata kunci yang digunakan oleh NAG dalam cerpennya seperti kata kunci 'buruh', kata kunci 'pendapatan terhad', kata kunci 'kurus', kata kunci 'kemiskinan', kata kunci 'lusuh', kata kunci 'setinggalan', kata kunci 'tiada pelajaran', dan kata kunci 'tidak punya kemampuan', jelas melihatkan konseptual NAG terhadap kemiskinan itu. Hasil daripada penilaian dan analisis yang dilakukan, penggunaan kata kunci kedaifan, buruh, keperitan, kurus, lusuh kerap digunakan dalam cerpen yang menentang isu kemiskinan. Hal ini adalah kerana lazimnya NAG hanya akan menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan

konseptualnya terhadap sesuatu isu yang berbangkit semasa penghasilan cerpen tersebut. Oleh itu, pemilihan kata kunci yang disebutkan di atas merupakan kata kunci yang berhubung dengan konseptual NAG terhadap konsep kemiskinan yang bagi dirinya merupakan berbentuk kemiskinan fizikal. Justeru itu, NAG lebih kerap menggunakan kata-kata kunci tersebut kerana kata-kata kunci itu lebih rapat bagi dirinya mengungkapkan konseptual dirinya dan diksi kata yang merangkumi minda dan persekitaran diri NAG.

Prinsip ketiga dalam teori Konseptual-Kata Kunci ialah kesan. Dalam hal ini, penulis akan menerapkan mesej secara sedar mahupun tidak terhadap sesuatu konsep terhadap sesuatu isu, hal, perkara, dan sebagainya yang dikemukakan dalam karyanya. Hal ini dapat dirasai oleh khalayak pembaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan penulis itu. (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 89). Berdasarkan kata kunci yang ditemui, konseptual NAG berjaya ditemui dan kata kunci ini telah memberi kesan kepada pembaca agar membantu golongan yang kurang bernasib baik ini.

Selain itu, NAG juga ada menyelitkan saranan untuk keluar daripada kongkongan kemiskinan itu. Hal ini memberi kesan yang signifikan kepada pembaca agar memanfaatkan ilmu pengetahuan dan untuk mengejar cita-cita yang murni lagi baik untuk mengelak diri daripada terjebak kepada kemiskinan. Oleh itu bagi NAG, kunci penghapusan kemiskinan itu adalah daripada hasrat dan dorongan individu itu untuk merubah kehidupannya daripada kemiskinan kepada kehidupan yang mewah dengan berusaha dan belajar bersungguh-sungguh agar dapat menghindarkan diri daripada terjebak dalam kancuh kemiskinan dan gejala sosial. Hal ini juga dirasakan NAG sebagai salah satu faktor yang membolehkan seseorang itu bebas daripada cengkaman kemiskinan iaitu menjawat jawatan yang bergaji besar agar dapat menyara kos sara hidup yang semakin

sehari semakin meningkat. Hal ini secara tidak langsung akan membantu dan menangani masalah kemiskinan (Norsiah Abdul Gapar, 2015, Nov 14).

Universiti Malaya

BAB 5
ANALISIS KONSEP PERJUANGAN
DALAM CERPEN-CERPEN NORSIAH ABDUL GAPAR

5.0 Pengenalan

Sebanyak lima buah cerpen Norisah Abdul Gapar (NAG) yang ada menyetengahkan isu atau perihal perjuangan. Antara 32 cerpen yang telah dikumpulkan, cerpen-cerpen yang dipilih oleh pengkaji untuk mengungkapkan konsep perjuangan adalah cerpen bertajuk “Penantian” yang diterbitkan dalam majalah *Bahana* pada Mac 1984, cerpen “Pertemuan”, cerpen “Reban Merah Jambu”, dan cerpen “Kerudung Ungu”, yang kesemuanya diterbitkan pada tahun 2009 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam *Kumpulan Cerpen Tsunami Di Hatinya*. Selain itu, sebuah cerpen NAG yang berjudul “Hadiah Sebuah Perkahwinan” yang diterbitkan pada Julai 2011 dalam majalah *Bahana* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah dipilih untuk mengungkapkan konseptual NAG terhadap konsep perjuangan dalam karya-karyanya. Sehubungan dengan itu, lima cerpen ini telah digunakan untuk mengaplikasikan prinsip yang terdapat dalam konsep teori Konseptual-Kata Kunci dengan menganalisis dan menilai konsep perjuangan dalam mengungkapkan konseptual NAG dalam karyanya.

5.1 Konsep Perjuangan


Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, pengertian bagi juang ialah semangat untuk berjuang demi mencapai, mendapatkan atau memperoleh sesuatu (kejayaan, kemenangan dan sebagainya) (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, p. 638). Manakala kata erti perjuangan bermaksud perihal berjuang untuk merebut (mencapai, mempertahankan) sesuatu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, p. 638). Dalam erti kata yang mudah, perjuangan ini suatu perbuatan yang memerlukan usaha untuk mencapai, mempertahankan dan berjuang. Menurut *Kamus Ensiklopedia Jilid 1* (1997, p. 382) konsep perjuangan itu mengaitkan 'juang' dengan 'usaha untuk mendapatkan atau memperoleh sesuatu', dalam hal ini boleh dirujuk sebagai kejayaan atau kemenangan. Sehubungan itu, 'juang' dikaitkan juga dengan 'semangat' iaitu perasaan hati jiwa atau kemahuan untuk melakukan sesuatu (1997, p. 1433). Seajar dengan tafsiran itu, dapatlah ditafsirkan bahawa perjuangan itu tidak semestinya berjuang untuk mempertahankan kemerdekaan tanah air semata-mata, malah perjuangan itu juga boleh dilihat dalam bentuk usaha untuk berjuang dalam mempertahankan, mengapai hasrat, cita-cita dan keinginan malah ada juga perjuangan itu berbentuk perjuangan untuk hidup.

Dalam mengetengahkan konsep ini, Hans Khon menyatakan bahawa perjuangan (nasionalisme) ini adalah satu ideologi kesedaran bangsa untuk memperjuangkan hak mereka selaku satu bangsa yang bermaruah. Dalam definisi ini, Khon telah menekankan beberapa aspek utama dalam kesedaran bangsa iaitu, persoalan cintakan pada tanah air, membela nasib bangsa, semangat perjuangan dan gerakan nasionalis (R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail, 1985, pp. 2-3).

Manakala menurut pendapat Elie Kedourie, perjuangan itu menitikberatkan hala tuju, nasib, bangsa dan negara mereka dalam mencapai kemerdekaan dan ketenteraman serta memupuk jati diri bangsa (sahsiah negara) yang bangkit daripada desakan sosial, tekanan ekonomi, politik dan pengaruh-pengaruh luar yang mengancam keberadaan identiti ini (Kamaruzzaman Abd. Kadir, 1982, p. 1).

Oleh itu, konsep perjuangan itu dapat dilihat dari perbagai aspek di antaranya cinta pada negara, membela nasib bangsa, hak individu dan hak bersama, cita-cita, perjuangan hidup dan sebagainya. Dengan adanya aspek-aspek ini, dapatlah membantu untuk menjuruskan kajian ini dalam menilai aspek-aspek yang dinyatakan itu. Tambahan lagi, lazimnya setiap bentuk penulisan itu memerlukan unsur kepengaruhan dalam melakarkan konseptual penulisnya agar konsep yang diketengahkan itu akan menjadi lebih fokus terutamanya dalam penghasilan karya yang bermutu lagi bernas.

Justeru itu, dalam melihat konsep perjuangan dalam konseptual NAG, rajah di bawah ini telah dihasilkan untuk memudahkan dalam melihat konsep perjuangan itu;



Rajah 5.1: Penemuan pembahagian konsep perjuangan.

Dengan mengenal pasti keempat-empat konsep perjuangan ini, konsep-konsep ini

akan dijadikan pegangan untuk mengenal pasti penggunaan kata kunci yang sekali gus memudahkan untuk mengenal pasti aspek apakah yang mendominasi konseptual NAG dalam karyanya khususnya dalam konsep perjuangan yang ingin dikaji. Oleh itu, setiap analisis cerpen-cerpen NAG akan diaplikasikan penggunaan teori Konseptual-Kata Kunci dengan mengenal pasti kata kunci yang digunakan dan akan dikategorikan dengan menggunakan keempat-empat konsep yang dinyatakan sebelum ini.

5.2 Perjuangan Dalam Mengapai Cita-Cita.


Cerpen “Penantian” ini mengisahkan tentang watak Rahayu yang ingin mengapai cita-cita dan harapannya. Cita-cita dan harapan itu merujuk kepada dirinya menghasilkan sebuah novel. Novel ini diharap akan dijadikan sebuah peninggalan yang bermakna bagi dirinya, anaknya Len dan mereka yang menantikan kehadiran detik Disember 1983. Walaupun perit dan banyak penderitaan yang terpaksa diharungi Rahayu selama dua tahun itu, namun dia tetap reda dan cekal berjuang dalam meneruskan kehidupannya sehari-hari. Dengan dedikasi yang utuh, semangat yang kental dan bantuan serta dorongan daripada Doktor Anwar, akhirnya novel itu pun selesai dikarang. Di akhir hayat Rahayu, dia meninggalkan dunia ini dengan tenang dan dikelilingi oleh insan yang menyayangi dirinya iaitu Doktor Anwar, ibunya dan anaknya, Len. Bagi dirinya, penantiannya kini sudah pun berakhir.

Dalam cerpen ini terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi memperlihatkan konsep perjuangan, iaitu;

1. “Jadi, sudah tidak ada harapan?” suara Rahayu antara kedengaran dan tidak. (p. 67)
2. Rahayu terdiam. Lama. Kemudian, “Anwar, berapa lama saya boleh bertahan?” (p. 67)

3. Ayu, sebelum penyakit itu menguasai dirimu sepenuhnya, rebutlah masamu yang ada. Wujudkanlah cita-cita dan harapan yang selama ini masih kupendam di lubuk hatimu. (p. 68)
4. Satu suara ghaib seolah-olah datang pada Rahayu. Suara itu memberi ia satu macam kekuatan. Ia akan harungi sisa-sisa hidupnya ini dengan tabah. Kejayaan itu akan menjadi kepunyaannya juga nanti. Meski dalam keadaan begini. (p. 68)
5. Namun atas dasar cintanya pada Johan ia cuba mempertahankan perkahwinan itu. (p. 68)
6. Atas pertolongan Anwar telah wujud apa yang dicita-citakannya selama ini. (p. 69)
7. “Belum cukup bagi saya. Anwar, dua tahun ini adalah suatu penantian buat saya. Relakkanlah hatimu membantu saya agar dalam penantian ini impian saya akan menjadi kenyataan. (p. 69)
8. Cukuplah manuskrip itu sebagai ganti dirinya. Untuk kesekian kalinya jejarinya meraba-raba lagi kumpulan kertas-kertas itu. Kejayaan itu kepunyaannya jua akhirnya. Meski dalam keadaan begini. (p. 70)
9. Seorang yang bercita-cita besar. (p. 70)
10. Di saat tragik begini Ayu masih kukuh semangat. (p. 70)

Oleh itu, kata-kata kunci itu dapat dirajahkan seperti dalam rajah di bawah ini:



Rajah 5.2: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen “Penantian”.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat* (2005), kata ‘bertahan’ bermaksud tidak mahu mengalah, berteguh hati, berkeras hati (p. 1567). Dalam konteks ini bertahan ini merujuk kepada hayat umur yang dimiliki oleh seseorang itu untuk hidup. Kata ‘harungi’ bermaksud menghadapi kesusahan (kesukaran dan

sebagainya) (p. 518). Kata 'tabah' bermaksud tidak gentar dan tetap hati, serta terus mencuba dengan penuh semangat dan azam, berani, cecal dan sebagainya demi mencapai kejayaan, kecemerlangan dan sebagainya (p. 1561). Kata 'kejayaan' bermaksud perihal berjaya, kemenangan, hasil (p. 616). Kata 'kekuatan' bermaksud kekuasaan, keteguhan, kekukuhan (p. 836). Kata 'mempertahankan' bermaksud mengikhtiarkan supaya tidak berubah, mengusahakan supaya tetap atau tidak mahu melepaskan, memegang teguh-teguh atau menjaga supaya tidak terancam (dikuasai oleh orang lain), melindungi, membela (p. 1568). Kata 'impian' bermaksud sesuatu yang diimpikan (p. 571). Kata 'kukuh' semangat bermaksud perihal keteguhan semangat pendirian seseorang itu (p. 843). Kata 'cita-cita' bermaksud harapan, hasrat, keinginan (yang kuat) atau maksud, tujuan yang hendak dilaksanakan (p. 282). Kata 'harapan' bermaksud sesuatu atau seseorang yang diharap atau perihal mengharapkan (pp. 513-514).

Dalam hal ini, NAG memperlihatkan konsep perjuangan itu adalah dalam bentuk cita-cita untuk mengabadikan diri dalam kekeluargaan dan masyarakat dengan cara mencapai cita-cita dalam hidup seseorang sebagai wanita. Dalam erti kata lain, konsep perjuangan bagi seorang wanita dalam cerpen ini perlu memiliki semangat yang kental dalam mengapai kejayaan walaupun terpaksa mengharunginya dengan perit, derita dan penuh kesakitan demi cita-cita.

Dalam cerpen ini, NAG memperlihatkan konsep perjuangan itu dalam bentuk perjuangan cita-cita. Perjuangan ini dilakarkan melalui watak Rahayu yang berjuang untuk mengapai cita-citanya, iaitu menghasilkan sebuah novel karyanya sendiri, walaupun penyakit yang dialaminya itu mendera dirinya secara fizikal dan mental. Namun Rahayu tetap berusaha untuk mengapai cita-citanya agar dirinya akan terabadi dala jiwa anaknya Len, yang baru berusia dua tahun. Selain itu, Rahayu juga mahu mendedikasikan novelnya itu buat ibunya

dan buat penduduk Brunei yang menantikan saat kemerdekaan walaupun dia dapat merasakan dia tidak akan sempat meraikan hari penuh bersejarah itu. Justeru itu, bagi NAG perjuangan wanita itu merupakan satu yang penting dalam mengapai cita-cita tidak kira dalam keadaan sekali pun wanita itu, sama ada sihat atau pun sakit, perjuangan wanita itu tetap perlu dilangsungkan demi kepentingan diri seorang wanita itu. Hal ini juga NAG memperlihatkan kepentingan cita-cita seorang wanita itu boleh menyumbangkan kepada keluarga.

Ayu, sebelum penyakit itu menguasai dirimu sepenuhnya, rebutlah masamu yang ada. Wujudkanlah cita-cita dan harapan yang selama ini masih kaupendam di lubuk hatimu. Semoga pergimu tidak sia-sia. Usia Len yang Cuma dua tahun itu, mungkin belum dapat mengabadikan kau di memorinya. Kau mesti tinggalkan sesuatu.

(Awan Putih Berarak Damai, 1988, p. 68)

Cerpen “Pertemuan” ini mengisahkan watak Aniza yang berjuang demi mengapai cita-citanya yang didorong oleh semangat yang kental dan jiwa yang kuat dalam mengharungi segala cabaran. Malah semangat yang dimiliki Aniza ini juga mendapat sokongan Abdul Rahim yang mahu melihatnya berjaya mengapai cita-cita untuk menjadi seorang doktor.

Dalam cerpen ini terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi memperlihatkan konsep perjuangan, iaitu;

1. Abdul Rahim terus memberi dia semangat untuk maju dalam pelajaran, kalau boleh lulus sebagai seorang doktor. (p. 4)
2. Sesungguhnya cinta mereka yang mulanya bercambah atas nama sahabat pena, kemudian dibelai di atas kertas rona biru, membuahkan cita-cita yang murni dan unggul. (p. 4)
3. “Niza tidak selemah itu! Kan abang telah sering mengingatkan Niza supaya menjadi orang yang kuat dan cekal, tidak mudah goyah oleh gelombang sebesar mana dan setinggi manapun....” (p. 5)
4. “Salahkah?” Aniza semakin berani. (p. 5)

Oleh itu, kata-kata kunci itu dapat dirajahkan seperti dalam rajah di bawah ini:



Rajah 5.3: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen “Pertemuan”.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat* (2005), kata kunci ‘maju dalam pelajaran’ bermaksud bertambah baik dalam pelajaran (p. 979). Kata kunci ‘cita-cita’ bermaksud harapan, hasrat, keinginan (yang kuat) atau maksud, tujuan yang hendak dilaksanakan (p. 282). Kata kunci ‘kuat’ bermaksud tidak lemah, banyak tenaga, berdaya, tegap atau tidak mudah mengalah (p. 836). Kata kunci ‘cekal’ bermaksud tabah, teguh hati, tahan menderita (p. 255). Kata kunci ‘tidak mudah goyah’ bermaksud memiliki pendirian yang tetap dan teguh (kepercayaan, pendirian dan sebagainya) (p. 483). Kata kunci ‘berani’ bermaksud gagah, perkasa atau perihai tidak takut, tabah menghadapi kesulitan dan lain-lain (p. 167).

Berdasarkan kata-kata kunci yang dinyatakan di atas seperti kata kunci ‘cita-cita’, ‘maju dalam pelajaran’, ‘kuat’, ‘cekal’, ‘berani’ dan ‘tidak mudah goyah’ merupakan beberapa kata kunci digunakan NAG melihat konsep perjuangan dalam bentuk mengapai cita-cita. Dalam hal ini, NAG memperlihatkan konseptualnya yang berkaitan

dengan perjuangan seorang wanita dalam mengapai cita-cita. Dalam mengapai hasrat dan impian itu, seorang wanita itu perlulah berani, cekal dan bercita-cita tinggi serta tidak mudah goyah dalam mengejar cita-cita yang diimpikan terutamanya dalam arus dunia global yang penuh dengan pancaroba. Dalam erti kata lain, konsep perjuangan dalam cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG itu dikaitkan dengan kehidupan seorang wanita telah berusaha dan akhirnya berjaya menjadi seorang doktor muda di negerinya. Kejayaan ini adalah merupakan satu pencapaian hasrat dan impian atau cita-cita bagi seseorang wanita yang berusaha dengan sokongan dan dorongan orang yang dikasihinya dan demi membuktikan kemampuan dirinya sendiri.

Dalam cerpen ini, NAG memperlihatkan konsep perjuangan wanita itu melalui watak Aniza yang berjuang demi mencapai kejayaan walaupun di ketika itu dia sedang dilamun cinta terhadap Abdul Rahim yang berputik semasa dia belajar lagi. Namun, perasaan cinta ini tidak pernah mengganggu konsentrasi dirinya. Malah perasaan inilah yang mendorongnya dan memotivasikan dirinya agar terus maju dalam pelajaran sehingga mengapai cita-cita yang diharapkannya. Bagi NAG, perjuangan seperti ini merupakan satu yang penting dalam mengapai cita-cita tidak kira dalam keadaan sekali pun wanita itu. NAG melihat bahawa perjuangan itu perlu disertakan dengan sokongan dan dorongan luar agar dapat membantu wanita itu terus maju dan sekali gus membuktikan bahawa wanita itu mampu berdaya saing walaupun dalam kehidupan orang tua berpendatan terhad.

Bagi NAG, selagi adanya daya untuk memperjuangkan cita-cita yang baik dan mulia itu, kerana cita-cita itulah yang akan menentukan pola kehidupan di hari muka. Malah dalam cerpen ini, NAG memperlihatkan bahawa dengan perjuangan mengejar cita-cita itu, maka kehidupan seseorang itu tidak akan berada di dalam kelompok yang miskin malah akan membantunya untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Hal ini jelas

diperlihatkan oleh NAG melalui perbandingan watak Aniza dan isteri Abdul Rahim yang tidak mempunyai pelajaran yang tinggi sehingga menyebabkan dirinya jatuh ke lembah kemiskinan.

“Aniza?” Suara Abdul Rahim teragak-agak. Abdul Rahim menghumban ingatannya kepada sekeping potret gadis berusia tujuh belas tahun, rapi beruniform sekolah dengan rambut panjang ke bahu, memeluk sebuah buku tebal. Potret itu masih senang tergantung di kamar tidurnya sehingga ke hari ini walaupun ada hati yang terusik oleh kehadirannya. Inikah dia gadis yang selama ini menghuni relung hatinya? ‘Aduhai kau terlalu cantik! Ternyata potretmu dulu tidak menjustifikasi penampilanmu yang sebenar!’

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 2)

Kakak jauh lebih tua dari Abdul Rahim. Kakak tidak berpelajaran. ...”

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 7)

“... Aniza lihatlah. Anak kami sudah lima. Hidup ala kadar.”

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 7)


Kesimpulannya, berpandukan cerpen ini, konsep perjuangan bagi NAG adalah dalam bentuk perjuangan demi cita-cita. Oleh itu, bagi NAG perjuangan seharusnya memperlihatkan sikap-sikap murni seorang wanita itu sendiri dalam menentukan cita-cita dan perlunya ada usaha dalam mengejar cita-cita ini kerana cita-cita inilah yang akan membantu kaum wanita itu untuk berdaya saing dan menaikkan taraf kedudukannya di sesi masyarakat amnya. Malah bagi NAG, konsep perjuangan wanita itu adalah perlu memiliki sikap dan keperibadian yang adil dan saksama, walaupun ada kalanya keputusan muktamad itu memerlukan pengorbanan bagi diri seorang wanita itu untuk mengundurkan diri atau mengalah. Selain itu, NAG juga merasakan bahawa wanita itu perlu memperjuangkan hak wanita terutamanya bagi mereka yang sudah berumah tangga kerana kebahagiaan itu adalah dalam kehidupan berumah tangga.

Cerpen “Hadiah Sebuah Perkahwinan” ini mengisahkan tentang watak Zeti yang dipaksa berkahwin sedangkan dalam hatinya dia belum lagi mahu memberikan komitmen dalam hal ehwal rumah tangga. Malah, Zeti masih mahu mengapai cita-citanya. Justeru disebabkan keperibadian Zeti yang taat kepada ibu bapanya, Zeti akhirnya berkahwin dengan Dato Seri Tengku Ahmad namun akhirnya terpisah disebabkan oleh tidak ada keserasian. Akhirnya Zeti membawa haluannya kembali mengejar cita-citanya.

Dalam cerpen ini terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi memperlihatkan konsep perjuangan, iaitu;

1. Tambahan pula selama ini dia belajar bertungkus lumus untuk mendapatkan ijazah sarjana muda undang-undang yang telah menjadi cita-citanya sejak dia mengerti apa itu cita-cita dan undang-undang, dia tidak punya masa untuk mencari teman lelaki. (p. 7)
2. Dia tidak mahu nanti kerana sibuk untuk menjaga hati seseorang, dia gagal mencapai impiannya untuk mendapatkan kelulusan kelas pertama dalam bidang kurus ijazahnya itu. (p. 7)
3. Namun sebagai seorang intelek yang tidak suka membazir waktu, Zeti hanya melayari internet untuk meraih yang baik-baik, mengunjar ilmu yang dapat mempertingkatkan lagi kewibawaannya sebagai khalifah di bumi Allah ini. (p. 7)
4. Justeru melalui layar internet dia mampu memperbaiki bacaan Al-Quran; mampu mempelajari bahasa arab sehingga fasih, lalu memudahkan pemahamannya tentang isi-isi Al-Quran; mampu mendekati diri kepada ilmu-ilmu hadis dan fatwa-fatwa Islam sejahat; mampu mengenali ulama-ulama Islam yang tersohor dan berbagai-bagai lagi ilmu yang melengkapkan dirinya sebagai seorang insan yang ingin meraih kebahagiaan dan kecemerlangan di dunia ini apalagi di akhirat. (p. 7)

Oleh itu, kata-kata kunci itu dapat dirajahkan seperti dalam rajah di bawah ini:



Rajah 5.4: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen “Hadiah Sebuah Perkahwinan”.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat* (2005), Kata kunci 'cita-cita' bermaksud harapan, hasrat, keinginan (yang kuat) (p. 282). Kata kunci 'mengapai impian' bermaksud melakukan sesuatu untuk mendapatkan sesuatu yang diimpikan atau dicita-citakan. Kata kunci 'mempertingkatkan kewibawaan' bermaksud menaikkan taraf mutu keupayaan seseorang (p. 1806). Kata kunci 'meraih kebahagiaan' bermaksud perbuatan yang dilakukan atau usaha untuk mendapatkan perasaan bahagia, kesenangan hidup, kemujuran, keberuntungan (p. 1269).

Berdasarkan kata-kata kunci yang dinyatakan di atas dan kekerapannya seperti kata kunci 'cita-cita', 'mengapai impian', 'mempertingkatkan kewibawaan' dan 'meraih kebahagiaan' merupakan beberapa kata kunci digunakan NAG melihat konsep perjuangan wanita itu dalam bentuk perjuangan mengapai cita-cita. Dalam hal ini, NAG memperlihatkan konseptualnya yang berkaitan dengan perjuangan seorang wanita dalam mengapai cita-cita demi masa depan yang sentiasa akan penuh pancaroba dan sentiasa mahukan pembaharuan serta sentiasa bergerak ke hadapan. Dalam erti kata lain, konsep perjuangan dalam cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG itu dikaitkan dengan kehidupan seorang wanita yang perlu berusaha dan memiliki semangat yang kental dalam mengapai kejayaan iaitu dalam konteks ini, kejayaan itu adalah merupakan pencapaian hasrat dan impian atau cita-citanya.

Dalam cerpen ini, NAG memperlihatkan konsep perjuangan itu dalam bentuk perjuangan mengapai cita-cita melalui watak Zeti yang berjuang walaupun terpaksa mengharungi hidupnya tanpa diisi dengan sebarang gangguan daripada pasangan lelaki untuk mendampingi kehidupannya. Namun walaupun Zeti tidak merasa sunyi tanpa kekasih dalam hidupnya malah, watak Zeti telah berjaya meraih kejayaan dan mengapai cita-citanya hasil daripada kehidupannya yang solo. Malah Zeti lebih selesa untuk menikmati kehidupan

di dunia ini sendiri dan bebas daripada cengkaman tanggungjawab sebagai seorang isteri. Malah watak Zeti diperlihatkan sebagai wanita yang taat namun masih dapat berjuang demi cita-citanya dan hasratnya agar dapat mengembara dan mengamati keindahan ciptaan Ilahi. Hal ini bagi NAG, perjuangan wanita itu merupakan satu yang penting dalam mengapai cita-cita tidak kira dalam keadaan sekali pun wanita itu, sama ada tersekat pada tanggung jawab dalam urusan rumah tangga atau pun bebas daripada sebarang tanggungan, perjuangan wanita itu tetap perlu dilangsungkan demi kepentingan diri seorang wanita itu. Hal ini juga NAG memperlihatkan kepentingan cita-cita seorang wanita itu boleh menyumbangkan kepada keluarga dan individu itu sendiri.

Oleh itu, berpandukan cerpen ini, konsep perjuangan bagi NAG adalah dalam bentuk perjuangan cita-cita. Bagi NAG, perjuangan seorang wanita itu tidak seharusnya melihatan gambaran negatif terhadap kaumnya sendiri dengan memperlihatkan keperibadian wanita yang stereotaip terhadap wanita yang menyatakan bahawa wanita itu lahirnya berjiwa lemah, tidak bercita-cita tinggi dan tidak mempunyai kuasa untuk menuntut hak kebahagiaan dalam kehidupannya sebagai seorang isteri dan seorang ibu. Malah bagi NAG, konsep perjuangan wanita itu adalah perlu dalam menghakis dan mengetepikan persepsi negatif terhadap kaum wanita itu sendiri.

5.3 Perjuangan Dalam membela nasib atau hak


Cerpen “Reben Merah Jambu” ini mengisahkan tentang watak Athirah yang berjuang dalam kehidupannya. Pejuang ini dilakarkan sebagai perjuangan dalam mempertahankan kebahagiaan dirinya tanpa ada kehadiran seorang lelaki. Athirah pernah dikecewakan oleh

tunangnya sebelum ini, dan ini mengakibatkan Athirah berjuang untuk haknya menikmati dan merasakan kebahagiaan dan kepuasan untuk dirinya sendiri.

Dalam cerpen ini terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi memperlihatkan konsep perjuangan, iaitu;

1. Dia sudah melangkah jauh kini. Dia sekarang adalah seorang wanita profesional yang berjaya. Setiap kali dia berada di hadapan khalayak memberi pendapatnya antara puluhan masa asing menerkam wajahnya, dia berasa puas. Dia bukan dikenali di negaranya sebagai seorang profesor sains yang disegani dan pintar, malah rakan-rakan di negara luar juga mengagumi penampilannya. Siapa sangka wanita kecil molek itu boleh bercakap dengan cerdas dan begitu fasih dalam beberapa bahasa asing seperti bahasa Arab, Perancis, Jepun dan Inggeris. (p. 12)
2. Dalam masa kurang sepuluh tahun berkat usaha gigih yang tidak mengenal penat lelah, dia berjaya naik ke taraf Profesor Madya di universiti yang pertama di negaranya. (p. 12)
3. Orang taasub dengan kepintarannya berpidato, kagum dengan pencapaian akademiknya di peringkat negara dan antarabangsa, dan kagum di sebalik kepintaran itu dia adalah seorang wanita yang mempunyai paras wajah yang cantik, kulit mulus, mata besar dan cengkung ke dalam, alis hitam dan lentik, hidung mancung dan kemas, bibir seperti ulas buah limau madu yang sentiasa tersenyum menampilkan baris-baris gigi yang panjang tirus dan putih berkilau. (p. 12)

Oleh itu, kata-kata kunci itu dapat dirajahkan seperti dalam rajah di bawah ini:



Rajah 5.5: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen “Reben Merah Jambu”.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat* (2005), kata kunci ‘usaha gigih’ bermaksud daya upaya (ikhtiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain) untuk mencapai (melaksanakan, menyempurnakan sesuatu dengan gigih) (p. 1781). Kata

kunci 'melangkah jauh' dalam konteks cerpen ini bermaksud sudah bergerak ke hadapan. Kata kunci 'profesional' bermaksud wanita yang pakar dalam sesuatu bidang profesion (kerana pengetahuan, kepakaran dan kemahirannya) (p. 1233). Kata kunci 'berjaya' bermaksud beroleh kemenangan, mencapai kemajuan, berhasil (p. 616). Kata kunci 'disegani' bermaksud dihormati, menghormati serta ditakuti (p. 1409). Kata kunci 'pintar' atau 'kepintaran' bermaksud kepandaian, kecerdikan, kemahiran (p. 1212).

Berdasarkan kata-kata kunci yang dinyatakan di atas dan kekerapannya seperti usaha gigih, berjaya, melangkah jauh, profesional, disegani, pintar merupakan beberapa kata kunci digunakan NAG melihat konsep perjuangan itu dalam bentuk mempertahankan hak. Berpandukan cerpen ini juga, NAG merasakan bahawa perjuangan mempertahankan hak itu perlu dalam diri setiap wanita untuk merasakan kepuasan agar mereka cekal dan kuat dalam mengharungi kehidupan mereka sehari-hari walaupun pernah tewas dan terluka akibat perbuatan khianat kawan baik ataupun kekasih yang dirampas orang. Bagi NAG wanita itu sebenarnya kuat secara fizikalnya dan cekal dalam mengharungi dugaan dan cabaran yang ditempuhi walaupun mereka memiliki sentimental kejiwaan yang mudah rapuh. Malah NAG juga melihat wanita itu juga berkemampuan dalam menahan kesakitan yang dialami mereka secara emosi yang mendera mereka. Gambaran konseptual NAG terhadap perjuangan ini terbukti melalui watak Profesor Madya Dr. Athirah yang berjuang dalam kehidupannya walaupun tunangnya Amran telah dirampas oleh kawan baiknya Rosmaria.

Dalam cerpen ini, NAG memperlihatkan bahawa wanita itu tidak lemah, malah wanita itu mampu bangkit daripada kekecewaan yang mereka alami dengan memperlihatkan kekuatan fizikal, mental dan keutuhan emosi dalam berjuang mempertahankan hak kebahagiaan dalam sebuah percintaan yang lazimnya dikaitkan

sesama golongan wanita dan lelaki itu. Malah hal ini terbukti melalui perjuangan watak Profesor Madya Dr. Athirah yang berjuang mengharungi kekecewaannya terhadap kawan baiknya, Rosmaria yang telah merampas tunangnya Amran dan kehampaannya kepada Amran yang mudah keliru dengan perasaannya dengan meneruskan kehidupannya tanpa memandang ke belakang mahupun mengimbas kembali memori duka itu yang hanya akan mendera perasaan kewanitaannya iaitu dengan cara dia menjauhkan diri daripada mereka dan berjuang untuk mencari kebahagiaan yang lain iaitu dengan cara memperoleh ijazah Ph. D.

Sebenarnya dia tidak mahu ada ruang kosong dalam hidupnya untuk menoleh ke belakang dan mengenang kisah luka yang mendera perasaan keperempuannya.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 12)

Malah daripada kekecewaan itu, Profesor Madya Dr. Athirah telah mendorong dirinya untuk terus berjuang mencapai kebahagiaannya sendiri asalkan dirinya berasa puas dengan pencapaiannya itu. Oleh itu, Profesor Madya Dr. Athirah ini merupakan gambaran konseptual NAG terhadap konsep perjuangan dalam mempertahankan hak yang dikehendakinya. Ini juga memperlihatkan wanita itu ada cara untuk mengapai kebahagiaan sendiri selain daripada bergantung kepada kebahagiaan kepada lelaki sepenuhnya.

Dulu ketika dia meninggalkan negaranya ini selama sembilan tahun sehingga dia pulang dengan beroleh ijazah Ph. D., memang ada sebab kenapa dia mahu menjauhkan dirinya dari tanah air yang dicintainya ini. Dan sebenarnya tidak ingin mengungkit bab kehidupannya itu yang dikiranya kini sebuah memori lama yang melukakan.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, pp. 11-12)

Bagi NAG, perjuangan seorang wanita itu tidak seharusnya melihatkan gambaran negatif terhadap kaumnya sendiri. Malah bagi NAG, konsep perjuangan demi mempertahankan hak itu adalah perlu dalam menghakis dan mengetepikan persepsi negatif terhadap kaum wanita kerana wanita itu membuktikan bahawa wanita juga mempunyai

jiwa wanita yang cekal, bercita-cita tinggi dan memperlihatkan imej insan yang syumul ke arah kebaikan masyarakat amnya.


Cerpen “Kerudung Ungu” ini mengisahkan tentang watak Adawiyah yang berjuang dengan kehidupannya yang baru saja menerima kebebasan daripada suaminya, Hisyam. Semasa hidup bersama Hisyam, Adawiyah hidup penuh kesengsaraan dan penderaan secara fizikal dan mental daripada Hisyam. Adawiyah sering mempertahankan maruah Hisyam di depan anak-anaknya apabila tubuhnya tercalar dan membengkak serta membiru, dia akan mengatakan kepada anak-anaknya bahawa luka itu disebabkan kecuaiannya sendiri. Dari situ, Adawiyah belajar kehidupan berdikari dan belajar meneruskan pengajiannya untuk mendapatkan ijazah Ph.D. Daripada pendapat Lisa, Adawiyah merupakan watak seperti ikon perempuan ungu yang berjuang untuk kebebasan dirinya daripada keduniaan yang terikat kepada norma kehidupan yang terhimpit. Dari situ, Adawiyah merasakan kehidupannya itu seperti watak wanita yang bertopi ungu itu, dan dia juga akan mencuba untuk membela nasib wanita yang senasib seperti dirinya.

Dalam cerpen ini terdapat beberapa kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi memperlihatkan konsep perjuangan, iaitu;

1. Aku perlu masa untuk memulihkan semangat dan harga diriku. (p. 83)
2. Aku kira tidak ramai wanita yang berani mengambil jalan yang telah ku pilih. (p. 83)
3. Justeru aku wajar berani menggalas setiap kesedihan dan kesepian malah apa-apa pun konsekuensi dari tindakanku itu. (p. 83)
4. Anak-anak dengan pasangan mereka mungkin tidak mengerti tindakanku meminta kebebasan ini. (p. 86)
5. Alangkah besar nikmat sebuah kebebasan itu. (p.86)
6. Namun setiap kali aku masih mampu bangkit walau dengan harga diri yang terlebur. Terkadang aku rasakan aku seperti Phoenix, burung mitos yang mampu bangkit dengan perkasa dari debu abunya. (p. 86)
7. “Mama mahu berdikari selagi mama mampu. Kamu pun ada keluarga masing-masing,” tingkahku. (p.87)

8. Alangkah indahnya kalau kini dia boleh menjadi seperti nenek yang bertopi ungu simbolik klimaks kebebasan seorang wanita. (p. 87)
9. Apakah di saat aku kehilangan hampir separuh dari usia dewasaku dan mendapatkan semula kebebasan diriku, aku boleh samakan diriku dengan si nenek yang berusia delapan tahun yang memakai topi ungu itu? (p. 88)
10. Dia ingin bebas dari terikat kepada apa pun norma kehidupan yang menyempitkan. Asalkan dia tidak menyakitkan sesiapa, tidak mengganggu-gugat hak orang lain, dia berhak memilih kesendirian ini sambil berdansa dengan jalur-jalur pelangi senja di persada jagat raya selagi dia bertenaga. (p. 88)
11. Usai saja majlis perkahwinan Ruhil anak bongsu kami, atas desakan orang baru dalam hidupnya jua, Hisyam memberikan aku kebebasan yang aku pinta. (p. 89)
12. Malah kini aku bersyukur kerana akhirnya menerima kebebasan untuk mewarnai sisa-sisa usiaku dengan calitan rona pelangiku sendiri. (p. 89)
13. Insya-Allah empat tahun lagi aku akan bergelar Dr. Adawiyah yang bakal membela nasib wanita yang terdera lewat rencana ilmiah dan cereka fiksyennya. (p. 89)
14. Dalam mindaku aku seperti perempuan bertopi ungu itu bebas ceria berdansa dengan jalur-jalur pelangi kehidupan baruku. Hanya si pemakai kerudung ungu atau *purple hat* itu sajalah yang akan mampu mengerti keceriaan dan kebebasan yang sedang kurasa kini. (p. 89)
15. Insya-Allah, empat tahun lagi aku akan bergelar Dr. Adawiyah yang bakal membela nasib wanita yang terdera lewat rencana ilmiah dan cereka fiksyennya. (p. 89)

Oleh itu, kata-kata kunci itu dapat dirajahkan seperti dalam rajah di bawah ini:



Rajah 5.6: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen “Kerudung Ungu”.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat* (2005), kata kunci 'harga diri' bermaksud kehormatan diri, atau maruah (p. 514). Kata kunci 'berani' bermaksud gagah (bukan penakut), gagah atau tabah menghadapi dugaan dan cabaran (p. 167). Kata kunci 'bebas' atau 'kebebasan' bermaksud perihal (keadaan) bebas atau kemerdekaan (p. 143). Kata kunci 'berdikari' bermaksud boleh hidup sendiri (p. 169). Kata kunci 'berhak' bermaksud mempunyai hak, mempunyai kuasa (atas sesuatu) (p. 500). Kata kunci 'membela' bermaksud melindungi, menyelamatkan, mempertahankan (p. 149). Dalam konteks ini, membela ini merujuk kepada membela nasib wanita yang memerlukan perlindungan, yang memerlukan tempat perlindungan dan juga mempertahankan hak wanita itu. Kata kunci 'bangkit' bermaksud sedar atau bergerak untuk mencapai kemajuan (p. 122).

Berdasarkan kata-kata kunci yang dinyatakan di atas dan kekerapannya seperti kata kunci 'kebebasan' atau 'bebas', 'harga diri', 'berani', 'berhak', 'berdikari', 'bangkit' dan 'membela nasib wanita' dan 'bergelar Dr.' merupakan beberapa kata kunci digunakan NAG melihat konsep perjuangan itu dalam membela nasib kaum wanita dan perjuangan demi cita-cita. Dalam cerpen ini, NAG memperlihatkan bentuk perjuangan itu dalam bentuk membela nasib wanita yang didera tidak kira secara fizikal, psikologi mahupun daripada segi emosi. Bagi NAG, penderaan domestik terutamanya terhadap golongan wanita itu adalah satu jenayah dan seharusnya nasib-nasib insan yang malang ini perlu ada keberanian dan berusaha dalam mencari kebebasan dan memperjuangkan hak kebebasan wanita itu. Perihal ini adalah sejajar dengan pengakuan watak Adawiyah yang merasakan kebebasan itu ada nikmatnya yang tersendiri dan wanita itu mampu berdikari sendiri tanpa dikerumuni dengan kemewahan yang hanya memenjarakan diri sendiri.

Anak-anak dengan pasangan mereka mungkin tidak mengerti tindakanku meminta kebebasan ini. Mereka tidak tahu bagaimana selama ini aku ibarat seekor burung yang terpenjara dalam sebuah sangkar emas. Walau dikelilingi kemewahan material yang melimpah-ruah, namun itu adalah sebuah dunia yang sempit dan menyesakkan bagiku.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 86)

Sehubungan dengan itu, konflik yang terjadi pada watak utama dalam cerpen ini berhubung rapat dengan konsep memperjuangkan hak wanita yang didiskriminasikan oleh kaum lelaki yang bergelar suami. Dalam cerpen ini juga, NAG cuba memperlihatkan cara-cara untuk, berjuang dan cara-cara wanita itu menangani masalah dalam konflik hidup berkeluarga, dan konflik dalam cerpen ini ialah penderaan suami terhadap isteri. Dalam hal ini, NAG melihat bahawa wanita itu ada hak untuk menikmati kebahagiaan dalam kehidupannya sebagai isteri dan sebagai insan wanita yang memerlukan perlindungan daripada insan yang digelar suami bukannya penderaan atau penyeksaan batin, mental dan kerohanian. Seandainya wanita itu tidak lagi diperlukan dalam hidup seseorang itu, janganlah diri mereka itu disakiti dan didera seperti tiada maruah diri. Tetapi, seharusnya dilepaskan dengan baik agar mereka dapat meneruskan perjuangan untuk hidup demi kesejahteraan kerohanian mereka dan maruah mereka.

Dalam konteks ini, watak Adawiyah ini bertahan dengan penderaan Hisyam, dan tetap bangkit daripada penderaan fizikal itu. Perihal ini memperlihatkan konseptual NAG terhadap masalah keluarga yang melibatkan kejiwaan wanita daripada segi rohani dan jasmaninya. NAG merasakan bahawa wanita itu kuat dan cekal serta tabah dalam mengharungi konflik dan permasalahan yang dihadapi demi kesejahteraan anak-anaknya. Bagi Adawiyah, sikap hipokrit yang dipamerkan suaminya, Hisyam itu telah membuatkan dirinya menuntut hak kebebasan untuk dirinya sendiri agar dia tidak lagi merasakan kesakitan fizikal, emosi dan mantel. Akhirnya Adawiyah mendapatkan inisiatif untuk

menghukum Hisyam dengan membiarkan kehendak batinnya tidak dipenuhi dan akhirnya Adawiyah dipisahkan oleh Hisyam setelah menemui pengganti yang baru yang lebih cantik dan muda dari dirinya.

Mereka tidak tahu bagaimana selama ini aku ibarat seekor burung yang terpenjara dalam sebuah sangkar emas. Walau dikelilingi kemewahan material yang melimpah-ruah, namun itu adalah sebuah dunia yang sempit dan menyesakkan bagiku.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 86)

Sesungguhnya melindungi hak-hak mereka itu lebih utama dari menjaga kepentinganku sendiri. Bukankah itu fungsi mutlak seorang ibu?

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 86)

Ketika kekecewaan yang bertindih-tindih mengatasi kesabaranku yang kian menipis, Hisyam yang terbiar kehendak batinnya, menghukum aku dengan mencari pengganti yang lebih mekar dan segar-bugar. Usai saja majlis perkahwinan Ruhil anak bongsu kami, atas desakan orang baru dalam hidupnya jua, Hisyam memberikan aku kebebasan yang aku pinta.

(Tsunami Di Hatinya, 2009, p. 88)

Oleh itu, hal ini dirasakan oleh NAG sebagai satu perjuangan untuk wanita miliki yang sewajarnya bagi mereka untuk terus berjuang walaupun kekecewaan itu akan menjatuhkan diri wanita itu, tetapi NAG bertanggungjawab bahawa wanita itu mampu bangkit daripada penderaan dan bangkit berjuang dengan menukar kekecewaan dalam hidup itu menjadi kepada sesuatu yang positif seperti yang diketengahkan dalam cerpen ini. Justeru itu, wanita itu sewajarnya kena terus berjuang untuk membela nasib dirinya seandainya merasakan diri didera secara emosi, fizikal dan mental. Sesungguhnya bagi NAG, wanita itu perlulah berani untuk menghukum mereka yang mendera agar dapat memperlihatkan wanita itu mampu untuk berdikari dan hidup tanpa kemewahan demi mencapai


keharmonian dalam jiwa dan minda dan sekali gus berjuang demi hasrat dan cita-cita yang dipendam selama ini.

Cerpen “Insan Seperti Tipah” ini mengisahkan tentang watak Aku yang memegang jawatan sebagai seorang doktor yang baru ditugaskan di klinik Ginekologi. Pada hari itu, ‘Aku’ telah merawat seorang pesakit bernama Tipah yang dikatakannya menghidap sejenis penyakit yang jarang-jarang ditemui iaitu *Nymphomaniac*. Penyakit *Nymphomaniac* yang dialami Tipah telah membuatnya mengandung sebanyak tiga kali akibat dirogol oleh kaum lelaki yang tidak berperikemanusiaan. Pada keesokan harinya, sambil membaca surat khabar, ‘Aku’ terbaca tentang perihal seorang gadis cacat otak didapati mati di sebuah jalan berhampiran kampung Tipah. Peristiwa tragis ini membuat semangat dan hasrat watak Aku semakin berkobar dalam membantu insan-insan yang senasib Tipah.

Berdasarkan cerpen ini, terdapat beberapa kata kunci yang dipergunakan oleh NAG bagi memperlihatkan konsep perjuangan, iaitu;

1. Apakah perempuan ini tidak perasan bahawa yang sedang dibicarakannya itu adalah seorang manusia yang punya harga diri?
2. Ruangan untuk suami ditulis tidak berkahwin. Mangsa rogol?
3. Setakat ini aku tabik kepada perempuan tua ini kerana bersedia melakukan yang terbaik untuk cucunya.
4. Kisah tragis Sanah itu membuat aku ingin lebih proaktif menangani masalah Tipah.
5. Aku cuba memikirkan tindakan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah Tipah.
6. Dalam perjalanan pulang aku bertekad akan menemui nenek dan ibu Tipah untuk mencari penyelesaian yang terbaik buat Tipah. Aku hanya orang luar. Ibu dan neneknya yang lebih berhak untuk memastikan kesejahteraan Tipah. Aku yakin mereka akan mengalu-alukan bantuan untuk Tipah.
7. Dengan resolusi itu aku melangkah menuju keretaku dengan langkah ceria.
8. Aku semakin nekad untuk berbuat yang terbaik buat Tipah.

Oleh itu, kata-kata kunci itu dapat dirajahkan seperti dalam rajah di bawah ini:



Rajah 5.7: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam cerpen *Insan Seperti Tipah*.

Berdasarkan kata kunci di atas dan berpandukan *Kamus Dewan Edisi Empat* (2005), kata bertekad bermaksud berazam, berniat atau bermaksud atau kemahuan yang bersungguh-sungguh (untuk mencapai sesuatu). Kata nekad bermaksud keras atau kuat kemahuan, tabah serta cekal hati. Kata proaktif bermaksud bukan sikap positif (individu, institusi dan lain-lain) merangka atau melakukan sesuatu tindakan (setelah difikirkan masak-masak) jauh lebih awal daripada berlakunya sesuatu perkara yang sememangnya memerlukan tindakan yang berkenaan (tindakan tidak dilakukan hanya setelah sesuatu hal itu berlaku). Dalam konteks ini proaktif merujuk kepada tindakan yang cuba membendung kaum wanita yang mengalami masalah dan sakit mantel dari menjadi mangsa rogol kaum lelaki yang tidak berperikemanusiaan. Kata resolusi bermaksud keputusan rasmi yang

dicapai dalam sesuatu mesyuarat, persidangan dan sebagainya atau bermaksud ketetapan atau bermaksud azam, tekad. Dalam konteks ini resolusi itu merujuk kepada ketetapan untuk membantu. Kata harga diri bermaksud maruah atau kehormatan diri. Kata bantuan bermaksud sesuatu yang diberikan atau dilakukan untuk membantu, pertolongan, sokongan. Kata penyelesaian yang terbaik bermaksud perbuatan menyelesaikan (membereskan dan lain-lain) sesuatu. Dalam konteks ini, penyelesaian yang terbaik ini merujuk kepada perbuatan atau usaha yang berhasrat untuk mendatangkan kebaikan di akhirnya. Kata menyelesaikan masalah bermaksud mengusahakan supaya berakhirnya sesuatu masalah. Kata tindakan yang terbaik bermaksud langkah-langkah yang terbaik diambil untuk mencegah atau menyelesaikan masalah. Kata kesejahteraan bermaksud keselamatan, kesenangan (hidup dan lain-lain), kesentosaan, ketenteraman. Kata mangsa bermaksud sasaran perbuatan jahat yang memperkosa atau melakukan hubungan seks tanpa kerelaan.

Berdasarkan kata-kata kunci yang dinyatakan di atas dan kekerapannya seperti kata kunci tekad, bantuan, penyelesaian yang terbaik, nekad, hak untuk kesejahteraan, proaktif menangani masalah merupakan beberapa kata kunci digunakan NAG melihat konsep perjuangan dalam mempertahankan hak kesejahteraan. Dalam hal ini, kesejahteraan itu adalah merupakan suatu keadilan bagi diri mereka untuk sama-sama menikmati keamanan dan ketenteraman dalam hidup dalam sebuah masyarakat amnya. Dalam hal ini, NAG memperlihatkan konseptualnya yang berkaitan dengan perjuangan seorang wanita dalam memperjuangkan hak keadilan untuk dirinya dan kaum wanita sejangat agar nasib mereka akan mendapatkan bantuan yang selayaknya daripada segi undang-undang dan bantuan moral serta fizikal. Dalam erti kata lain, konsep perjuangan wanita dalam cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG itu dikaitkan dengan kehidupan seorang wanita yang perlu berusaha dan memiliki semangat yang kental dalam mengusahakan dan bertekad

untuk membantu dan membela nasib wanita yang menjadi mangsa kebuasan nafsu lelaki yang tidak berperikemanusiaan. Oleh itu, NAG cuba memperlihatkan perjuangan wanita itu dalam bentuk perjuangan hak wanita untuk golongan wanita sejabat dalam cerpen ini.

Dalam cerpen ini, NAG memperlihatkan konsep perjuangan wanita itu dalam bentuk melalui watak Aku yang berjuang membela nasib wanita yang kena rogol agar mereka dapat bantuan yang diperlukan agar kisah tragis ini akan dapat diatasi dan ditangani sewajarnya. Dalam cerpen ini juga, NAG telah melakarkan gambaran watak Aku memperjuangkan hak watak Tipah dan insan-insan seperti Tipah agar mereka ini akan mendapat bantuan yang sewajarnya seperti bantuan pihak kerajaan dan persatuan persendirian dalam menangani masalah yang dihadapi agar mereka akan berani menghadapi dugaan dan perasaan trauma yang dialami mereka itu dengan baik.

Bagi NAG, nasib malang yang menimpa kaum wanita itu perlu di titik beratkan kerana hal ini berkaitan dengan harga diri kaum wanita itu sendiri. Perjuangan wanita seperti ini adalah penting demi kelangsungan hidup mangsa rogol dan diri seorang wanita itu serta untuk kesejahteraan masyarakat amnya. Hal ini juga NAG memperlihatkan kepentingan bantuan masyarakat, individu mahupun pihak berwajib dalam menangani masalah seperti ini agar dapat dibendung dan dicantas agar tidak lagi berlaku.

Dalam perjalanan pulang aku bertekad akan menemui nenek dan ibu Tipah untuk mencari penyelesaian yang terbaik buat Tipah. Aku hanya orang luar. Ibu Tipah dan neneknya lebih berhak untuk memastikan kesejahteraan Tipah. Aku yakin mereka tidak akan membantah. Mereka juga pastinya akan mengalu-alukan bantuan untuk Tipah.

(Tsunami Di Hatinya, 2009: 142)

Oleh itu, berpandukan cerpen ini, konsep perjuangan wanita bagi NAG adalah dalam bentuk perjuangan wanita mempertahankan haknya sebagai seorang wanita. Hal ini dirasakan oleh NAG sebagai keperluan dan kepentingan dalam perjuangan seorang wanita.

Bagi NAG, hak wanita itu tidak seharusnya dipandang rendah apatah lagi dipandang remeh-temeh sekadar pengisi ruang di dalam halaman surat khabar, malah bagi NAG juga wanita yang dirampas haknya itu perlukan bantuan dalam bentuk sokongan moral dan fizikal untuk mengharungi kehidupan mereka sehari-hari. Malah bagi NAG, wanita itu perlu memperjuangkan hak wanita tidak kira dalam mahupun luar sosial masyarakatnya.

5.4 Rumusan Konseptual Keseluruhan Cerpen NAG Dalam Konsep Perjuangan

Ternyata sebanyak enam buah cerpen yang dianalisis itu, berhubung dengan perjuangan. Setelah diteliti dan disemak, jelas bahawa kebanyakan cerpen-cerpen NAG itu mengetengahkan konseptual perjuangan demi cita-cita dan perjuangan dalam mempertahankan dan nasib. Hal ini terbukti melalui penggunaan kata kunci yang ditemui seperti kata kunci 'cita-cita', 'impian', 'berani', 'pintar', 'berjaya', 'kejayaan', 'harga diri', 'berhak' atau 'hak', 'membela nasib' dan sebagainya.

Bentuk perjuangan demi cita-cita ini dikemukakan oleh NAG dalam cerpen-cerpennya "Penantian", "Pertemuan", dan cerpen "Hadiah Sebuah Perkahwinan". Manakala dalam cerpen "Kerudung Ungu", "Reben Merah Jambu", dan juga "Insan Seperti Tipah", NAG ada mengetengahkan konseptualnya yang berkonsepkan perjuangan membela nasib atau hak .

Setelah menganalisis kelima-lima cerpen, sebanyak 25 pemilihan kata yang berupa kata kunci digunakan oleh NAG untuk melihatkan konseptual terhadap perjuangan. Dalam jadual 5.1 ada melihatkan kekerapan kata kunci yang digunakan dalam lima cerpen yang ini.

Jadual 5.1: Jadual kekerapan penggunaan kata kunci dalam kelima-lima cerpen yang dipilih.


Kata Kunci	Penantian 1984	Pertemuan 2009	Insan seperti Tipah 2009	Reben Merah Jambu 2009	Kerudung Ungu 2009	Hadiah Sebuah Perkahwinan 2009
Bebas atau kebebasan					9 kali	
Cita-cita	3 kali	1 kali			1 kali	2 kali
Berani		1 kali			2 kali	
Pintar / Kepintaran				3 kali		
Harga diri			1 kali		2 kali	
Berhak			1 kali		2 kali	
Kekuatan	1 kali	1 kali				
Kejayaan	2 kali					
Berjaya				2 kali		
Impian	1 kali					1 kali
Mempertahankan	1 kali					
Maju dalam pelajaran		1 kali				
Cekal		1 kali				
Tidak mudah goyah		1 kali				
Usaha gigih				1 kali		
Bertahan	1 kali					
Profesional				1 kali		
Berdikari					1 kali	
Disegani				1 kali		
Harapan	1 kali					
Harungi	1 kali					
Tabah	1 kali					
Membela nasib wanita			1 kali		1 kali	
Mempertingkatkan kewibawaan						1 kali
Meraih kebahagiaan						1 kali
Bantuan			1 kali			
Nekad atau bertekad			2 kali			

Hasil daripada penemuan kata kunci ini, daripada jadual di atas, NAG lebih kerap menggunakan kata kunci 'kebebasan' atau 'bebas' sebanyak 9 kali untuk memperlihatkan

perjuangan demi membela nasib dan hak. Selain itu, kata kunci 'cita-cita' sebanyak 7 kali untuk melihat konsep perjuangan demi cita-cita.

Berdasarkan perbandingan dan rumusan daripada keenam-enam cerpen ini, terdapat 10 kata kunci yang kerap digunakan oleh NAG bagi memperlihatkan konseptual perjuangan wanita dalam karya-karya yang dipilih.

Oleh itu kata kunci itu lebih jelas dalam bentuk seperti rajah di bawah ini;



Rajah 5.8: Lingkungan medan kata kunci bagi kata konsep perjuangan dalam kelima-lima cerpen yang dipilih karya NAG

Berdasarkan kata kunci yang ditemui dalam analisis beberapa cerpen itu, sepanjang 1984 sehingga 2012 tidak memperlihatkan pertukaran konseptual NAG terhadap perjuangan khususnya dalam mengapai cita-cita. NAG tetap melihat perjuangan itu dalam bentuk perjuangan demi cita-cita. Dalam mengetengahkan konsep perjuangan dalam mengapai cita-cita ini, NAG telah melakarkan tiga buah cerpen iaitu cerpen “Penantian”

yang diterbitkan pada tahun 1984, cerpen “Pertemuan” yang diterbitkan pada tahun 2009, dan cerpen “Hadiah Sebuah Perkahwinan” yang diterbitkan pada tahun 2012. Kesemua cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG terhadap perjuangan demi mengapai cita-cita. Hasil daripada kajian yang dijalankan juga menemui bahawa konseptual NAG sepanjang tahun itu tidak ada memperlihatkan perubahan konseptualnya terhadap perjuangan dalam mengapai cita-cita. NAG masih lagi melihat wanita yang berjuang ini sebenarnya memiliki jiwa yang kental, berani, tabah, bercita-cita tinggi sehingga mampu menyandang jawatan yang bergaji tinggi dan menjawat kedudukan yang setaraf dengan golongan lelaki yang berkerjaya. Hal ini juga berdasarkan penemuan beberapa kata kunci yang dipergunakan oleh NAG di antaranya, ‘cita-cita’, ‘berani’, ‘maju’, ‘profesional’ dan sebagainya dalam melakarkan karya-karya tersebut.

Selain itu, berdasarkan kata kunci yang ditemui dalam analisis beberapa cerpen itu, sepanjang tahun 2009 tidak memperlihatkan pertukaran konseptual NAG terhadap perjuangan khususnya dalam mempertahankan hak atau nasib wanita. Dalam mengetengahkan konsep perjuangan dalam mempertahankan hak atau nasib wanita ini, NAG telah melakarkan tiga buah cerpen iaitu cerpen ‘Reben Merah Jambu’ yang diterbitkan pada tahun 2009, cerpen “Kerudung Ungu” yang diterbitkan pada tahun 2009, dan cerpen “Insan Seperti Tipah” yang diterbitkan pada tahun 2009. Kesemua cerpen ini memperlihatkan konseptual NAG terhadap perjuangan dalam mempertahankan hak dan nasib wanita. Hasil daripada kajian yang dijalankan juga menemui bahawa konseptual NAG sepanjang tahun itu tidak ada memperlihatkan perubahan konseptualnya terhadap perjuangan dalam mempertahankan hak dan nasib wanita. NAG masih lagi melihat wanita yang berjuang ini sebenarnya memiliki jiwa yang kental, berani, tabah, bercita-cita tinggi sehingga mampu menyandang mempertahankan hak dan membela nasib wanita sekeliling

mereka dan sekali gus membangkitkan maruah wanita agar terus mempertahankan hak mereka dan nasib mereka.

Dalam mengetengahkan konsep kepegaruan dalam teori Konseptual - Kata Kunci, penghasilan karya-karya NAG ini dipengaruhi oleh pengalaman NAG yang membesar melihat ibunya yang tabah mengharungi kehidupannya dengan membesarkan anak-anaknya yang ramai termasuklah dirinya sendiri. Selain itu, NAG telah menjadikan ibunya sebagai inspirasi untuk dirinya terus berusaha dan tekun bekerja demi kebahagiaan diri dan keluarganya (Norsiah Abdul Gapar, 2015, Nov 14). Dalam perspektif NAG, wanita itu sebenarnya tidak lemah dan memiliki cita-cita tinggi serta semangat perjuangan yang kental. Sesungguhnya, golongan wanita ini berani, tabah, cekal, dan berwawasan serta banyak memiliki keperibadian mulia namun tidak diketengahkan oleh kaum wanita secara fizikalnya.

Selain itu, NAG juga mahu melihat biologinya sebagai seorang wanita, maka NAG sendiri mahu melihat golongan wanita itu mampu bergerak maju dan meraih hak kesamarataan bersama kaum lelaki. NAG juga melihat unsur kepegaruan itu sebagai satu nalurinya sebagai seorang wanita yang sedikit sebanyak mempengaruhi karya-karyanya. Oleh sebab itulah kebanyakan watak-watak yang dipertontonkannya berkaitan dengan biologinya sebagai seorang wanita yang dapat merasakan keakraban dalam keperihalannya wanita yang didiskriminasikan oleh pihak-pihak yang hanya mahu mengeksploitasikan golongan wanita untuk kepentingan diri mereka sendiri. NAG memperlihatkan kehidupan wanita yang di diskriminasi itu mempunyai hak untuk diperjuangkan kepentingan dan kelangsungan hidup mereka. Dalam hal ini, NAG telah memperlihatkan bahawa wanita yang diperalatkan sedemikian rupa seperti watak-watak yang terdapat dalam cerpen-cerpennya seperti watak Rahayu, watak Aniza, watak Adawiyah, watak Prof. Madya Dr.

Athirah dan ramai lagi. Watak-watak ini berperanan untuk memperlihatkan pola fikiran NAG terhadap hal-hal sedemikian (Norsiah Abdul Gapar, 2015, Nov 14). Watak-watak ini digambarkan oleh NAG sebagai wanita yang tidak mudah menggalah, mempunyai pendidikan yang tinggi dan mempunyai keperibadian yang sangat mulia dalam keluarga mahupun dalam masyarakat. Sejurus itu, NAG melihat wanita itu sebenarnya kuat dan cekal dalam menghadapi segala kekecewaan, keperitan hidup dan penderaan batin dan fizikal sejajar dengan keperibadian wanita zaman moden sekarang. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan keperibadian dan perwatakan yang dimiliki oleh NAG yang memiliki keperibadian yang tidak mudah menggalah, berjiwa besar, bercita-cita tinggi dan yang paling penting sentiasa mahu membantu dan berjuang demi membela nasib serta menunjuk ajar kepada kaum wanita yang lain agar ikut sama-sama berjuang seperti dirinya yang berjaya dalam kehidupannya pada hari ini. Hal ini adalah sejajar dengan pengertian Hans Khon yang mentafsirkan perjuangan itu sebagai satu ideologi kesedaran bangsa untuk memperjuangkan hak mereka selaku satu bangsa yang bermaruah (R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail, 1985, pp. 2-3). Cuma dalam kes ini, bangsa itu merujuk kepada golongan wanita yang memperjuangkan hak mereka selaku golongan yang bermaruah di mata dunia.

Tambahan lagi, penghasilan karya-karya NAG ini banyak dipengaruhi dengan pengamatan NAG terhadap kehidupan manusia di sekelilingnya serta isu-isu sosial yang berbangkit dalam zaman pengkaryaanannya (Norsiah Abdul Gapar, 2015, Nov 14).. Sebagai seorang penulis wanita yang memiliki ketajaman hati nurani dan mata yang sentiasa mendokumentasikan kehidupan sehari-hari manusia, pengamatan NAG terhadap perjuangan wanita itu perlu diketengahkan dalam mata masyarakat khususnya golongan

wanita yang tidak tahu mencari alternatif mahupun yang tengah mencari-cari cara untuk membela nasib diri mereka agar mengapai dan meraih cita-cita dan impian mereka.

Di samping itu juga, NAG semasanya membesar dalam keluarga yang berpendapatan kecil, namun semangat dan keinginan untuk mengapai cita-citanya juga sedikit sebanyak mempengaruhi penghasilan cerpen ini (Norsiah Abdul Gapar, 2015, Nov 14). Hal ini ditambah lagi dengan sokongan dan dorongan yang diperlihatkan oleh para guru dan rakan-rakan NAG yang berusaha untuk mengapai kejayaan. Oleh itu, cerpen ini telah dipengaruhi oleh latar belakang, falsafah peribadinya dan pengaruh pergaulan NAG yang berusaha untuk mengapai cita-cita.

Selain itu, sebagai seorang penulis yang berpendirian dan mempunyai pencapaian akademik yang agak memberangsangkan khususnya bagi dirinya pada ketika usianya sudah lanjut, NAG merasakan para wanita itu patut memperjuangkan cita-cita mereka dan jangan memendamkan cita-cita ini. Perempuan atau wanita itu kena bangkit dan sendiri berdikari dan berusaha mencapai kejayaan agar masyarakat akan menyanjung tinggi dan tidak memandang rendah pada martabat wanita kerana wanita juga mampu menjawat jawatan besar seperti yang diperlihatkan dalam cerpen “Pertemuan”, “Kerudung Ungu”, “Reben Merah Jambu” dan “Hadiah Sebuah Perkahwinan”. Hal ini adalah sejajar dengan tafsiran yang diketengahkan oleh Elie Kedourie tentang erti perjuangan. Bagi Elie Kedourie, perjuangan itu menitikberatkan hala tuju nasib pejuang, bangsa dan negara dalam mengapai kemerdekaan dan ketenteraman serta memupuk jati diri bangsa (sahsiah negara) yang bangkit daripada desakan sosial, tekanan ekonomi, politik dan pengaruh-pengaruh luar yang mengancam keberadaan identiti ini (Kamaruzzaman Abd. Kadir, 1982, p. 1)

Berdasarkan prinsip kedua teori Konseptual-Kata Kunci iaitu, pemilihan kata, didapati bahawa hasil daripada gabungan kelima-lima cerpen itu, NAG lebih kerap menggunakan kata kunci seperti cita-cita, kejayaan, bantuan, impian, doktor, kekuatan, ijazah Ph. D., berhak atau hak, bebas atau kebebasan dan harga diri bagi memperlihatkan konsep perjuangan bagi golongan wanita. Hal ini adalah kerana lazimnya NAG hanya akan menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konseptualnya terhadap sesuatu isu yang berbangkit semasa penghasilan cerpen tersebut. Oleh itu, pemilihan kata kunci yang disebutkan di atas merupakan kata kunci yang berhubung dengan konseptual NAG terhadap konsep perjuangan yang bagi dirinya merupakan berbentuk perjuangan demi cita-cita dan membela hak wanita sebagai sebuah perjuangan wanita. Justeru itu, NAG lebih kerap menggunakan kata-kata kunci tersebut kerana kata-kata kunci itu lebih rapat bagi dirinya mengungkapkan konseptual dirinya dan diksi kata yang merangkumi minda dan persekitaran diri NAG.

Berdasarkan prinsip ketiga teori Konseptual-Kata Kunci, iaitu prinsip kesan, NAG juga ada menyelitkan cara atau saranan untuk wanita itu cekal dan berani untuk mengapai cita-cita dan tabah menghadap apa saja dugaan dan halangan yang menimpa diri dalam perjuangan mengapai cita-cita dan hasrat hati serta impian. Hasil daripada cerpen-cerpen yang dianalisis ini telah meninggalkan kesan yang positif dan signifikan kepada pembaca agar mengapai cita-cita yang diimpikan demi kehendak diri sendiri, jiwa wanita itu, keluarga dan masyarakat. Selain itu, NAG juga mendorong agar kaum wanita lainnya memberi dorongan dan menjadi inspirasi kepada wanita yang lain agar memperjuangkan hasrat dan cita-cita para wanita yang lainnya supaya berusaha dan tidak mengorbankan atau menyetepikan kehendak diri sendiri kerana terlalu mementingkan perasaan dan kesejahteraan orang lain di sekelilingnya dengan alasan mereka ini adalah orang yang

penting dalam hidupnya. NAG merasakan bahawa wanita itu mampu mengejar cita-cita mereka untuk mengelak diri daripada dipandang rendah dan serong oleh masyarakat yang pada dasarnya melihat wanita itu dengan gambaran negatif.

Justeru itu, NAG telah memberikan beberapa teguran dan cadangan secara tidak langsung memperlihatkan konseptualnya terhadap sesuatu isu yang dibangkitkannya dalam cerpen-cerpen yang dihasilkannya itu. Sebagai contoh, dalam cerpen “Kerudung Ungu”, NAG memperlihatkan pembelaan hak wanita yang kena dera seharusnya berani berdepan dengan komplikasi yang bakal dihadapi apabila mereka memilih jalan untuk berpisah daripada suami yang dayus atau menghukum suami dengan tidak memenuhi keinginan batinnya dan mendesak untuk membebaskan diri untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan rohani dan jasmaninya tersendiri.

Oleh itu, bagi NAG wanita itu perlu ada sikap dan peribadi yang mulia dalam memperjuangkan kepentingan cita-cita itu sehingga mereka berjaya mendapatkan kedudukan yang mulia dan tinggi di sesi masyarakat dan dalam dunia pekerjaan. Selain itu, NAG juga berhasrat agar hak wanita itu diberi keutamaan kerana mereka juga mempunyai hak yang sama seperti lelaki yang berhasrat untuk menikmati kesejahteraan dalam kehidupan, kebahagiaan dalam institusi keluarga, menerima bantuan yang sepatutnya dalam menangani masalah domestik dan penderaan seksual dan membuli secara mentaliti dan sebagainya.

5.5 Kesimpulan

Hasil daripada penilaian dan analisis, konseptual NAG dapat dikesan berdasarkan penelitian teori Konseptual-Kata Kunci iaitu dengan mengaplikasikan tiga prinsip teori ini. Berdasarkan penemuan dan kekerapan penggunaan kata kunci yang digunakan oleh NAG dalam lima cerpennya yang dikaji, ternyata bahawa prinsip kepengaruhan mempengaruhi konseptual seseorang penulis terhadap sesuatu isu yang dipengaruhi oleh latar belakang penulis seperti keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi, politik, pertubuhan yang diperjuangkan dan sebagainya (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 83). Walaupun pada dasarnya, NAG bukanlah seorang pejuang seperti seorang perwira, namun hasrat yang mahu mengapai cita-cita sebagai seorang doktor telah menjadikan dirinya sebagai pejuang dalam kehidupannya. Malah, dorongan daripada persekitaran daripada keluarga dan para guru yang mahu melihatnya berjaya dalam kehidupannya, mendorong NAG untuk berjuang dalam kehidupannya. Bagi NAG, hal tersebut akan dapat agar dapat merubah kehidupan mereka daripada sesuatu yang sukar dan susah kepada sesuatu yang lebih baik. Hal ini terbukti daripada kehidupannya yang mewah sekarang ini. Hasil daripada perjuangannya mengejar cita-citanya untuk menjadi seorang doktor, telah berjaya mengubah kehidupannya kepada kehidupan yang lebih baik.

Tambahan lagi, kehidupan yang sukar dan pekerjaan ayah NAG yang hanya menghasilkan gaji yang rendah untuk menampung keluarga yang ramai. Hal ini telah mengakibatkan kehidupan NAG membesar dalam kehidupan yang secara fizikalnya susah. Walau bagaimana pun, dengan pendapatan gaji ayahnya yang rendah ini juga telah membuat ibunya untuk berusaha menjaga dan membesarkan anak-anaknya. Semangat dan dorongan daripada ibunya ini juga telah membangkitkan semangat perjuangan dalam diri NAG untuk berjuang membaiki keadaan hidupnya. Hal ini terbukti yang apabila NAG

berjaya memasuki Maktab Anthony Abell, Seria dan kemudiannya meneruskan pengajian ke luar negara dan hasil daripada perjuangannya ini telah membuahkan hasil yang memberangsangkan dirinya. Dengan kejayaan ini, NAG telah menjadi seorang doktor yang bertugas di Bahagian Kimia Klinikal.

Tambahan lagi, semangat dan perjuangan ideologi NAG yang melihat cita-cita itu sebagai suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan ini juga diresapkan ke dalam keluarganya yang terdiri daripada empat orang anak. Malah, mutakhir ini, kesemua anaknya telah pun berjaya mengapai cita-cita mereka atas dorongan dan sokongan daripada suaminya dan diri NAG itu sendiri. Malah, dalam karya-karyanya sendiri juga memperlihatkan pendirian NAG yang sedemikian rupa juga kerana mahukan melihat kesaksamaan taraf kedudukan wanita untuk berada setaraf dengan lelaki. Oleh itu, konsep perjuangan NAG juga ada banyak menyentuh tentang wanita berjuang demi mengejar cita-cita dan membela nasib wanita.

Selain itu, prinsip kedua teori Konseptual-Kata Kunci ialah pemilihan kata. Dalam prinsip ini, seorang penulis akan menyatakan konseptualnya terhadap sesuatu isu itu dengan menggunakan kata atau perkataan yang melakarkan mindanya (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 85). Hasil daripada analisis yang dilakukan, NAG tidak banyak menggunakan bahasa saintifik yang sejurus dalam bidang kerjayanya tetapi lebih akrab dan selesa menggunakan bahasa harian yang mudah untuk difahami pembaca dan pengamat sastera Negara Brunei Darussalam dan di luar negara. Selain itu, terdapat beberapa pengulangan kata kunci yang digunakan oleh NAG bagi memberi penekanan terhadap konseptual tentang perjuangan itu. Pemilihan kata atau kata kunci yang digunakan oleh NAG dalam cerpennya seperti kata kunci 'cita-cita', kata kunci 'kekuatan', kata kunci 'impian', kata kunci 'berani', kata kunci 'harga diri', kata kunci 'berhak', 'kebebasan', dan sebagainya

jelas memperlihatkan konseptual NAG tentang perjuangan itu. Berdasarkan kata kunci tersebut, jelas NAG lebih mengetengahkan konsep perjuangan yang berbentuk cita-cita dan membela nasib wanita. Malah, NAG lebih kerap mengetengahkan konsep perjuangan yang berbentuk cita-cita kerana hal ini lebih akrab dengan diri NAG itu sendiri.

Prinsip ketiga dalam teori Konseptual-Kata Kunci ialah kesan. Dalam hal ini, penulis akan menerapkan mesej secara sedar mahupun tidak terhadap sesuatu konsep terhadap sesuatu isu, hal, perkara, dan sebagainya yang dikemukakan dalam karyanya. Hal ini dapat dirasai oleh khalayak pembaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan penulis itu. (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 89). Berdasarkan kata kunci yang ditemui, konseptual NAG berjaya ditemui dan kata kunci ini telah memberi kesan kepada pembaca agar mengejar cita-cita mereka dengan berani dan cecal. Dalam masa yang sama juga, NAG juga mahu pembaca agar membantu golongan yang wanita yang didiskriminasikan oleh lelaki agar bangkit dan membantu golongan wanita yang kurang bernasib baik ini. Hal ini memperlihatkan bahawa NAG benar-benar mahu hak sama rata antara lelaki dan wanita itu.

Hal ini juga adalah berupa suatu penekanan yang ingin disampaikan oleh NAG agar mesej dan harapan NAG yang mahu golongan yang kurang bernasib baik ini akan dibantu. Hal ini juga sejajar dengan biologi NAG sebagai seorang wanita yang lebih akrab dan mengerti hasrat dan keperibadian seorang wanita yang sentiasa mahu menolong sesama wanita agar semua masyarakat amnya akan sama-sama menangani membantu dan menangani masalah diskriminasi terhadap wanita ini tidak berleluasa di Brunei Darussalam dan di luar negara.

BAB 6

HASIL DAPATAN

6.0 Pengenalan

Bab ini akan menyimpulkan dapatan yang ditemui dalam menganalisis cerpen-cerpen NAG terutamanya dengan kedua-dua konsep yang dipilih. Bab ini sangat relevan dalam kajian ini kerana bab ini akan merumus kajian ini khususnya dalam melihat unsur kepengaruhannya dalam hidup NAG khususnya dalam menghasilkan cerpen-cerpennya sepanjang penglibatannya seawal tahun 1972 sehingga tahun 2012.

6.1 Hasil dapatan

Objektif kajian ini pada amnya ialah untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan konseptual NAG terhadap konsep kemiskinan dan perjuangan dalam cerpen-cerpen terpilih NAG dengan menerapkan teori Konseptual - Kata Kunci. Secara ringkasnya, Teori Konseptual - Kata Kunci ini diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar bin Abu Hassan semasa sedang menyiapkan tesis Ijazah Doktor Falsafah di Australia National University, Canberra pada tahun 1999 (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005, p. 77). Matlamat teori ini adalah untuk mengenal pasti konseptual penulis terhadap sesuatu isu dalam sesebuah karya

sastera. Dalam teori ini ada tiga prinsip iaitu prinsip kepengaruhan, kedua, prinsip pemilihan kata dan akhir sekali prinsip kesan. Dalam prinsip kepengaruhan ini juga telah membuktikan bahawa konseptual penulis itu tidak pernah lepas daripada mempengaruhi konsep yang melakarkan penulisnya. Dalam hal ini, konsep kemiskinan dalam diri NAG telah dipengaruhi oleh kehidupan NAG. Kepengaruhan ini bermula pada peringkat pembesarannya dalam keluarga yang ramai dan kehidupan ayahnya yang bergaji kecil. Tambahan lagi, pendapatan ibunya yang tidak konsisten telah membuatkan NAG melihat bahawa faktor kemiskinan itu pada asasnya bersifat fizikal. Hal ini adalah kerana NAG masih mampu membahagiakan dirinya, dan keluarganya walaupun mereka hidup dalam keadaan yang susah dan terpaksa bekerja di awal usia dengan mengambil upah.

Malah bagi NAG sendiri, pengalaman ini jugalah yang mendorong dirinya untuk berjuang daripada terus terjerumus ke lembah kemiskinan. Malah sikap dan keperibadiannya yang berjuang demi dirinya dan cita-citanya serta hasrat yang mahu melihat keluarganya terlepas daripada kemiskinan ini jugalah yang membuatkan dirinya nahu berjuang untuk bebas daripada kemiskinan. Hal ini terbukti melalui latar belakang NAG. Justeru itu, NAG melihat pengalamannya yang berjaya dalam hidup perlu diketengahkan untuk merubah persepsi masyarakat yang menganggap perkara ini sebagai remeh. Oleh itu, NAG secara sedar mahupun tidak sedar mengetengahkan konseptual sedemikian ke dalam karya-karyanya.

Dalam hal yang berlainan, dalam Bab 4, kajian ini telah menemukan bahawa konseptual NAG terhadap kemiskinan itu bermula seawal tahun 2005 sehingga 2012 memperlihatkan konsep kemiskinan. Daripada penemuan itu, sesungguhnya NAG melihat konsep kemiskinan itu kepada 3 konsep iaitu, kemiskinan sebagai penderitaan fizikal. Kedua, kemiskinan sebagai kesengsaraan emosi dan ketiga, kemiskinan akibat kemunduran

ekonomi. Hal ini adalah sejajar dengan pernyataan tafsiran yang dikemukakan dalam Bab 2 halaman 33 sehingga 36. Dapatan ini juga selari dengan tafsiran yang dinyatakan. Seajar dengan pendapat itu, NAG melihat konsep kemiskinan itu melibatkan keadaan individu atau golongan manusia yang kekurangan bentuk material untuk digunakan dalam keperluan individu atau sekumpulan manusia itu untuk kehidupannya sehari-hari. Faktor yang menyumbang kepada pembentukan konseptual NAG terhadap bentuk kemiskinan fizikal ini adalah berdasarkan pengalaman dan latar belakang NAG itu sendiri.

Oleh itu, dalam melihat prinsip kesan, NAG melihat kunci penghapusan kemiskinan itu adalah daripada hasrat dan dorongan individu itu untuk merubah kehidupannya daripada kemiskinan kepada kehidupan yang mewah dengan berusaha dan belajar bersungguh-sungguh agar dapat menghindarkan diri daripada terjebak dalam kancah kemiskinan dan gejala sosial. Hal ini juga dirasakan NAG sebagai salah satu faktor yang membolehkan seseorang itu bebas daripada cengkaman kemiskinan iaitu menjawat jawatan yang bergaji besar agar dapat menyara kos sara hidup yang semakin sehari semakin meningkat. Hal ini secara tidak langsung akan membantu dan menangani masalah kemiskinan. Hal ini adalah sejajar dengan pendapat Za'ba yang menyatakan;

Bahawasanya keselamatan orang Melayu ini pada pihak jalan kehidupannya (pencariannya) dan pada pihak perangai-perangai yang kekurangan itu hanyalah boleh didapati pada satu jalan sahaja, iaitu pengetahuan – dengan jalan diberikan mereka itu pelajaran-pelajaran daripada jenis yang betul. Maka di situlah dan disitula sahaja boleh didapati keselamatan ini, tiada pada lainnya.

(H. Osman-Rani, 1995, p. 10)

Hasil daripada analisis dalam Bab 5, NAG memperlihatkan konsep perjuangan itu dalam bentuk perjuangan demi cita-cita dan membela nasib dan hak wanita. Justeru itu, dalam perspektif NAG, kebanyakan wanita itu tidak lemah dan mempunyai cita-cita serta

semangat perjuangan yang tinggi dalam menghadapi kehidupan mereka sehari-hari tidak kira apa pun konflik dan permasalahan yang dihadapi, mereka akan tempuhi dengan berani, tabah, cekal, dan berwawasan serta banyak lagi keperibadian wanita yang mulia dan baik yang tidak diketengahkan oleh kaum wanita secara fizikalnya. Selain itu, NAG melihat perjuangan itu sebagai satu perjuangan yang membela nasib wanita. Oleh itu, bagi NAG masyarakat amnya perlu membantu golongan wanita yang didiskriminasikan oleh lelaki agar mereka dapat bangkit dan membantu golongan wanita yang kurang bernasib baik ini. Walau bagaimana pun, NAG lebih menekankan konsep perjuangan dalam bentuk cita-cita. Hal ini terbukti daripada penemuan kata kunci yang ditemui.

Hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa dua konsep yang mendominasi konseptual NAG iaitu konsep kemiskinan dan konsep perjuangan itu saling berhubung dan berkait di antara satu dengan yang lain. Dalam hal ini, sebab kemiskinan berpunca daripada pengabaian peranan ilmu pengetahuan, pekerjaan yang bergaji rendah, bekerja sebagai buruh atau pekerja kilang sehingga menyebabkan kekurangan material yang akhirnya menyebabkan seseorang itu menjadi miskin. Justeru itu, NAG menyarankan agar wanita khususnya untuk berusaha dengan mengejar cita-cita. Tambahan lagi, untuk keluar daripada kepompong kemiskinan itu, wanita itu perlu berusaha mendapatkan pendidikan yang baik dan menjamin masa depan yang kukuh agar dapat membantu keluarga daripada kancuh kemiskinan.

Selain itu, NAG juga melihat dalam usaha merealisasikan matlamat wanita yang bercita-cita tinggi dan berkeperibadian yang ideal, wanita itu tidak perlu dan tidak seharusnya memperlihatkan keperibadian yang negatif, yang lemah, yang tidak berpendidikan. Malah bagi NAG, selaku wanita itu hendaklah memperlihatkan keperibadian yang mulia, biologi wanita yang utuh daripada segi jiwa dan rohani serta

jasmani. Dalam kekeluargaan pula, wanita itu perlu tabah dan berusaha juga mencapai cita-cita dan tidak perlu terlalu taksab untuk mengabdikan diri kepada komitmen hidup berkeluarga malah perlu meluangkan sedikit untuk mengejar cita-cita seperti yang dialaminya dalam kehidupannya sebagai seorang isteri, seorang ibu dan sebagai seorang wanita.

Universiti Malaya

RUJUKAN:

- Abdullah Hussain dan Muslim Burmat. (1984). *Bunga rampai sastera melayu brunei*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-mumayyaz: al-quran tajwid warna transliterasi per kata, terjemah per kata*. (2014). Jawa Barat: Cipta Bagus Segara.
- Alfian et al. (eds), (1980). *Kemiskinan struktural*. Jakarta: Yayasan Ilmu-Ilmu Sosial.
- Aminah Momin (peny). (1988). *Awan putih berarak damai* (antologi cerpen wanita brunei). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminah Momin. (1995, Ogos). Penulis wanita: masih di pinggiran. *Bahana*, Bil 177, Jilid: 30, pp. 30-31. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamhuri Siwar dan Mohd. Hafiah Piei (peny). 1998. Isu, konsep dan dimensi kemiskinan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. pp. 30-31.
- Faridah Abd. Hamid. (1995, Januari). Penulis wanita: ke mana haluan mereka?. *Bahana*, Bil 177, Jilid 30, 43-47. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Faridah Abd. Hamid. (1996, Julai). Perkembangan penulisan cerpen di brunei selepas kemerdekaan. *Bahana*, Bil 188, Jilid: 31, 11-28. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- H . Osman-Rani. 1995. Daerah-daerah kemiskinan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hidup ibarat sungai*. (1972). Bandar Seri Begawan, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hajijah Jais dan Muhamad Ikhran Fadhly Hussin. (2005). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2006). *Pengantar falsafah bahasa edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Dullah. (1993). *Watak dan perwatakan dalam novel pengabdian*. (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan). Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan.
- Hassan Hamzah (peny). (1997). *Kamus ensiklopedia*. Shah Alam: Anzagain Sdn. Bhd.
- Ilona Roth & Vicki Bruce. (1995) *Perception and representation : current issues*. Buckingham: Open University Press.

- IS MI, (2012, Febuari). Norsiah abd. gapar. *Bahana*, Bil. 35, Jilid: 47, 1- 3. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John Plamenatz. (1970). *Ideology*. New York : Praeger.
- Kamaruzzaman Abd. Kadir. (1982). *Nasionalisme dalam puisi melayu moden 1933-1957*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus dewan edisi empat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mas Osman. (1987). *Biografi penulis brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mariah Hamid / Hussin. (2002). *Citra keperibadian wanita dalam pengabdian*. (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan). Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan.
- Mariam Metussin. (2002). *Hati nurani seorang wanita dalam novel pengabdian*. (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan). Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2002). Teori sastera tempatan: satu analisis. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 12, 24-39. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2005). *Teori konseptual kata kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muslim Burmat. (1985, Mac). Sebuah percakapan dengan norsiah abdul gapar. *Bahana*, Bil. 52, Jilid: 20, 18-21. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Nabil Subhi Ath-Thawil. Dr., (1990). *Kemiskinan dan keterbelakangan di negara-negara muslim*. Jakarta: Yayasan Tunas Bangsa.
- Nor Aini Idris dan Chamhuri Siwar. 2003. Kemiskinan bandar dan sektor tidak formal di Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. p. 17.
- (Norsiah Abd. Gapar, temu bual, 2015, November 14).
- Norsiah Abdul Gapar. (2013). *Gerun*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- Norsiah Abdul Gapar. (1996). *Pengabdian* (cetakan keenam). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norsiah Abdul Gapar. (2007). *Janji pada inah*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsiah Abd. Gapar. (2012, September). Alangkah!. *Bahana*, Bil. 358, Jilid 47, 27-33. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsiah Abd. Gapar. (2012, Februari). Gelandangan. *Bahana*, Bil. 351, Jilid 47, 4-9. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsiah Abd. Gapar. (2011, Julai). Hadiah sebuah perkahwinan. *Bahana*, Bil 344, Jilid: 46, 5-13. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsiah Abd. Gapar. (2010, Ogos). Aku masih ingat. *Bahana*, Bil. 333, Jilid 45, 59-65. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsiah Abd. Gapar. (2010, Jun). Akhirnya mei lian mahu ke syurga. *Bahana*, Bil. 331, Jilid 45, 23-28. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsiah Abdul Gapar. (2009). *Kumpulan cerpen tsunami di hatinya*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsiah Abdul Gapar. (2009). *Norsiah abdul gapar penerima s. e. a. write award 2009*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oscar Lewis. (1966). *La vida*. New York: Random House.
- Parsudi Suparlan. Dr., (1984). *Kemiskinan di perkotaan: bacaan untuk antropologi perkotaan*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Pemikiran sasterawan negara keris mas*. (2012). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pemikiran sasterawan negara s. othman kelantan*. (2012). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pemikiran sasterawan negara usman awang*. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R. Suntharaligam & Abdul Rahman Haji Ismail. (1985). *Nasionalisme: satu tinjauan sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rahimah Dul Samat. (2012). *Citra wanita dalam novel pengabdian dan kumpulan cerpen tsunami di hatinya: satu perbandingan*. (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan). Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan.

- Raja Rajewari Seetha Raman. (2015). *Simbol dalam cerpen-cerpen anwar ridhwan: kajian konseptual kata kunci*. (Disertasi Kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Raymond Williams. (1983). *Keywords: a vocabulary of culture and society*. New York: Oxford University Press.
- Richard Freadman dan Seumas Miller. (1992). *Re-thinking theory*. London: Cambridge University Press.
- Siti Ajar Petra. (2012). *Tsunami di hatinya: citra muslimah dalam cerpen karya norsiah abdul gapar*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan.
- Suhaili Jumat. (2002). *Citra keperibadian wanita dalam pengabdian*. (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan). Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan.
- Zalilah Zainudin. (2007). *Konseptual-kata kunci: aplikasi terhadap cerpen-cerpen karya keris mas*. (Kertas Projek Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zurina Salleh. (2004, Februari). Analisis unsur perbandingan di antara cerpen ‘pemburis’ dengan cerpen ‘penantian’ dari awan putih berarak damai. *Bahana*, Bil 255, Jilid: 39, 62-66. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.